Jilid V
No. 29

Hari Sabtu
25hb Januari, 1969

# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

### PENGGAL KELIMA

### PENYATA RASMI

## KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN2 MULUT BAGI PERTANYAAN2 [Ruangan 4433]**

**RANG UNDANG2**
- **Rang Undang2 Perbekalan, 1969—**
  - **Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keenam)—**
    - **Kepala2 B. 15 hingga B. 17 [Ruangan 4442]**
    - **Kepala2 B. 20 hingga B. 26 [Ruangan 4469]**
    - **Kepala B. 27 [Ruangan 4476]**

**PENANGGOHAN (USUL) [Ruangan 4469]**

**JAWAPAN2 BERTULIS KAPADA PERTANYAAN2 [Ruangan 4493]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1969

MALAYSIA

# DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

## PENGGAL YANG KELIMA

*Penyata Rasmi*

---

Hari Sabtu, 25hb Januari, 1969

---

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

**YANG HADHIR:**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

" Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

" Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

" Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).

" Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

" Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

" Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).

" Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

" Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K. (Sabah).

" Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).

" Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).

" TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

„ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

„ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

Yang Berhormat TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
,, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
,, TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
,, TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
,, TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
,, DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
,, TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
,, TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
,, TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
,, TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
,, TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
,, TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
,, WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
,, TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
,, TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
,, TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
,, TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
,, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
,, TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia-Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).
,, TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
,, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
,, TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
,, TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
,, RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
,, TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
,, TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
,, TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
,, TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
,, TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
,, TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
,, PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
,, TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
,, TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
,, DR TAN CHEE KHOON (Batu).
,, TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

Yang Berhormat TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

„ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).

„ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

## DO'A

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## JAWAPAN[2] MULUT BAGI PERTANYAAN[2]

### MALAYSIA AHLI MAJLIS ASIA DAN PACIFIC SELATAN (ASPAC)

1. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri:

ada-kah Malaysia pernah di-jemput memasoki Majlis Asia dan Pasifik Selatan (ASPAC); jika tidak, ada-kah ia berchadang hendak menjadi ahli Majlis itu yang bukan sa-buah pertubohan tentera.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah pun menjadi anggota ASPAC semenjak terbentok-nya pertubohan daerah ini pada 16hb Jun, 1966.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa Persatuan ini di-anjorkan oleh kuasa besar saperti Amerika?

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar, bahawa Persekutuan ini ada-lah anjoran negara[2] di-Asia ini.

### SIARAN TALIVISHEN BERWARNA-WARNI— TALIVISHEN MALAYSIA

2. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Penerangan dan Penyiaran:

(*a*) memandangkan perlu-nya membaiki mutu penyiaran talivishen

di-Malaysia, ada-kah Kementerian-nya akan menimbang mengadakan siaran² talivishen yang berwarna-warni.

(*b*) berapa buah negeri sa-takat ini yang mengadakan siaran² talivishen yang berwarna-warni.

**Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah pun menimbangkan kemungkinan mengadakan siaran² talivishen yang berwarna-warni tetapi berpendapat bahawa ranchangan sa-umpama ini ada-lah terlalu mahal untok dilaksanakan. Pada masa ini ranchangan biasa talivishen pun maseh belum lagi dapat di-beri ka-seluroh negeri² di-Malaysia termasok Malaysia Barat dan Malaysia Timor dan Kementerian saya terpaksa-lah terlebeh dahulu memberi keutamaan kapada ranchangan untok memberikan perkhidmatan talivishen ka-seluroh negeri sa-belum bertindak untok memberi perkhidmatan talivishen yang berwarna-warni.

Sa-lain daripada itu suka-lah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut siasatan, chara perkhidmatan talivishen berwarna-warni belum-lah bagitu berkembang dan perbelanjaan untok melaksanakannya amat-lah besar. Negara² yang maju yang telah membekalkan perkhidmatan sa-umpama ini telah menghadapi beberapa kesulitan dari segi peratoran, dari segi perbelanjaan pula bukan-lah sahaja Kerajaan terpaksa membekalkan peruntokan wang yang berlipat ganda tetapi suka-lah saya mengingatkan bahawa peminat² ranchangan talivishen akan terpaksa membeli peti talivishen baharu untok menerima siaran berwarna-warni jika perkhidmatan ini di-terbitkan dan harga-nya, sa-panjang yang saya tahu, mengikut perbelanjaan atau wang Malaya atau pun Malaysia tidak kurang dari $2,000 satu set dan saya khuatir ada-lah ranchangan ini tidak akan mendapat sambutan daripada orang ramai.

Sa-panjang pengetahuan Kementerian saya negara Amerika Sharikat, Great Britain dan sa-tengah² negeri di-Eropah, Australia, New Zealand dan Jepon ada-lah negeri² yang telah pun mengadakan ranchangan talivishen yang berwarna-warni, tetapi beberapa buah negeri Asia dan negara Asia yang saya tahu yang mempunyai talivishen yang berwarna-warni ini sa-mata² merugikan dan tidak mendapat sambutan daripada orang ramai kerana set-nya terlalu mahal.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis):** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Oleh sebab Menteri Yang Berhormat telah menerangkan bahawa sa-nya maseh lagi talivishen siaran biasa belum di-penohkan di-negeri² Malaysia Barat dan Malaysia Timor, bila-kah ranchangan memenohkan bagi keperluan talivishen untok ra'ayat negeri² yang belum menerima nekmat siaran talivishen.

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam uchapan saya mengemukakan perbelanjaan Kementerian Penerangan dan Penyiaran, saya telah menyebutkan kalau sa-kira-nya dengan izin Allah subhanahu-wata'ala Microwave Link yang sedang di-buat sekarang ini siap pada pertengahan tahun 1969 ini, kawasan pantai timor ia-itu negeri Pahang terutama sa-kali Kuantan akan dapat menekmati talivishen dan bagitu juga pada tahun 1970 manakala microwave link itu sampai ka-Kuala Trengganu maka Trengganu pula akan mendapat.

Bagitu juga bagi Malaysia Timor saya sedang berunding dengan pehak Kementerian Kewangan dan Kementerian² yang berkenaan dengan memanjangkan atau meluaskan perkhidmatan talivishen ka-Malaysia Timor ia-itu ka-Sabah dan ka-Sarawak.

## PENGIRIMAN KOPON² PERTAROHAN BOLA KA-NEGERI LUAR

3. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar bahawa sa-tengah² kumpulan orang dalam negeri ini mengirim kopon² pertarohan bola ka-luar negeri, jika sedar, ada-kah perbuatan itu salah dan ada-kah

tindakan telah di-ambil dalam perkara ini.

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi suatu kesalahan di-bawah Ordinance Pejabat Pos, 1967 dan Act Pertarohan Bola Sepak, 1967 bagi sasaorang dalam Malaysia menghantarkan kopon2 pertarohan bola sepak kapada pertarohan bola sepak di-luar negeri. Semua sampol2 surat yang mengandongi kopon2 Pertarohan bola sepak yang di-poskan dari dalam Malaysia dan di-'alamatkan kapada pengusaha2 pertarohan bola sepak luar negeri ada-lah di-halang ya'ani *intercepted* oleh Pejabat Pos dan di-laporkan kapada Polis.

Sa-hingga ini 111 sampol surat telah dapat di-halang ya'ani intercepted oleh Pejabat Pos, 3 orang ya'ani berkaitan dengan 3 sampol surat telah di-da'awa di-Dungun berkenaan dengan kesalahan ini. Case2 yang lain ada-lah dalam penyiasatan.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab keadaan yang demikian ada-nya, ada-kah benar bahawa Pertarohan Permainan Bola ini akan di-tutup oleh sebab kurang peminat-nya.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu sudah ketinggalan zaman.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ketinggalan zaman, saya ingin tahu berapa keuntongan yang di-dapati, yang di-perolehi dengan pertarohan bola itu sa-lama ini?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang lain sama sa-kali.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian sedar bahawa ra'ayat negeri ini kurang meminati atau kurang faham atas peratoran2 pertarohan perlawanan bola ini. Kalau kira-nya ada, ada-kah Kementerian ini akan memberikan suatu penerangan seranta kapada ra'ayat negeri ini supaya meminati permainan pertarohan bola ini?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit lagi, sebab pertarohan yang di-maksudkan itu sudah pun di-tutup. (*Ketawa*).

## RENT OF FLATS, JALAN PEKELILING, KUALA LUMPUR

4. **Dr Tan Chee Khoon (Batu)** (*dengan izin*) asks the Minister for Local Government and Housing if he is aware that the charge of $54 and $75 for two and three room flats at Jalan Pekeliling is too high for the lower income groups who cannot afford them. When will the Kuala Lumpur Municipality build flats that is within the pockets of the lower income groups.

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Pesurohjaya Ibu Kota fixed rentals for the Jalan Pekeliling flats at $54 for 2-room flat and $75 for 3-room flat in order to meet the cost of the scheme. Even at these rates the rentals are still well below the current market rentals of similar accommodation in Kuala Lumpur. The cost of this scheme has increased considerably because of the high cost of land. The land was estimated at about $3 million, but this amount has been increased to about $7 million as a result of an award by the Federal Court of Appeal following an appeal by the land-owners. Furthermore, although the substantial part of this scheme was financed by the Central Government Loan at a highly subsidised rate of interest at 5% per annum, but in order that more units could be built in a comprehensive complex, such as the one in Circular Road, the scheme was partly financed by a loan floated by the Pesurohjaya Ibu Kota, and this loan bears interest at $5\frac{3}{4}$% per annum, and a sinking fund contribution of 1% per annum, and this loan term is not as favourable as loans from the Central Government.

The increase in the cost of this scheme, which is beyond the control of the Pesurohjaya Ibu Kota, has resulted in the Pesurohjaya Ibu Kota fixing the rentals as stated above. However, the Ministry, having regard to the welfare of the people in the low-income group felt that the scheme should be further subsidised in order to bring down the rental, and the Federal Capital Low-Cost Housing Advisory Committee was requested to study this matter and submit its recommendations. Based on the recommendations made by this Committee on 4th December, 1968, and after consultations with the Commissioner of the Federal Capital, the rentals in the Jalan Pekeliling Flats have accordingly been reviewed and fixed at $47 for 2-room flats and $67 for three-room flats, for those who qualified under the low-income group policy.

As for the last part of the question, it does not arise, as it has been and will always be the policy of this Ministry to complete low-cost housing schemes that will be within the reach of people in the low-income group, and the Kuala Lumpur Municipality has been acting in accordance with such policy. With the welfare of the people in low-income group in mind, the Ministry and the Kuala Lumpur Municipality, (in compliance with the directives of the Ministry) are constantly on the look-out for ways and means to reduce costs on low-cost housing schemes: for example (1) to build high rise flats in urban areas, so that the high cost of land can be spread over more units; (2) by using standard designs and layouts; (3) by adopting cheaper but not inferior building substitutes; (4) by open-tender system, to name a few.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Acting Minister aware that if, as he states, the Alliance Government and the Pesurohjaya Ibu Kota are always conscious of the welfare of the low-income groups of the country, why, in the first instance, were the rentals fixed at $54 and $75 for a two-roomed and three-roomed flats respectively, and why were they only reduced after a great deal of protest from not only the present tenants but also would-be tenants as well?

**Tuan Lee San Choon:** Mr Speaker, Sir, I have stated in my answer just now why the Pesurohjaya Ibu Kota has come to the decision of the original rental. I have stated in my answer that the Ministry later further felt that the low-income groups should be further subsidised; hence it has accepted the recommendation of the Housing Advisory Committee which reviewed the rental.

**Dr Tan Chee Khoon:** Sir, is the Honourable Acting Minister aware that calling these flats "2-room" and "3-room" is a misnomer or an euphemism, which is characteristic of the Alliance Government, for in effect those flats are not 2-roomed or 3-roomed flats—they are in effect one-room and two-room flats instead of 2-room and 3-room flats? Will the Honourable Acting Minister call a spade a spade and not try to call a small flat a big bungalow?

**Tuan Lee San Choon:** That is the view of the Honourable Member for Batu, Sir.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, is the Honourable Acting Minister aware that because the original rentals were fixed at $54 and $75, quite a number of people—I have first-hand knowledge of this—have been deterred from taking up flats allocated to them because of this high rental. Now, in view of the fact that these rentals have now been reduced, will the Honourable Acting Minister find out whether the Pesurohjaya Ibu Kota will agree to reconsider the cases of those who have been allocated flats but have been forced to reject the allocations because of the high rental prevailing then?

**Tuan Lee San Choon:** Mr Speaker, Sir, in the first place, the Minister is not aware of any applicants, prospective applicants, who were deterred because of the high rental. As regards the second part of the question, Sir, the Ministry is postponing the balloting of these flats in view of the latest development in reducing the rents for the low-income group.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, the information that I wish to seek from the Acting Minister is this. In view of the fact that there have been some people who had been allocated flats who, unfortunately, had to decline the acceptance of these flats because of the high rental prevailing then, if they apply now again, will their applications be considered or will they be told "Look here, you have already missed the boat, you were given a flat; you did not take it up; so we cannot consider your application now."

**Tuan Lee San Choon:** Sir, the Honourable Member for Batu is putting words into my mouth. Sir, I never said that the applicants, who were allotted flats, in view of the high rentals, had rejected them—I never said that, Sir.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, I did not put those words into his mouth. Those were my words (*Laughter*), because I know of it from first-hand experience, from people who come to me. After all, these people who go to the Jalan Pekeliling flats live opposite my Dispensary. They come and contact me. They come and see me. I am not putting words into his mouth. What I am saying is this: in view of the fact, and I know for certain, that there are a number of people who have declined acceptance of the flats allocated to them because of the high rentals then, if they apply now, will their applications be considered and not rejected?

**Tuan Lee San Choon:** Sir, as far as the Ministry is concerned, no one who is qualified has been rejected.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar dengan ada-nya bantahan atas rumah yang tersebut itu Kerajaan sedang berchadang hen-dak menjualkan pula kapada anggota² tentera kita?

**Tuan Lee San Choon:** Dato' Yang di-Pertua, kita sedang menimbangkan perkara ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kementerian yang berkenaan atau Pesurohjaya Ibu Kota menchadangkan mendirikan flat² tersebut dan menjual-kan flat² tersebut kapada orang ramai di-Kuala Lumpur?

**Tuan Lee San Choon:** Dato' Yang di-Pertua, jika ada permintaan daripada pendudok² maka Kementerian ini akan timbangkan.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedia menimbangkan beberapa peratoran yang ada bersang-kut paut dengan bangunan rumah ini ada mengurangkan yang menakutkan keselamatan penghuni² rumah itu? Ada-kah pehak Kementerian ini sen-tiasa akan mengkaji balek dalam bangunan ini?

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kita tidak sedar perkara ini ada berlaku dan saya fikir perkara ini tidak timbul.

## RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

### Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan atas Masaalah Kepala² 15, 16 dan 17 men-jadi sa-bahagian daripada Jadual (24hb Januari, 1969)—(Hari Yang Keenam).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

*Kepala² B. 15, B. 16 dan B. 17—*

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Pengerusi:** Lebeh dahulu dari-pada di-meshuaratkan yang sa-malam ada-kah Kementerian ini hendak mem-bawa satu chadangan Penanggohan.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada, sambong sa-mula.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis):** Tuan Pengerusi, menyambong uchapan saya petang semalam, maka pada pagi ini saya suka menyentoh peruntokan Dewan Bahasa dan Pustaka. Peruntokan Dewan Bahasa dan Pustaka ini telah di-kurangkan lebeh kurang lima ratus ribu ringgit dari tahun yang lalu. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai tempat pengeluaran buku teks dan akademik. Saya takut dengan kurang-nya peruntokan pada tahun ini kerja² di-Dewan Bahasa dan Pustaka juga ikut tersentoh tentang pelajaran-nya dalam perkembangan buku² pelajaran, sains dan teknoloji terutama dalam aliran Melayu maka Dewan Bahasa dan Pustaka-lah tempat kita berharap akan dapat menampong, mengatasi kekurangan buku pelajaran di-negara kita ini.

Saya menyentoh perlantekan Pengarah baharu Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Pengerusi, beliau akan bertugas sambilan di-Dewan itu disamping tugas rasmi-nya di-Kementerian Kewangan. Saya menguchapkan tahniah atas lantekan ini tetapi apa yang saya nyatakan di-sini, Tuan Pengerusi, saya yakin beliau akan dapat menjalankan tugas-nya dengan baik, tetapi apa yang kita harap saorang Pengarah Dewan Bahasa yang bertugas penoh masa akan dapat dilantek kemudian kelak supaya dapatlah tenaga fikiran-nya di-tumpukan kapada Dewan Bahasa dan Pustaka saratus peratus. Dengan yang demikian kita yakin Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat lebeh berkesan sebagai satu tenaga yang kuat dalam perkembangan pelajaran di-negara kita.

Dalam Kepala B. 15 Kepala-kechil² (57), (80) dan (81) Perbelanjaan Khas dan Penyelenggaraan Asrama Penuntut² di-Cairo, saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri supaya bangunan asrama itu di-besarkan, terutama-nya bila mana banyak-nya penuntut² perempuan kita yang menuntut di-sana. Pada masa ini penuntut² perempuan kita berselerak tinggal di-sekitar bandar Cairo itu. Membangunkan sa-buah asrama yang baru boleh-lah kita rundingkan dengan Kerajaan Negeri supaya ia mempunyaï share dalam bentok bangunan yang baharu itu. Kita ada mempunyaï 13 buah negeri di-dalam Malaysia ini yang sa-patut-nya memberi bantuan peruntokan daripada tiap² negeri-nya berkenaan membangunkan asrama itu. Dengan demikian peruntokan Kementerian Pelajaran sendiri tidak-lah tersentoh sedang Kementerian sendiri ada kekurangan wang. Dengan jalan demikian saya fikir, Tuan Pengerusi, pehak Kerajaan Negeri² di-bawa berunding dalam masaalah ini, masaalah ini boleh di-atasi, sedang tempat kawasan-nya maseh ada tetapi apa yang saya harapkan kalau ranchangan itu di-usahakan, Tuan Pengerusi, bentok bangunan asrama itu hendak-lah merupakan kebudayaan ke-Malaysian kita ini. Sebab bangunan² di-Cairo itu sebagaimana kota² yang besar, sangat banyak dan menyerupaï bangunan² yang lain, tetapi kalau sekira-nya kita tubohkan, dirikan bangunan berbentok ke-Malaysian saya fikir ini menarek lagi orang² yang di-Masir atau pelawat² luar negeri yang melawat Masir mengetahuï pada hakikat-nya kedudokan negara kita. Apa yang saya kehendaki, Tuan Pengerusi, bukan ditempat kita itu sahaja, dan negara kita sahaja bentok bangunan chara ke-Malaysiaan ini kita lakukan tetapi kalau boleh di-semua bangunan ditempat mana yang kita lakukan bentok chara kita hendak-lah kita adakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, masaalah asrama di-Cairo itu ada-lah tempat tumpuan penuntut² kita. Kita ada sa-ramai 300 orang lebeh penuntut di-Cairo dan bilangan ini bertambah dari sa-masa ka-semasa.

Penerangan berhubong dengan keadaan kemajuan negara kita sangat terbatas. Jikalau sa-orang pelawat daripada luar negeri atau pelawat dari negara kita ini datang ka-Cairo, atau penuntut² kita di-sana sentiasa mengadakan perjumpaan, mendengar laporan, cheramah, jadi dengan ini ternyata bahawa mereka itu kekurangan penerangan. Saya berpeluang melawat Cairo tahun dahulu, Tuan Pengerusi, dan dalam pengalaman saya bahawa sa-nya mereka mengikuti perkembangan negara kita tetapi apa yang saya takut, Tuan Pengerusi, kalau

salah faham penerangan di-lakukan, di-berikan kapada penuntut kita itu sangat berkesan pada hati-nya.

Tuan Pengerusi, di-dalam asrama di-Cairo itu patut sangat kita buatkan satu Bilek Gerakan, sama ada Bilek Gerakan ini berupa Bilek² Bachaan atau Bilek Gerakan yang merupakan penerangan negara kita dengan tujuan-nya bagi memberi penerangan kapada penuntut² kita, dan yang kedua-nya bagi menerangkan kapada pelawat yang melawat di-asrama itu. Di-asrama itu, Tuan Pengerusi, pada bilang tahun Hari Jadi Malaysia, Hari Ke-merdekaan pertunjokkan kebudayaan di-langsongkan. Jadi pada masa itu pameran di-lakukan. Pada masa yang sudah ini Jabatan Kedutaan kita di-sana telah memberi sokongan, tetapi kalau sa-kira-nya ini di-lakukan sendiri oleh Kementerian Pelajaran dengan membuat satu bilek gerakan umpama-nya mempamerkan kemajuan yang kita lakukan, ini memberi pertolongan ka-pada ra'ayat atau penuntut kita di-sana bagi memperkenali tanah ayer-nya dalam zaman pembangunan ini.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya menyentoh B. 16 Kepala-kechil 12, Maktab Pertanian Serdang. Peruntokan telah di-tambah pada tahun ini, tetapi apa yang kita harus fikirkan bahawa negara kita ini ada-lah sa-buah negara pertanian. Kita harap Sekolah Mene-ngah Pertanian hendak-lah di-dirikan di-negeri² di-dalam Malaysia ini yang bakal melateh penuntut² atau belia² kita mengambil peranan di-dalam dunia pertanian di-negara kita ini, supaya mereka menjadi ahli pertanian yang baik. Pengeluaran penuntut dari Mak-tab Serdang tidak menchukupi atau tidak menchukupkan menampong ke-hendak negara² kita dalam bidang² pengeluaran barang² tanaman. Oleh yang demikian kajian ka-arah ini hendak-lah di-semak sa-mula oleh pakar² pelajaran kita di-negara kita supaya perimbangan harus di-selaras-kan dengan kehendak negara dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru-lah kapada Kementerian Pelajaran supaya berhubong rapat dengan Ke-menterian Pertanian dalam masaalah mendirikan Sekolah Menengah Per-tanian ini pada tiap² negeri, kerana sa-tengah² tempat maseh banyak tempat, bangunan hanya kalau dapat Kerajaan menambah atau menghantar atau mem-buat peruntokan. Dan peruntokan ini juga tidak saya rasa berat kalau sa-kira-nya Kementerian Pelajaran sendiri boleh berunding dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan peruntokan bagi penyelenggaraan Sekolah Per-tanian di-dalam sa-buah² negeri dalam Malaysia ini. Saya rasa negeri Pahang, saya tidak bangga dengan negeri saya yang penoh hutan, tetapi kalau sa-kira-nya Kerajaan Pusat atau Kemen-terian Pelajaran berunding, Kerajaan Negeri Pahang akan menyambut per-undingan itu dengan hati yang terbuka. Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya dengan sa-penoh hati menyokong per-untokan ini. Terima kaseh.

**Tan Sri Syed Ja'afar bin Hassan Albar (Johor Tenggara):** Tuan Penge-rusi, ada beberapa perkara di-dalam belanjawan Kementerian Pelajaran ini, yang saya ingin hendak membinchang-kan-nya untok perhatian Kerajaan dan juga Menteri Pelajaran yang berkenaan. Sa-belum saya berchakap lebeh lanjut, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri Pelajaran ke-rana Kenyataan-nya dalam Dewan ini ia-itu derma² pelajaran pada tahun² yang akan datang di-jadikan atau pun akan di-ubah kapada pinjaman² pela-jaran kapada anak² kita yang berkela-yakan menerima-nya. Saya fikir sudah sampai masa-nya derma pelajaran ini di-hapuskan kechuali dalam keadaan² yang tertentu yang sangat² mustahak. Sebab dengan memberikan pinjaman kapada murid² yang pergi belajar itu, murid² itu akan mendapat satu sema-ngat yang baru, satu galakan yang baru dan jiwa tuan akan tumboh di-dalam diri tiap² sa-orang penuntut itu, bukan jiwa hamba lagi terta'alok ka-pada sharat² yang di-buatkan oleh derma² pelajaran itu.

Penuntut² yang mendapat pinjaman untok belajar, ini akan memechut mereka, dan mendorongkan mereka untok belajar lebeh lagi kerana mereka mempunyai keyakinan bahawa wang yang di-gunakan untok belajar itu ada-lah wang mereka sendiri dan akan

di-bayar-nya apakala berjaya dalam pelajaran. Oleh sebab itu pandangan daripada sa-tengah² pehak Pembangkang yang tidak mempersetujukan ini dan bimbangkan bahawa anak² Melayu konon-nya akan kurang mendapat peluang melanjutkan pelajaran kerana pinjaman, saya tidak setuju dengan pendapat yang sa-umpama itu. Malah dengan ada-nya ranchangan pinjaman sa-umpama ini, pinjaman itu akan dapat di-luaskan, meliputi lebeh banyak lagi penuntut² kerana wang yang kita belanjakan pada tahun ini lepas dua tiga tahun, sa-telah penuntut² itu balek dan bekerja membayar balek wang-nya dan wang itu akan di-taborkan dan akan di-berikan kapada yang lain².

Jadi saya fikir langkah yang di-ambil oleh Kementerian Pelajaran dalam soal ini, satu langkah yang wajib di-puji dan di-galakkan dan sa-patut-nya perkara ini sudah di-jalankan terlebeh dahulu daripada hari ini.

Tuan Pengerusi, dalam masa yang kebelakangan ini banyak timbol atau banyak di-bicharakan soal pelajaran *Sex* dalam Sekolah, hendak di-adakan, tetapi bila saya semak buku belanjawan ini nampak-nya tidak ada peruntokan untok-nya atau kerana-nya. Jadi saya pun hairan memikirkan adakah Kerajaan bersunggoh² hendak mengadakan Pelajaran *Sex* ini atau hanya gembar-gembor dalam surat khabar untok mengetahuï reaksi daripada orang ramai dan sambutan orang ramai kapada chadangan Kerajaan hendak mengadakan pelajaran *sex* ini. Jadi biar-lah saya membuat reaction yang pertama berkenaan dengan pelajaran sex ini. Saya sa-betul-nya. hendak tahu segi mana dan bab mana dalam sex yang akan di-ajar dalam sekolah² itu (*Ketawa*) dan sudah-kah kita ada orang² yang ahli, yang hendak mengajar sex ini dalam sekolah? Ini satu soal yang kita dengar, dengan senyum dengan gelak ketawa tetapi yang sabenar-nya ini satu soal yang *serious* kalau silap emplementasi-nya dan perlaksanaan-nya. Oleh sebab itu sa-belum Kerajaan menjalankan pelajaran sex dalam sekolah², saya ingin meminta kapada Menteri yang berkenaan menyatakan dalam Dewan ini, apa-kah faedah², kebajikan² yang telah di-peroleh oleh negeri² atau Kerajaan² atau pehak² yang menjalankan pelajaran sex di-tempat dan di-negeri mereka. Jangan sahaja kita mendengar di-negeri lain ada pelajaran sex, kita pun mesti ada pelajaran sex. Akibat pelajaran sex itu apa dia. Saya bimbang benar² dengan mengadakan pelajaran sex ini, ular yang tidor itu di-bangkitkan dan di-bangunkan untok menchari mangsanya. (*Ketawa*). Jadi ini-lah, Tuan Pengerusi, patut soal hendak mengadakan pelajaran sex ini mendapat pandangan daripada tiap² sa-orang yang ada dalam negeri ini, kerana ini mengenaï diri tiap² sa-orang kalau tidak mengenaï diri-nya, mengenaï anak-nya atau saudara mara-nya.

Saya minta daripada Kerajaan dalam soal Pelajaran sex ini sa-belum melangkah kena-lah tengok² di-mana langkah dan tapak kaki-nya hendak di-letakkan, supaya jangan kita membuat sesuatu keputusan hari ini yang terpaksa kita akan suffer, kita akan menerima benchana-nya pada satu hari yang akan datang kelak. Dan pada masa itu Parti² Pembangkang pula akan menggunakan-nya menentang kita di-kampong² dan di-bandar² juga.

Tuan Pengerusi, berkenaan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan peruntokan yang telah di-kurangkan kapada-nya saya juga menyertaï rakan² saya yang telah menyatakan rasa kesal dan kebimbangan berkenaan dengan pengurangan belanja atau peruntokan yang di-berikan kapada Dewan Bahasa. Mentelah pula Dewan Bahasa pada hari ini sedang menghadap satu keadaan yang kita tidak tahu apa yang akan datang. Baharu² ini kita telah mendapat faham bahawa Yang Berhormat sahabat saya Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan telah di-lantek untok menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bekerja, bukan full-time, sa-paroh masa. Saya di-samping menghargaï perlantekan itu dan sambil menghargaï kebolehan dan kechekapan rakan dan sahabat saya, Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, saya fikir Dewan Bahasa sangat² memerlukan sa-orang yang

penoh masa, untok menjalankan tugas dan kewajipan dalam Dewan itu, Saya tahu juga Dewan Bahasa terletak dibawah Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Menteri Pelajaran mempunyaï angan² dan chita² yang banyak untok menjalankan berbagai tugas, untok menyerupakan tugas yang belum sempurna pada masa yang lepas dan menjalankan tugas² yang baharu. Maka oleh sebab itu ada-lah sangat² patut dan wajib sa-orang yang akan memegang jawatan Pengarah itu mesti-lah dengan sa-penoh masa tidak dengan sambil², kechuali kalau kita berchadang hendak mengurangkan aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka dan saya fikir yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri akan menentang sa-barang usaha untok mengurangkan aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka kerana Dewan Bahasa dan Pustaka ada-lah menjadi lambang bagi memperjuangkan Bahasa Kebangsaan yang kita telah meterikan dalam Perlembagaan kita sabagai bahasa rasmi negara kita.

Oleh sebab itu semolek²-nya saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dapat melihat perkara ini dan memerhatikan perkara ini supaya sa-orang sa-penoh masa akan dapat di-lantek dengan sa-berapa segera yang boleh supaya chita² dan hasrat Menteri Pelajaran untok melihat perkembangan Dewan Bahasa dan Pustaka itu tidak akan tergendala di-satengah jalan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin menguchapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana kenyataan-nya berkenaan dengan Universiti Kebangsaan yang akan dimulakan pada tahun 1970 bagaimana yang telah di-siarkan dalam surat² khabar ini hari dengan bold type, dengan taip kasar, yang boleh di-bacha oleh orang yang kurang terang matanya. Satu sahaja yang menjadikan saya sadikit mushkil kerana dalam Anggaran Belanjawan Kementerian ini tidak ada hatta token vote untok Universiti Kebangsaan. Dan ini pun saya tidak-lah dapat hendak blame atau menyalahkan Kementerian Pelajaran ini kerana barangkali belanjawan ini, buku belanjawan ini telah di-siapkan lebeh dahulu daripada Kementerian Pelajaran menetapkan pendirian-nya terhadap Universiti Kebangsaan ini. Tetapi walau bagaimana pun saya sendiri menanti dan bukan saya sa-orang sahaja malah ra'ayat seluroh-nya sebab soal Universiti Kebangsaan ini, Tuan Pengerusi, telah menjadi satu soal nasional, soal yang menarek perhatian orang yang di-desa² dan kampong² apa lagi orang² yang di-dalam bandar². Kerana soal Universiti Kebangsaan ini ada-lah kemunchak daripada dasar Pelajaran yang kita telah terima pada hari ini. Dasar pelajaran yang ada pada hari ini dengan tidak ada Universiti Kebangsaan maka nampak benar bahwa dasar Pelajaran itu tidak lengkap, tidak sempurna dan tidak chukup. Oleh sebab itu kita bersama² memperjuangkan Universiti Kebangsaan itu untok melihat bahawa dasar Pelajaran yang kita telah terima itu dapat dilengkapkan, dapat di-sempurnakan dan mempunyaï kemunchak-nya. Ini-lah sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, soal Universiti Kebangsaan itu mendapat perhatian yang bagitu bersunggoh² daripada tiap² sa-saorang ra'ayat yang ada dalam negeri ini.

Lagi satu perkara dalam soal Universiti Kebangsaan ini bukan hanya token vote-nya tidak ada dalam buku belanjawan ini tetapi di-dalam kenyataan yang di-buat oleh Kementerian Pelajaran baharu² ini tentang lantekan Jawatan-kuasa yang hendak menggubal Undang² Universiti Kebangsaan itu telah di-ishtiharkan dengan tidak mempunyaï Pengerusi. Jadi, saya bimbang, Tuan Pengerusi, Jawatan-kuasa ini akan menjadi sa-bagai gerabak² keretapi yang tak ada kepala hendak menarik-nya, tetapi saya mempunyaï keyakinan dan keperchayaan yang penoh bahawa sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan membuat kenyataan dalam persidangan Dewan ini juga mengishtiharkan Pengerusi Jawatan-kuasa penggubal Undang² Universiti Kebangsaan itu supaya dapat kita meyakinkan diri kita sendiri dan meyakinkan orang ramai dalam negeri ini bahawa Kerajaan sedang berjalan dengan pesat dan sunggoh² menuju kapada Universiti Kebangsaan dengan tidak lagi berpura². Terima kaseh.

**Tuan Pengerusi:** Saya suka hendak mengingatkan Ahli² Yang Berhormat ia-itu saya akan meminta Menteri yang berkenaan menjawab lebeh kurang pukul 11.15 kerana sudah banyak sa-kali ahli² berchakap sudah 14 orang sudah berchakap pada hari semalam dan hari ini. Terutama sa-kali saya katakan ia-itu meshuarat kita telah terlambat sa-patut²-nya hari ini sudah sampai kapada Kepala 33 Kementerian Penerangan kalau kita kira daripada hari yang ka-14 kita tak chukup masa. Dari itu saya minta-lah dan merayu kapada Ahli² Yang Berhormat ia-itu di-minta Menteri itu menjawab pada pukul 11.15.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, thank you for giving me the opportunity to speak. One notable feature of the past year has been the absence of recrimination between the Minister of Education and the Teachers' Unions towards the end of last year and continuing into this year. I wish to congratulate the Minister and the teachers as well on their burying the hatchet in the interests of education of the rising generation in this country. I hope that this harmony between them will be maintained, though I can foresee the delay in the publishing of the Aziz Report and the implementation of its recommendations may well impair the peace and harmony that prevails between them now.

Sir, it is of extreme importance that the Minister should start talks with the Teachers' Unions as soon as the Aziz Report is published. The teachers of this country have waited patiently for more than a decade and, should there be any more inordinate delay, it will result in an open warfare between them and the Minister once again and this is not in the interests of education in this country.

Whilst we are on the Aziz Report, once again I wish to draw the attention of the House to the exploitation of clerks in Fully Assisted Schools in Malaysia. There is no doubt that the Union of Clerks in Fully Assisted Schools has a very good case in asking for parity with their counterparts in the G.C.S., i.e., the General Clerical Service. For twelve years, in addition to being on a lower salary scale than the G.C.S. clerks, the school clerks have lost fringe benefits as housing and medical facilities.

The Minister of Finance, on 7th June, 1968, has solemnly promised in this House that where anomalies exist in the Schemes of Service, these anomalies would be rectified despite the deep freeze of the Suffian Salaries Report. Unfortunately, this is yet another example of the broken promises of the Alliance Government. In view of what the Minister of Finance has promised in this House, why should the school clerks wait for the Aziz Report to be published before their case can be resolved, and how long more must they wait before their justifiable case be settled? The Gerakan calls on the Minister to treat this as a special case and correct these glaring anomalies that exist in the Scheme of Service of the school clerks in Fully Assisted Schools as an interim measure before the Aziz Report is made public.

There is no doubt that education in this country has become very costly and in many cases it has become prohibitive to most parents, Even without the increase in school fees in the secondary schools, the Ministry of Education was faced with the problem of students who dropped out after completing Standard VI. Why do they do so? The answer is a simple one—they cannot afford to continue their secondary education because their parents cannot afford the high cost of secondary education. Now that the school fees have been increased, of course, the problem is made worse for parents especially those in rural areas. The Minister of Education in reply to a question which I asked in a previous session of this House, has stated that the expenditure of P.E., that is Personal Emoluments, for May and June 1967 was $12 million-plus, whereas for the corresponding period of June 1968, the sum expended was also $12 million-plus—a little higher. Members will note that there is this small increase of P.E. as between 1967 and 1968. In May

and June 1967, the school fees collected were $2,513 million but for the corresponding period of 1968, the fees collected were $4,248 million— these are all official figures. Members will. I hope, notice that the fees collected for 1968 for the months of May and June, was 70 per cent more than that of the corresponding period of 1967. But this vast improvement in revenue for fees has been achieved at what expense? This increase of fees has resulted in many students dropping out because their parents cannot afford to pay the extra fees. An analysis of the sums of money owing to the increase in fees and of the students dropping out, will confirm what I say, i.e., by increasing school fees, the Minister is driving away large number from the secondary schools.

The Gerakan calls on the Minister to withdraw the increase in school fees for secondary schools and raise the revenue elsewhere. The youths and rising generations of this country should not be penalised in this way.

At every Budget Session of this House, the question of high cost of textbooks and exercise books has been raised. The cost of textbooks has become prohibitive to a large number of parents in this country. I have four children in school—two of them in the secondary school and two of them in the primary school. I must confess that I did feel the pinch when I was presented with the bill for their textbooks. If I can feel the pinch, it stands to reason that thousands of others in this country will feel it much more. Despite what the Ministry has done to standardise textbooks and stop frequent changes, there is no doubt that such frequent changes of textbooks do take place still. Some schools literally fleece their pupils over the sale of exercise books. I am told that in some schools a 120 page exercise book, which costs 18 or 19 cents, is sold at 40 cents—a profit of more than 100% Then an 80 page exercise book, which costs 12 or 13 cents, is sold for 20 cents.

The Gerakan calls on the Minister of Education to put a stop to such frequent changes in textbooks and to profiteering in school exercise books.

This House has heard the Minister reveal the number of students who have been expelled for subversive activities in private Chinese schools. Here, it is regrettable that both the Minister of Education and his Assistant Minister, a Chinese himself, have threatened to close down these private Chinese schools. Why should the Minister threaten such a drastic action when the proper thing to do would be to find the reasons why such students fall in for subversive activities and to take remedial measures? Threatening to close down these private secondary Chinese schools is certainly not the best way to solve such a problem. In any case, is the Minister absolutely sure that such subversive activities do not exist in Malay, English or Tamil schools? If they do, will he close down these schools as well? One of the reasons why these private Chinese secondary schools exist is because of dissatisfaction over the educational policy of the Alliance Government. Amongst other things the Chinese and Tamil secondary schools have to take their examinations either in the National language or in English. Thus this virtually makes them National language or English medium schools. Clearly this is a most unsatisfactory state of affairs and the Gerakan calls on the Alliance Government to allow these Chinese and Tamil secondary schools to take their examinations in Chinese and Tamil respectively.

Mr Chairman, Sir, the Permanent Secretary to the Ministry of Education has received a memorandum on the Schools Post-Secondary Society Regulations, 1960 prepared by the N.U.M.S., i.e., the National Union of Malaysian Students. This Union alleges that the P.S.S.R. has been used by Heads of Educational Institute to intimidate student leaders because there is no provision of appeal against victimisation of students by Heads of Schools and Colleges. Many students have been cowed into submission by their Heads who have dangled this Sword of Damocles before the student leaders.

Sir, I shall quote a few examples of the abuses of the P.S.S.R. by the various Heads of Schools. In the Technical

College, Kuala Lumpur, pressure was brought to bear upon the students to amend the constitution of their Union which had been locally accepted by the Registrar of Societies prior to the introduction of the P.S.S.R. The original version of the constitution granted full liberty to organise, manage and conduct their own affairs but after many attempts to retain this version, the students were compelled to amend the constitution though at no time had the students violated the Regulations. On February 6th, 1964, in the Malayan Teachers' College, Penang, after a disagreement arising between the Administration and the Students' Union over accommodation and orientation, the principal put up a notice banning ragging and warned the student leaders that under the provisions of the P.S.S.R. he could alter the constitution or dissolve the Union. He implicitly also warned that they face the threat of failing their examinations if they did not support him. The Principal thus forced the Union to change the constitution and frightened many of them serving in the Union as Union leaders. On May 16, 1965, in the Malayan Teachers' College, Penang, the Administration refused permission to the Union to organise the hitherto Annual Pasar Ria on the grounds that the last Pasar Ria had not been run to the Administration's satisfaction. A subsequent request for holding a Flag Day for charity was also refused. Requests for holding political forums and symposia in the Technical College had been repeatedly refused, the Principal giving the reason that the students should better confine themselves to engineering talks, when the top technologists the world over are advocating that scientific and technical personnel should have a broader outlook and be given a say in the running of the Government. And so, I can go on Mr Chairman, Sir, quoting from this Memorandum that the N.U.M.S. has sent to the Permanent Secretary to the Ministry of Education.

It is incredible that, in these enlightened days, the Minister wanted to crush the activities of the students in our various Colleges. I must warn him and the Alliance Government that the natural reaction of the students, if they are suppressed too long would be to go on the rampage as students in a large number of countries the world over have done. The Minister has been sensible enough to suspend the Letter of Suitability in the University of Malaya for two years. Now, the Gerakan calls on him to repeal the . . . . P.S.S.R., so that responsible student activities can be fostered instead of being repressed.

For this year, Mr Chairman, Sir, a sum of $9,094,000 has been allocated for Scholarships and Training. It is no secret that the students of the University of Malaya are thoroughly dissatisfied with the manner in which scholarships are being awarded by the Central and State Governments. Under the present system, scholarships are made not on the results of the H.S.C. Examination but on the past records of the students. Sometimes the embarrassing situation arises when the student has been given a scholarship to enter the University of Malaya but has failed in his H.S.C. Examination. Under this system, the sons or daughters of Datos, Tan Sris, Members of Parliament and State Assemblymen and those with the pull get these scholarships, both Federal and State, while the brilliant children of the farmers and the fishermen are very often ignored. Now, I know of cases of Malays who have gained places in the University of Malaya, but, because they have no pull and therefore cannot get a scholarship, they cannot enter the University of Malaya all because they have failed to get a scholarship. Thus, one can see that as between the bumiputras themselves the poor but good students are discriminated against.

The Gerakan calls on the Minister of Education to put a stop to this discrimination amongst the *bumiputras* themselves. The proper thing to do would be for the University of Malaya to arrange the applications for scholarships in order of academic merit based on the H.S.C. results and then the relevant authority can make the selection based on academic merit but not on class and on pull. If this is done, then only deserving students can enter the University of Malaya. The Gerakan

commends this system to the Minister. I must confess that I have talked this over with top officials but they have made no headway at all. But at a Forum held at the University of Malaya the Member for Segamat Utara—I mean the present one—agreed with the proposal of mine and promised to support me if I make this proposal in this House.

Mr Chairman, Sir, the performance of the Alliance Government in the field of technical and vocational training has been a very dismal one. The Alliance Government has been in power since 1955, so that it cannot plead lack of time as an excuse for this sorry state of affairs. The educational system has been geared towards producing "white collar" workers, and even now the allocation for the training of "blue collar" workers is far too little. Worst still, as I have pointed out before, a large number of the drop-outs from schools after Standard VI and at Form III level are not at all equipped to do anything, even to use their hands. The industrialists in this country are crying out for workers who can use their hands, be it from the Technical College, Technical Institutes of Vocational Schools, but these Institutions are far too few and cannot meet the needs of the industry.

On page 105 of the Budget Summary there are the following allocations for Technical Education:

| | 1968 | 1969 |
|---|---|---|
| West Malaysia .. | $3.886 million | $5.511 million |
| East Malaysia .. | $227,900 | $206,400 |

Thus, we can see how paltry these allocations are for technical education when you consider that the allocation for the Ministry of Education from the Ordinary Expenditure is $433,705 million. We have only one Technical College and only this year do we have a Polytechnic at Ipoh. There are far too few technical institutes and vocational schools.

The Alliance Government says that they want to gear their efforts towards science and technology but their performance in these fields belie their words. Hence, the Gerakan calls on the Minister of Education to build more technical and vocational schools, so as to equip our rising generations for "blue collar" jobs instead of throwing them into the streets, not equipped at all even to use their hands. Thank you.

**Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu):** *Bangun.*

**Tuan Pengerusi:** Saperti saya sudah nyatakan tadi, pada pukul sa-belas suku Menteri akan menjawab. Saya boleh benarkan hingga pukul 11.15.

**Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman:** Tuan Pengerusi, menasabah dengan Perlembagaan ugama Islam, ugama rasmi negeri ini, ia-itu bahawa di-ajar di-Sekolah² Kebangsaan dengan tulisan Jawi, sebab di-masa ini tulisan Jawi hanya boleh di-dapati di-Sekolah² Ugama Islam Ra'ayat sahaja.

Tuan Pengerusi, sedangkan Sekolah Ugama Islam Ra'ayat, Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita tidak bagitu suka. Pada satu masa Yang Berhormat Menteri sendiri memberitahu jangan di-hantar anak² tuan kapada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat kata-nya, kerana tidak ada jaminan. Kalau-lah tuan² hantar anak² tuan kapada Sekolah² Ugama Ra'ayat, sama-lah tuan² letakkan anak² tuan di-atas pokok kayu, kemudian di-tumbangkan pokok itu. Ini-lah perkataan-nya.

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang telah di-lafadskan oleh Yang Berhormat Menteri ini nyata-lah tulisan Jawi ini anak² kita di-masa hadapan tidak dapat mengikuti lagi. Apabila tulisan Jawi tidak tahu, maka sudah tentu bahasa Arab tidak tahu pula. Bila tidak tahu bahasa Arab daripada mana kita hendak tahu hal ugama. Sudah tentu ugama tidak tahu pula, kerana asal usul ugama ini daripada Qur'an. Qur'an itu sudah tetap dalam bahasa Arab, maka huruf Jawi itu ada-lah huruf Arab.

Saya suka masok sadikit pada B. 16, muka 212, Pechahan-kepala 8—Bantuan kapada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat. Mengikut tahun 1968 $608,000 tetapi pada tahun ini ada-lah bertambah $638,784. Walau bagaimana pun, saya uchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri di-atas tambahan peruntokan kapada Sekolah

Ugama Islam Ra'ayat sa-banyak lebeh daripada $30 ribu daripada tahun 1968. Di-samping itu kita berharap kapada Menteri supaya mengambil berat sadikit kapada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat dengan meninjau balek kapada sekolah² yang tidak ada dapat bantuan itu supaya dapat bantuan juga yang tidak menchukupi supaya jadi chukup. Jangan-lah jadi saperti tahun² yang dahulu, ia-itu-lah peruntokan kapada Sekolah Ugama Ra'ayat sudah-lah sadikit peruntokan, tetapi tidak pula dihabiskan peruntokan itu, bila sahaja tidak habis peruntokan, berkata-lah beliau—Yang Berhormat Menteri itu—Sekolah Ugama tidak ada lagi di-dalam negeri ini. Oleh yang demikian sa-kiranya ada ragu² pada masaalah Sekolah² Ugama Islam, Sekolah Ugama Ra'ayat di-dalam negeri ini, boleh-lah Yang Berhormat Menteri itu berjumpa saya, akan saya berikan kenyataan mengikut sekolah² yang ada di-negeri Kelantan, Kedah dan lain².

Sekian-lah saya uchapkan selamat untok memikirkan supaya menchapai kejayaan ra'ayat di-dalam negeri ini dunia hingga sampai ka-akhirat. Sekian-lah.

**Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari):** Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat sakalian yang telah memberikan sokongan kapada Anggaran Belanjawan bagi tahun 1969 untok Kementerian saya. Apa yang sangat menarek perhatian saya ia-lah sokongan itu datang-nya dari bukan sahaja penyokong² Kerajaan tetapi juga dari pehak Pembangkang. Ini berarti bahawa usaha Kerajaan dalam soal Pelajaran ini ada-lah di-tujukan kapada ra'ayat jelata dan bukan digunakan sa-bagai satu alat politik party.

Kerajaan Perikatan sentiasa menjalankan dasar pelajaran ini bukan dari segi sentimen perkauman atau politik tetapi dari segi kepentingan ra'ayat seluroh-nya. Itu-lah sebab-nya Kerajaan kita sentiasa menentang sebarang pehak atau gulongan yang chuba menggunakan pelajaran atau ugama sabagai "modal politik" mereka itu. Kerajaan menjalankan dasar pelajaran kebangsaan ini benar² untok kepentingan politik, sosial, ekonomi dan ugama dalam negara kita.

Atas kesedaran ini-lah, maka Kerajaan kita meletakkan Kolej Islam itu sa-bagai sa-buah pusat pelajaran tertinggi Islam. Dalam soal ini-lah saya tidak bersetuju dengan sikap Wakil dari Bachok yang sa-olah² tidak bersetuju dengan konsep Kolej Islam yang ada pada hari ini. Beliau sa-olah² hendak menjadikan Kolej Islam itu samata² sa-bagai satu pusat pelajaran Islam yang hanya untok mengajar sambahyang, puasa, naik haji sahaja, walhal Islam itu ada-lah satu ugama yang sangat progressive, yang mana di-dalam-nya mengandongi ajaran ekonomi, sosial, politik dan sa-bagai-nya. Kita tidak mahu lagi orang² Islam di-Malaysia ini kolot mengikut ajaran Islam di-masa² yang lalu. Di-masa² yang lalu apabila kita berchakap berkenaan dengan soal Islam, maka kita sa-mata² ingat kapada tikar sembahayang serta tasbeh dan sa-bagai-nya sahaja. Pelajaran Islam yang di-anjorkan oleh Kerajaan kita pada hari ini khas-nya di-Kolej Islam itu ada-lah mengikut konsep Islam yang sa-benar²-nya.

Tujuan Majlis Kolej Islam menukarkan chorak pelajaran di-Kolej itu ialah supaya menyesuaikan dengan keadaan zaman. Sekarang ini ada tiga aliran pengetahuan yang berasingan di-Kolej Islam itu, ia-itu (*a*) Jurusan Ugama, (*b*) Jurusan Sains dan (*c*) Jurusan Sastera.

Negeri Islam yang lain yang progressive telah pun menukarkan chorak pusat² pelajaran tinggi mereka sebab mereka sedar bahawa sa-saorang Islam itu bukan hanya di-kehendaki mengetahuï pelajaran² ugama sahaja tetapi juga pelajaran² sains dan sastera supaya mereka dapat mengambil tempat mereka di-dalam dunia, ini yang sa-imbang dengan bangsa lain yang sudah maju. Sa-orang ahli ugama yang tahu sadikit sa-banyak berkenaan dengan sains mithal-nya ada-lah lebeh besar pengaroh-nya kapada masharakat. Ugama Islam ia-lah saperti mana yang kita semua tahu ia-lah satu ugama yang prektikel bukan ugama untok di-akhirat sahaja.

Yang Berhormat dari Bachok mengatakan tidak ada satu Yayasan Tinggi Islam di-negara kita. Ini tidak benar, kerana Kolej Islam kita pada masa ini sedang berubah menjadi satu Yayasan Tinggi Islam yang akan memberi pelajaran yang lebeh luas kapada umat[2] Islam seluroh-nya. Mereka kesemua sa-belum di-terima masok ka-Kolej Islam mesti-lah mempunyaï kelulusan HSC sama saperti penuntut[2] yang masok ka-Universiti Malaya. Kita berharap mereka yang lulus kelak bukan sahaja akan dapat menjadi Kadhi saperti mana yang sudah[2] bahkan kita berharap pada masa yang akan datang keluaran daripada Kolej itu akan dapat menjadi ahli sains, ahli pentadbir negara dan juga Ahli Dewan Ra'ayat yang baik dan lain[2] lagi. Wakil dari Bachok juga kononnya marah kapada saya sebab tidak bawa dia ka-Paris. Yang sa-benar-nya saya memang ingat hendak singgah di-Beirut untok mengambil pergi bersama[2] dengan saya tetapi malang-nya saya mendapat tahu bahawa dia ada penyakit jantong. Kalau saya bawa juga ka-Paris harus dia *piap* di-tengah jalan atau pun di-Paris.

Yang sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat itu memang suka terikut[2] dengan tidak mengetahuï kedudokan yang sa-benar-nya. Mithal-nya dalam soal tulisan Jawi, dan di-sini saya juga suka menjawab kapada apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi. Beliau tidak tahu yang tulisan Jawi itu ada memang di-galakkan di-sekolah kebangsaan kita sa-lain daripada dalam pengajaran ugama Islam. Sekolah[2] telah pun di-arahkan mengenaï soal ini ia-itu pelajaran Jawi itu di-ajarkan mulaï daripada Darjah II di-sekolah rendah ini di-sekolah[2] kebangsaan.

Satu lagi ia-itu mengenaï tudohan Ahli dari Bachok bahawa Yahudi telah memutar belitkan Qur'an. Ini tidak menghairankan saya. Di-Malaysia ini sendiri kita dapat melihat orang[2] ugama yang bertopengkan jubah dan serban sentiasa memutar belitkan ayat[2] suchi al-Qur'an kita. Umpama-nya ada orang[2] kita sendiri yang mengkafirkan orang[2] Islam yang berbaik[2] dengan orang China dan orang India di-negeri ini. Saya hairan mengapa Ahli Yang Berhormat itu tidak letakkan soal putar belit Qur'an itu kapada kawan[2]-nya sendiri.

Satu lagi yang saya suka hendak menjawab kapada Ahli Yang Berhormat dari Bachok ia-lah mengenaï tudohan-nya yang mengatakan murid[2] yang lulus LCE atau SRP boleh memasoki Kolej Pertanian di-Serdang. Beliau itu tidak dapat langsong membedzakan taraf Kolej Serdang dengan taraf sekolah. Yang mempunyaï kelulusan SRP itu ia-lah murid[2] untok memasoki Sekolah Pertanian dan bukan Maktab Pertanian. Penuntut[2] yang memasoki Sekolah[2] Pertanian di-bawah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama itu hanya untok mendapat sijil bagi menjadi Junior Agricultural Assistant atau Pembantu Pertanian Muda, manakala yang keluar dari Maktab Pertanian Serdang itu ada-lah mendapat kelulusan Diploma.

Yang Berhormat wakil dari Lipis telah mengshorkan supaya Kerajaan mengenakan entrance fee atau pun yuran masok ka-Universiti kita. Saya tidak dapat bersetuju dengan shor itu. Ini ia-lah kerana saya anggap kemasokan ka-pusat pengajian itu ada-lah satu hak atau pun right yang amat tinggi nilai-nya yang boleh di-perolehi oleh sa-saorang pemuda dan pemudi kita yang layak mendapat peluang untok pelajaran tinggi. Kita memang boleh menchari sumbar wang yang lain untok mendapatkan hasil negara bagi membiayaï projek[2] pelajaran dan universiti ini.

Yang Berhormat Wakil dari Besut nampak-nya salah faham dengan chadangan pinjaman pelajaran atau pun students loan scheme yang saya sebutkan tadi, dan di-sini saya suka juga menguchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara yang telah menyokong scheme yang saya telah shorkan itu. Ranchangan baharu ini bukan-lah berma'ana kita akan menghapuskan ranchangan biasiswa yang ada sekarang ini. Ranchangan ini ada-lah satu scheme tambahan kapada bantuan[2] pelajaran yang ada sekarang. Pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji sa-halus[2]-nya scheme yang

di-chadangkan itu. Saya tidak ada langsong berniat untok menyusahkan anak2 bumiputra dalam hal ini bahkan saya perchaya scheme ini akan membuka lagi peluang kapada anak2 kita untok pergi ka-Universiti. Bedza yang besar biasiswa di-beri sa-mata2 berdasarkan kapada taraf akedemik sasaorang murid itu manakala student loan scheme boleh di-timbangkan dari segi2 yang lain saperti kemiskinan, kurang belanja dan sa-bagai-nya dan scheme ini mengandongi dua hakikat atau pun dual purpose ia-itu memberi peluang kapada anak2 kita yang lebeh luas di-samping menyelamatkan wang negara kita.

Yang Berhormat Wakil dari Temerloh telah bersungut bahawa buku teks Dewan Bahasa kurang di-sekolah2, lebeh2 lagi di-sekolah2 di-luar bandar. Yang sa-benar-nya saya sendiri pun sedar atas perkara ini. Saya telah menjalankan beberapa langkah untok mengatasi masaalah ini. Di-Kementerian Pelajaran sendiri maka saya telah menubohkan sa-buah Biro Buku2 Teks yang mempunyaï tugas yang luas dalam soal buku2 teks ini.

Mengenaï kedudokan Dewan Bahasa ini maka kita tidak-lah payah membangkitkan kelemahan2-nya yang lalu tetapi apa yang kita perlu buat hari ini ia-lah untok membetulkan kedudokan itu dan saya mempunyaï keyakinan penoh mengenaï masa depan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam soal pengeluaran buku2 sekolah ini kerana kita telah melantek sa-orang Pengarah baharu ia-itu Yang Berhormat Enche' Ali bin Haji Ahmad—kita semua tahu beliau ada-lah sa-orang bekas pegawai tinggi di-Dewan Bahasa dan Pustaka dan di-samping itu pula beliau ada-lah sa-orang ahli akademik serta ahli politik yang terkemuka. Saya yakin beliau akan mengetahuï atas keperluan2 kebangsaan ini. Berkenaan dengan shor supaya dapat saya melantekkan sa-orang Pengarah yang sapenoh masa, perkara ini memang-lah di-dalam fikiran saya, dan tindakan ini akan di-ambil sa-lepas pilehanraya nanti.

Di-Kementerian Pelajaran sendiri saya telah melantek sa-orang Pegawai kanan khas untok menjadi Pegawai Perantaraan atau pun Liaison Officer antara Kementerian Pelajaran dengan Dewan Bahasa. Dengan langkah2 ini maka saya yakin kita akan dapat melichinkan lagi perjalanan Dewan Bahasa di-masa akan datang.

Di-sini juga saya suka hendak menjawab tegoran daripada wakil dari Melaka Selatan, daripada Lipis dan juga daripada Johor Tenggara, yang berpendapat bahawa Dewan Bahasa tidak mendapat peruntokan yang chukup bagi menjalankan kerja2-nya. Ini saya tidak bersetuju kerana sa-lain daripada peruntokan biasa yang Kementerian Pelajaran memberikan mengikut estimate kita yang ada disini maka Kementerian Pelajaran telah pun memberikan pinjaman wang sabanyak $5,000,000.00 dengan tidak payah kena interest atau pun faedah kapada Dewan Bahasa sa-bagai modal untok dia berjalan. Ini tidak termasok dalam estimate.

Yang Berhormat wakil dari Melaka Utara berkehendakkan kelas Tingkatan VI aliran Melayu di-Melaka. Suka saya mema'alomkan bahawa chita2 beliau itu sama-lah juga dengan chita2 saya. Yang sa-benar-nya saya telah pun meluluskan penubohan kelas Tingkatan VI aliran Melayu di-Melaka di-Sekolah Menengah Abdullah Munshi mulaï daripada tahun 1969 dan ini akan berjalan apabila keputusan pepereksaan SPM keluar tidak lama lagi.

Dalam soal kelas Tingkatan VI ini juga ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah beruchap meminta supaya saya menubohkan Tingkatan VI mithal-nya di-Bruas, Sitiawan dan sa-bagai-nya. Yang sa-benar-nya memang ada-lah tujuan pehak Kementerian dan saya sendiri hendak menubohkan banyak lagi Tingkatan VI ditempatan, di-seluroh tempat di-Tanah Ayer kita supaya dapat meringankan bebanan yang di-pikul oleh ibu bapa dan murid2 itu sakalian, tetapi penubohan Tingkatan VI itu memerlukan pertimbangan beberapa faktor saperti bilangan murid2 yang chukup, guru2 serta alat2 yang lengkap termasok khutub-khanah dan lain2 lagi.

Pada pendapat saya ada lebeh baik kelas[2] ini di-pusatkan di-satu[2] tempat yang tertentu dan murid[2] yang berada di-cherok rantau itu di-bawa ka-sekolah itu. Ini bukan sahaja memberikan keuntongan kapada murid[2] itu sendiri dari segi akademik-nya, tetapi juga dapat menjimatkan wang negara.

Saya juga mengambil peluang menjawab soal yang telah di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara tadi, bersangkutan dengan Pengerusi kapada Jawatan-kuasa Perlembagaan bagi Universiti Kebangsaan. Suka saya umumkan di-sini bahawa Yang Berhormat Tan Sri Hakim Suffian telah pun bersetuju untok menjadi Pengerusi kapada Jawatan-kuasa ini.

Berkenaan dengan pertanyaan-nya, apa-kah sebab-nya yang tidak ada peruntokan walau pun sa-bagai token untok Universiti Kebangsaan ini, ini tidak perlu di-buat kerana kita ada wang yang chukup untok menjalankan tugas[2] permulaan bagi menubohkan Universiti Kebangsaan ini. Wang itu datang daripada Kementerian Pelajaran sendiri.

Berkenaan dengan pelajaran sex, dengan sebab Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di-sini, saya pun tukar saya punya jawapan sadikit ia-itu chara saya menjawab. Sa-benar-nya pelajaran sex yang dia ingat, lain daripada yang saya ingat. (*Ketawa*). Ada orang satengah, bila sebut kata sex, dia pandang lain sahaja, dia pandang yang itu sex (*Ketawa*) tetapi sex yang kita hendak ajarkan ini ia-lah sa-bagai satu sains, satu sains kapada anak[2] kita dan pada fikiran saya lebeh baik anak[2] kita itu belajar fasal sex di-sekolah dengan terator, dengan sempurna daripada dia belajar di-tepi jalan atau pun di-longkang. Jadi ini ia-lah pendapat saya, yang saya pegang tegoh dan saya perchaya sebab, saya sendiri juga sa-bagai sa-orang bapa, saya bertanggong-jawab di-atas akhlak anak saya sendiri dan sa-bagai Menteri, tentu-lah saya bertanggong-jawab atas akhlak anak[2] kita sakalian yang berada di-sekolah, tetapi saya sendiri tidak dapat membayangkan apa yang kita akan jalankan dengan sebab kita telah melantekkan satu Jawatan-kuasa untok perkara ini, yang di-namakan "Education and Family Planning Committee" dan kita telah menjemput dua orang pakar yang datang daripada UNESCO, untok membantu kita menjalankan tugas dan daripada situ dapat-lah nanti saya memberi penjelasan yang lebeh, khas-nya kapada Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara itu.

(*Dengan izin*). Now, Sir, I would like to reply briefly to the Honourable Member, Mr Stephen Yong Kuet-Tze, from Sarawak. Mr Stephen Yong Kuet-Tze asked the reasons for the exodus of academic staff of the University of Malaya and suggested that this might be due to political interference. Now, the University Council has set up a Committee of Inquiry to look into this matter. This Committee has finished its work and is in the process of finalising its Report. From what I could gather, the resignations that took place in the University are considered to be quite normal. There is bound to be movement of staff as it should be in any University, and this is indeed a healthy sign as, with the movement of staff, there is bound to be introduction of new blood and new ideas into the University; otherwise, I think you will agree with me, our University will remain stagnant. It is simply for this reason that universities all over the world encourage exchange programmes of their professors and lecturers.

The same Honourable Member also mentioned the National Language requirement for admission to the University. This is only a logical sequence to the abolition of the Cambridge School Certificate in 1970 in West Malaysia. After 1972, all successful candidates for entry into the University must have passed the M.C.E., in which a pass in the National Language is compulsory. As far as East Malaysia is concerned, this, of course, does not apply until such time as when they decide to do away with the Cambridge School Certificate Examination.

The Honourable Member also spoke about the control of Sarawak education policy through the control of finance

by the Central Government. The Honourable Member is surely aware that whatever financial control there is in this matter it is done through this House, of which the Honourable Member himself is a member.

The Honourable Member, Mr Dago anak Randan, from Sarawak complained about the lack of teachers in Sarawak. On this question, three Teacher Training Colleges in Sarawak are now producing trained teachers in sufficient numbers not only to meet the expanding school system but also to replace gradually temporary untrained teachers now in service.

With regard to his request to increase the percentage of admission to secondary schools from primary schools from 30% to 40%, this is entirely dependent upon the State Government to decide in accordance with the Inter-Governmental Committee Report. Similarly, the question of education allowances to the Aided School Teachers is also within the jurisdiction of the State Government which determines their terms and conditions of service.

Finally, Sir, it is not my intention to reply to the pre-Election speech of the Honourable Member for Batu on matters connected with education. There is nothing new in his speech, but I would like just to touch briefly on a few important matters which I consider might be of interest to the House.

Now, I have in my speech, when replying to the general debate, told the House that on this question of textbooks, a definite policy directive has been given to all schools. I am aware of the fact that some heads of schools, in their own interests, do not strictly adhere to this policy, but I have said that it is not possible for me and also for my officers to detect any diversion from that policy unless this complaint is looked into by the Boards of Schools themselves, and it is for this reason that we have Boards of Schools in each and every school.

I would like also to reply to his statement about the closing down of Chinese private schools. Now, I must tell the Honourable Member, although I have given a warning that I would close down Chinese schools, the Ministry has not, in fact, closed down any school so far. But I can tell the Honourable Member that the warning that I gave brought about the desired result because, as a result of it, the Committees of Chinese private schools took action among themselves to discipline the students in their schools and to bring about a better environment in the schools themselves. But I say here and now that, if there is enough evidence to show that a school is not used for educational purposes but used for subversive purposes, then it will be my duty to take whatever action I think necessary, in order to safeguard the interests of our country.

I was not very happy with the statement made by the Honourable Member for Batu when, by implication, he said in his speech that he was surprised that even my Assistant Minister, who is a Chinese, also joined hands with me in giving a warning to the Chinese schools. By implication, this is downright communal. Whether he is a Chinese, or I am a Malay, does not make any difference. We are carrying out the policy of the Alliance Government, and I hope the Honourable Member will not try this kind of tactic again in the future.

Finally, on the question of scholarships, I can give an assurance to this House that if you go to the University today and interview the students who are in the University on Government scholarships, you will find that not less than 90% of them, who are studying in the University, are from the rural areas, and they are children of farmers, padi-planters or fisherman, but they are there because they are fit to go into the University and they are entitled to get the same scholarships as other students in the urban areas.

Dengan itu saya suka sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh, dan saya pohonkan ini di-sokong penoh oleh Dewan ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $37,013,361 untok Kepala B. 15, $348,052,522 untok Kepala B. 16 dan $48,639,344 untok Kepala B. 17 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.45 pagi.*

## PENANGGOHAN (USUL)

**Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1), Majlis ini hendak-lah di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari ini hingga pukul 10.00 pagi hari Isnin 27hb Januari, tahun 1969.

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1), Majlis ini hendak-lah di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari ini hingga pukul 10.00 pagi hari Isnin 27hb Januari, tahun 1969.

## RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

### (Jawatan-kuasa Perbekalan)

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

*Perbahathan di-sambong sa-mula: Kepala² B. 20 sa-hingga B. 26—*

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mohon mengemukakan bersama² sa-kali Kepala² B. 20 hingga B. 26 oleh kerana kepala² perbelanjaan ini mengenai anggaran Jabatan² di-bawah Kementerian Kewangan. Saya mohon menchadangkan peruntokan² berikut yang berjumlah kesemua-nya $77,455,277 di-luluskan:

| | |
|---|---|
| Kepala B. 20—Perbendaharaan .. .. | $ 5,512,084 |
| Kepala B. 21—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan .. .. .. .. .. | 30,316,752 |
| Kepala B. 22—Peruntokan kapada Kumpulan Wang Terkanun .. .. .. .. | 14,100,010 |
| Kepala B. 23—Kastam dan Eksais di-Raja .. .. .. .. .. .. .. | 13,830,914 |
| Kepala B. 24—Kastam dan Eksais di-Raja, Malaysia Timor .. .. .. | 3,521,887 |
| Kepala B. 25—Jabatan Hasil Dalam Negeri .. .. .. .. .. .. | 8,717,294 |
| Kepala B. 26—Jabatan Hasil Dalam Negeri, Malaysia Timor .. .. .. | 1,456,336 |

Tuan Pengerusi, keterangan lanjut berkenaan dengan peruntokan² yang di-kehendaki bagi tiap² kepala perbelanjaan yang tersebut itu boleh di-dapati di-dalam buku Rengkasan Belanjawan (Budget Summary) yang telah di-bentangkan di-Dewan ini sa-bagai Kertas Perentah Bil. 4 tahun 1969. Untok perhatian Ahli² Yang Berhormat saya suka menerangkan beberapa perubahan atau tambahan yang besar di-bawah sa-suatu kepala perbelanjaan itu.

Di-bawah Kepala B. 20 yang membekalkan peruntokan bagi Jabatan Perbendaharaan, peruntokan ada bertambah sa-banyak lebeh kurang $0.5 juta di-sebabkan mustahak-nya di-adakan beberapa jawatan tambahan di-Bahagian² saperti Bahagian Belanjawan, Bahagian Ekonomi, Bahagian Kewangan dan Bahagian Penilai serta juga penubohan chawangan² Pengatorchara di-Negeri Sabah. Tambahan² pegawai ini telah menjadi mustahak untok menguruskan kerja yang makin bertambah, terutama sa-kali dalam Bahagian Belanjawan oleh kerana keputusan hendak menggunakan sistem belanjawan mengikut Pelaksanaan Ranchangan atau "Programme and Performance Budgetting". Sa-lain daripada itu tambahan ini ia-lah di-sebabkan oleh kenaikan tahunan gaji pegawai².

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala B. 21 peruntokan ada terkurang sa-banyak $500,000 daripada peruntokan tahunan 1968 di-sebabkan sa-bahagian daripada peruntokan bagi jalan² raya dalam kawasan Municipal akan di-bayar di-bawah peruntokan "tanggongan" bagi jalan² raya Negeri. Sunggoh pun demikian ada 3 butir perbelanjaan yang bertambah di-bawah

Kepala B. 21, ia-itu tambahan sabanyak $1.2 juta kerana bayaran ganti chukai pintu kapada Ibu Kota Kuala Lumpur dan Majlis² Bandaran oleh kerana bertambah-nya bilangan bangunan² yang Kerajaan kena membayar bantuan ini pada tahun 1969. Tambahan $0.5 juta di-kehendaki bagi membayar balek hasil² yang terlebeh di-kutip pada tahun² yang lepas. Peruntokan ini susah hendak di-taksirkan, dan pada tahun yang lepas telah didapati peruntokan $0.5 juta tidak menchukupi. Peruntokan bagi sewa rumah Kerajaan Negeri yang di-dudoki oleh pegawai² Jabatan Persekutuan di-Malaysia Timor juga di-tambah $300,000 oleh kerana bertambah-nya bilangan pegawai² Kerajaan Pusat yang berkhidmat di-Malaysia Timor.

Di-bawah Kepala B. 22 hanya $14.1 juta di-masokkan sa-bagai peruntokan kapada Kumpulan² Wang Terkanun ia-itu termasok $12 juta untok Kumpulan Wang Perkhidmatan Masharakat dan Kebajikan, dan $2 juta untok State Reserve Funds. Peruntokan² ini sama sahaja dengan tahun 1968.

Peruntokan bagi Jabatan Kastam yang di-bekalkan di-bawah Kepala² B. 23 dan B. 24 berjumlah $17,352,801, ia-itu $13.8 juta bagi Malaysia Barat dan $3.5 juta bagi Malaysia Timor. Jumlah ini ia-lah $0.7 juta lebeh tinggi daripada peruntokan $16.6 juta bagi tahun 1968. Sa-bahagian besar daripada tambahan ini ia-lah kerana kenaikan gaji tahunan kapada kakitangan Pejabat Kastam, dan tambahan bilangan jawatan² terutama sa-kali dalam peringkat Pegawai Kastam untok menjalankan kerja yang makin bertambah, terutama sa-kali dalam segi menchegah penyeludupan. Sa-lain daripada itu tambahan di-kehendaki untok elaun perjalanan.

Peruntokan bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri di-bawah Kepala² B. 25 dan B. 26 berjumlah $10,173,630 ia-itu $8.7 juta bagi Malaysia Barat dan $1.4 juta bagi Malaysia Timor, berbanding dengan jumlah $9 juta yang di-untokkan bagi tahun 1968. Tambahan lebeh kurang $1.1 juta yang di-kehendaki bagi tahun 1969 ini ada-lah kebanyakannya di-bawah peruntokan gaji oleh kerana mustahak di-adakan jawatan² tambahan untok menguruskan kerja² yang makin bertambah dengan sebab perkembangan urusan memereksa dan mengutip chukai².

Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Tan Cheng Bee (Bagan)** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I refer to Kastam dan Eksais di-Raja in West Malaysia under Head B. 23, on page 282. Sir, importers in Butterworth and the mainland have requested me to ask the Honourable Minister of Finance to establish an office in Butterworth for the collection of import and surtax duties for goods imported direct from the country of origin for importers in the mainland. Sir, the deep-sea wharves in Butterworth are now in operation, and ships carrying goods for the mainland are being unloaded at Butterworth. But, Sir, these importers have to go to Penang and wait for their turn to declare and pay their duties. For ships that are berthed in the roads in Penang, the *tongkangs* that carry the goods for the mainland had to go over to Penang to be checked for the goods to be declared and for the payments of the duties in Penang. When all the businesses of declaring and payment of taxes are done, these *tongkangs* have usually to wait for the tide to come in to enable them to sail to Butterworth and arrive there usually very late for the goods to be taken ashore. As the customs officers on duty at the landing point there would have left the office for the day, the goods would have then to be left in the *tongkangs* in the open sea the whole night, and the risk of these goods being damaged are very great as usually at night anything from strong winds, heavy rain and even gales may arise. Sir, I would, therefore, plead with the Minister to establish a branch office in Butterworth for the collection of these import and surtax duties for the convenience of Butterworth and the mainland importers.

**Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson)** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to speak under Head B. 24, Customs. Port Dickson is about the nearest place to Sumatra, and a lot of barter trade can be done between Port

Dickson and Sumatra. In the very near future, a ferry traffic is likely to be established between Port Dickson and the opposite coast in Sumatra. I would plead with the Customs authorities to encourage this barter trade by giving people all facilities so that customs duties could be collected at Port Dickson. There is a Customs office at present in Port Dickson, but I have been informed and I am willing to be corrected that proper facilities are at the present moment not yet available for a complete barter trade between the two countries. Thank you, Sir.

**Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap bersangkut dengan Kepala B. 25 ia-itu bersangkut dengan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, yang lepas² stamp² yang kena di-lekatkan ka-atas borang² Pindah Milek Tanah² di-dalam negeri² nilaian itu di-perbuat oleh Pegawai² Tanah pada masa dahulu. Tetapi baharu² ini mengikut peratoran baharu maka nilaian itu tidak lagi di-perbuat oleh Pegawai² Tanah tetapi di-perbuat oleh Pegawai² Penilai yang telah pun di-lantek untok menjalankan tugas² nilai. Di-negeri Kedah, Pegawai² Penilai ini di-tempatkan di-Pulau Pinang. Tuan Pengerusi, pada masa dahulu jikalau sa-kira-nya sa-saorang yang hendak menjualkan tanah-nya maka boleh dia dengan segera mendapat nilaian di-Pejabat Tanah dan membelikan stamp² dan di-lekatkan ka-atas borang transfer itu dan yang demikian maka transfer itu boleh di-daftarkan dengan segera. Tetapi pada masa sekarang ini masa untok menilaikan nilaian tanah itu memakan masa yang panjang dengan kerana borang itu kena di-hantarkan umpama-nya di-dalam negeri Kedah ka-Pulau Pinang terlebeh dahulu dan Pegawai² Penilai Pulau Pinang itu-lah yang akan datang melihat tanah umpama-nya dan menilai harga tanah yang hendak di-jualkan itu. Yang demikian memakan masa, Tuan Pengerusi. Jadi, dengan ini mendatangkan kerumitan kapada penjual² dengan kerana penjual² itu kadang² berkehendakkan wang dengan segera dan kadang² yang membeli-nya pula berkehendakkan wang daripada bank dan jikalau sa-kira-nya tanah itu tidak di-daftarkan kapada nama-nya maka susah-lah dia hendak menggadaikan tanah-nya itu kapada bank atau pun kapada mana² financer untok mendapat duit hendak di-bayarkan harga tanah itu. Yang demikian memberi kesusahan-lah kapada orang² ramai. Saya dapat tahu perkara ini terjadi di-dalam negeri Kedah khas-nya. Ini-lah saya berharap pehak Kementerian mengkaji dan menyiasat hal ini.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit sahaja dalam Kepala B. 21 dan bagitu juga berkenaan dengan Kastam.

Tuan Pengerusi, saya uchapkan ber-banyak terima kaseh kapada Pegawai² Kastam yang telah menjalankan tugas-nya dengan baik dan chemerlang tetapi walau pun bagitu, Tuan Pengerusi, saya suka-lah membawa shor di-sini dengan menjalankan tugas² yang bagitu chemerlang, tentu-lah tidak dapat men-chukupi. Memandang saya kapada B. 21 muka 279, Pechahan-kepala 30—Perkhidmatan Rahsia sa-banyak $6 juta. Jadi, apa yang saya hendak shorkan di-sini supaya dapat lagi bukan sahaja Pegawai² Kastam dapat mengambil peranan yang lebeh chergas lagi di-dalam membasmikan penyeludupan di-sapanjang pantai di-negara Malaysia ini, saya mengeshorkan supaya Menteri Yang Berhormat membayar 40% bonos di-atas tangkapan², atau sa-barang penyeludupan yang dapat di-tangkap di-dalam masaalah yang tersebut.

Bonos yang saya maksudkan tadi ia-lah di-atas denda yang telah di-kenakan kapada penyeludupan² yang berjalan dalam negara kita. Jadi, saya berharap-lah dengan chara yang demi-kian, maka dapat-lah kita menghapus-kan sadikit demi sadikit penyeludupan² yang sedang bergerak dengan giat-nya di-dalam negara kita pada hari ini, kerana saya perchaya dengan men-jalankan dasar yang tersebut, maka mendatangkan peluang yang lebeh baik lagi, mereka bekerja dengan lebeh giat lagi, bukan sahaja kapada Pegawai² Kastam, tetapi ra'ayat biasa juga dapat memainkan peranan yang lebeh besar

lagi dalam menghapuskan penyeludupan ini. Dan yang kedua, Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Untok penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan mengatakan bonos hendak-lah di-bayar, tetapi saya tidak tahu kapada siapa yang di-maksudkan hendak di-bayar bonos itu.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail:** Maksud saya yang hendak di-bayar itu ia-lah kapada orang 'awam.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang saya suka hendak menjelaskan di-sini, kita telah membacha dalam akhbar bahawa sa-nya satu kejadian yang telah berlaku di-dalam negeri Johor—Johor Bahru, ia-itu berkenaan dengan rompakan di-Treasury, atau Jabatan Khazanah Johor Bahru. Jadi, saya dalam perkara yang tersebut, saya suka-lah supaya kakitangan² di-dalam Jabatan Treasury ini hendak-lah di-ambil perhatian yang berat tiap² sa-orang yang bekerja di-dalam Jabatan yang tersebut supaya tidak lagi berlaku perkara² sa-bagaimana yang telah ter-jadi di-dalam Jabatan Khazanah Negeri Johor itu.

Jadi itu-lah sahaja saya menyokong peruntokan perbelanjaan ini.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, nampak-nya tidak ada bahathan² chuma Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, Ahli Yang Berhormat dari Sungei Patani mengemukakan permintaan² yang saya dapat berikan jaminan, ia-itu perkara² yang di-kemukakan ini akan di-siasat, di-ambil perhatian dan di-timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan berharap pehak Kastam supaya lebeh chergas lagi untok membasmi penyeludupan. Tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, pehak Kastam memang-lah sa-lama ini bekerja keras untok menchegah sa-berapa yang dapat akan penyeludupan² dan pehak Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini. Jadi, Tuan Pengerusi, dalam perkara menchegah penyeludupan ini peranan orang ramai ada-lah sangat penting terutama sa-kali dalam memberikan maklumat yang di-perlukan untok menchegah, atau meng-ambil tindakan ka-atas usaha² penyeludupan. Jadi, dapat-lah saya berikan jaminan lagi di-sini bahawa pehak Kastam memang-lah memberi perhatian yang berat dan memang-lah berusaha dengan sa-daya upaya-nya untok menchegah penyeludupan. Hanya sa-kali lagi saya ulangi kerjasama dari segala pehak orang ramai amat-lah di-perlukan untok menolong kerja menchegah penyeludupan.

Tentang bayaran sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan menggunakan bayaran bonos sa-banyak 40% kapada orang 'awam, saya suka juga mengulangi di-sini pehak Kerajaan memang-lah telah mengamalkan ia-itu memberi hadiah² sagu hati kapada orang² yang memberikan maklumat² sa-hingga tertangkap-nya usaha atau gerakan penyeludupan. Jadi, perkara ini memang-lah telah di-amalkan oleh Kerajaan khas-nya, oleh pehak Jabatan Kastam dari semenjak beberapa lama dahulu.

Perkara yang ketiga yang di-timbulkan-nya mengenaï perkara rompak, Tuan Pengerusi, Treasury di-Negeri² ini ada-lah di-bawah kuat-kuasa Kerajaan masing² Negeri.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $5,512,084 untok Kepala B. 20, $30,316,752 untok Kepala B. 21, $14,100,010 untok Kepala B. 22, $13,830,914 untok Kepala B. 23 $3,531,887 untok Kepala B. 24, $8,717,294 untok Kepala B. 25 dan $1,456,336 untok Kepala B. 26 di-perentah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Kepala B. 27—*

**Menteri Hal Ehwal Sabah (Dato' Ganie Gilong):** Tuan Pengerusi, saya bangun untok membentangkan Kepala 27 berjumlah $149,555,328 untok Kementerian Kesihatan bagi tahun 1969.

Nampak-nya, daripada peruntokan yang di-chadangkan sebanyak $149,555,328 itu untok Kementerian Kesihatan bagi tahun 1969 ini, jika di-bandingkan dengan anggaran yang telah

di-luluskan sebanyak $146,334,947 bagi tahun 1968, ada di-dapati berlebeh sebanyak $3,220,381 bagi tahun 1969, tetapi, saya suka memberitahu Ahli[2] Yang Berhormat ia-itu kelebehan yang sa-benar-nya bagi Kementerian saya ada-lah $10,970,381 bila di-bandingkan dengan tahun 1968. Sebab[2]-nya ia-lah peruntokan bagi Rumah Sakit Universiti yang berjumlah $7,750,000 bagi tahun 1968 sekarang di-masokkan kadalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran.

Di-bawah Pechahan-kepala "Gaji" ada di-dapati anggaran bertambah sabanya $5.94 juta untok, bukan sahaja, kerana membayar kenaikan gaji tahunan biasa kakitangan yang ada dan elaun[2] pakar Pegawai[2] Perubatan: bahkan juga kerana kakitangan[2] tambahan yang di-kehendaki bagi perkhidmatan yang sentiasa di-perluaskan di-kawasan[2] luar bandar dan di-bandar. Bagi tahun 1969 anggaran ini menyediakan sa-jumlah 592 jawatan[2] baharu di-Malaysia Barat dan Sarawak. Di-antara jawatan[2] tambahan bagi tahun 1969 itu ada-lah:

| | |
|---|---|
| Pegawai Perubatan, Kesihatan dan Pergigian ... ... ... | 184 |
| Ahli Kimia Ubat ... ... | 5 |
| Juru X-ray ... ... ... | 19 |
| Pembanchoh Ubat ... ... | 42 |

Peruntokan Lain[2] Perbelanjaan Berulang Tiap[2] Tahun bagi tahun 1969 ia-lah $48,030,420 jika di-bandingkan dengan $50,982,198 bagi tahun 1968. Jika di-halusi baik[2] ia-itu Lain[2] Perbelanjaan Berulang Tiap[2] Tahun bagi Rumah Sakit Universiti yang di-keluarkan daripada Anggaran Kementerian Kesihatan bagi tahun 1969, maka di-dapati bahawa kelebehan Lain[2] Perbelanjaan Berulang Tiap[2] Tahun bagi tahun 1969 ada-lah sabanyak $4,798,229, jika di-bandingkan dengan Perbelanjaan tahun 1968. Peruntokan bagi Perbelanjaan Khas bagi tahun 1969 ia-lah $7,133,481 ia-itu berlebehan $178,991 daripada peruntokan tahun 1968.

Sekarang saya suka pula mengulang kaji dasar[2] 'am dan kemajuan kerja[2] dalam tahun 1968 bagi Kementerian saya.

*Hal Kesihatan Umum*—

Berkenaan dengan kegiatan[2] bagi tahun 1968, saya dengan sukachita-nya memaalumkan kapada Dewan ini ia-itu kesihatan pendudok[2] umum-nya di-Malaysia semakin bertambah baik.

Selain daripada terjadi-nya merebak beberapa[2] kejadian penyakit Ta'on El Tor di-Malaysia Barat, negeri ini telah berseh daripada sebarang kejadian penyakit besar yang berjangkit. Kejadian Ta'on El Tor yang pertama telah di-laporkan dalam bulan Mei, 1968, di-kawasan Jinjang di-daerah Kuala Lumpur. Sa-lepas itu terjadi pula kejadian[2] di-Perak. Pulau Pinang, Kedah, Johor dan Perlis. Kesemua-nya 15 kejadian yang telah di-laporkan dan 4 daripada-nya membawa maut. Tindakan yang segera telah di-ambil bagi mengawal penyakit itu di-mana ia berlaku dan lebeh kurang 344,000 pendudok telah menerima suntikan penchegah ta'on.

Kematian bayi[2] yang berangka 78 dalam sa-ribu di-dalam tahun 1957 telah turun kapada 50 dalam sa-ribu di-dalam tahun 1965 terus kapada 48 di-dalam tahun 1966.

*Perkhidmatan Kesihatan Kampong*—

Kementerian saya sentiasa menegaskan perkara ini sepanjang masa untok memperbaiki kemudahan[2] perubatan. kesihatan dan pergigian di-kawasan[2] luar bandar. Pada akhir tahun 1968, sebanyak 39 Pusat Kesihatan Besar. 154 Pusat Kesihatan Kechil dan 784 Kelinik Bidan yang memberi perkhidmatan. Di-sepanjang tahun 1968, 15 Pusat Kesihatan Kechil dan 117 Kelinik Bidan telah di-bena dan memberi perkhidmatan. 334 Gudang Ubat dan 194 Gudang Ubat yang bergerak telah memberi perkhidmatan terus menerus kapada ra'ayat.

Tugas[2] perkhidmatan ini bagi tahun 1961 dan 1967 ada-lah saperti berikut:

| | 1961 | 1967 |
|---|---|---|
| Sambutan bersalin di-rumah.. | 48,083 | 68,009 |
| Jumlah kedatangan di-Kelinik Kesihatan Ibu Mengandong dan Kanak[2] .. .. .. | 2,007,856 | 2,509,765 |
| Lawatan ka-rumah[2] .. .. | 842,619 | 1,620,781 |
| Kehadziran pesakit luar (termasok di-Gudang Ubat Bergerak) .. .. .. .. .. | 1,905,123 | 3,269,890 |

Di-Sarawak tindakan² telah di-ambil untok memperbaiki kesihatan pendudok² di-kawasan luar bandar dengan mengadakan lebeh banyak lagi Gudang² Ubat yang bergerak dan tidak bergerak serta memperluaskan lagi Ranchangan Memperbaiki Kesihatan.

*Perkhidmatan Untok Ibu² Yang Mengandong dan Kanak²—*

Perkhidmatan untok ibu² yang mengandong dan kanak² kechil sedia diadakan di-bahagian kesihatan dikawasan luar bandar, di-bahagian² yang tertentu di-bandar² dan di-semua kelinik kesihatan bergerak untok kanak² kechil. Kematian kanak² dalam tahun 1946 ada-lah 6.7 pada tiap² 1,000 kanak² yang lahir hidup. Angka yang akhir sekali ia-itu pada tahun 1967 ia-lah 1.79 bagi tiap² 1,000 kanak² yang lahir hidup.

*Penyakit Berjangkit dan Kebersehan Kawasan—*

Pendudok² luar bandar ada-lah digesa supaya mengambil bahagian yang lebeh chergas untok memperbaiki keadaan² di-sekeliling mereka dan dengan ini saya ingin mengambil peluang merayu kapada semua Ahli² Yang Berhormat dan ketua² kaum supaya menegaskan peri mustahak-nya kerjasama pendudok² di-dalam hal ini.

Kebaikan dan kemajuan kebersehan kawasan sa-keliling ada-lah sangat mustahak untok mengawal penyakit yang berjangkit yang kebanyakan-nya bukan hanya merebak dengan jalan ayer, bahkan juga dengan keadaan² yang tidak berseh di-sekeliling yang menggalakkan merebak-nya hidup lalat yang boleh mendatangkan penyakit² itu.

Untok memajukan kebersehan sakeliling di-kawasan² luar bandar, Kementerian Kesihatan bersama² dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah melancharkan satu projek panduan di-sebelas kawasan luar bandar, ia-itu satu kawasan panduan di-dalam tiap² satu negeri di-Malaysia Barat. Satu daripada kawasan ini di-pileh dengan sebab sesuatu yang tertentu dan kesemua-nya mengandongi 56 buah kampong meliputi seramai 29,500 orang pendudok.

Tujuan projek ini ia-lah kerana hendak menyedarkan pendudok² supaya meninggikan darjah kesihatan mereka dengan chara memperbaiki kesihatan diri masing² dan kebersehan yang chukup di-kawasan² mereka. Tegasan ini di-tujukan kapada kerjasama pendudok² dengan mengambil bahagian bersama bagi menyediakan perigi² yang berseh serta tandas² dan menyalorkan ayer longkang kotor dan sampah² rumah. Dengan ini maka dapat-lah mereka meninggikan lagi taraf kebersehan kampong² mereka itu.

Apabila masaalah² ini telah di-atasi dan pengalaman² di-dapati, projek ini akan menjadi sangat berharga di-dalam hal memperluaskan kawasan² projek tersebut ka-seluroh kawasan luar bandar.

*Zat Makanan—*

Sa-bahagian daripada kekurangan zat makanan, terutama sekali zat protein, ada-lah di-dapati di-dalam satengah² kawasan di-negeri ini terutama sekali di-kalangan kanak² kechil. Ada-lah di-akui bahawa chara² praktik untok memperbaiki keadaan zat makanan pada umum-nya hendak-lah disatu dan di-perhebatkan. Satu projek mengandongi tindakan bersama oleh beberapa Kementerian, termasok Kementerian Kesihatan, bekerjasama dengan sa-tengah ejen antarabangsa, ejen² sukarela dan kaum tempatan ada-lah sedang di-ranchangkan. Tegasan akan di-tujukan bagi menolong diri sendiri di-perengkat kampong² kechil untok membaiki chara² makanan dan zat makanan. Ranchangan ini akan jadi Ranchangan Tindakan Kaum (Community Action Programme).

*Pelajaran Kesihatan—*

Pelajaran Kesihatan terus di-titek beratkan di-semua projek kesihatan terutama sekali di-dalam Ranchangan Kebersehan Sa-keliling, di-dalam Ranchangan Membasmi Malaria dan Ranchangan Mengawal Batok Kering. Kementerian ini ada mengeluarkan penerbitan suku tahun ia-itu "Berita Kesihatan" yang sekarang di-gemari ramai. Penerbitan ini telah bertambah hingga kapada 8,000 naskhah tiap²

keluaran dan pembahagian-nya meliputi berbagai² jawatan-kuasa kampong dan daerah.

*Malaria—*

Sa-lepas daripada jaya-nya Ranchangan Panduan Menghapuskan Malaria ia-itu (1960-1964) dan juga Ranchangan Penchegah Malaria (1964-1967), Malaysia Barat telah beraleh pula kapada Ranchangan Membasmi Malaria dalam bulan Julai, 1967. Ranchangan ini akan di-jalankan berperengkat², dalam masa 10 tahun, dan akan menelan belanja lebeh kurang 85 juta.

Dalam bulan Julai, 1967, Siasatan Permulaan telah di-jalankan di-kawasan, satu mengandongi Negeri Perlis, Daerah² Kubang Pasu dan Pulau Langkawi di-Negeri Kedah dan dua daerah di-Pulau Pinang.

Pada awal tahun 1968, siasatan ini telah selesai; dan langkahan menyembor D.D.T. di-kawasan² itu telah di-mulakan di-akhir tahun 1968. Kerja menyembor perengkat pertama telah selesai sebagaimana di-jadualkan ia-itu menyembor 72,400 rumah meliputi 322,000 pendudok.

Dalam tahun 1969 kerja² menyembor selanjut-nya akan di-adakan di-seluroh kawasan yang sama.

Dalam masa itu juga, Siasatan Permulaan telah di-jalankan di-lapan daerah yang lain di-Negeri Kedah dan tiga daerah di-Seberang Prai meliputi pendudok² sebanyak 957,000 orang. Kerja² menyembor akan di-ikuti dalam tahun 1969 di-kawasan² ini. Perlanjutan ranchangan membasmi ini sa-terus-nya akan di-adakan dalam tahun 1969 di-negeri² yang berdekatan.

Ranchangan Membasmi Malaria di-Malaysia Barat, pada akhir-nya akan di-bahagikan kapada 72 Bahagian Kerja, tetapi sa-belum kesemua-nya ini di-tubohkan, Bahagian Basmi akan di-bentok di-tiap² satu negeri di-Malaysia Barat supaya dapat di-jalankan chara penchegah malaria yang sempurna bukan sahaja di-bandar² bahkan di-luar bandar juga. Suka-lah saya menegaskan di-sini bahawa kejayaan ranchangan basmi ini akan bergantong kapada sokongan kewangan di-tahun² yang akan datang.

Di-Sarawak sa-lepas kembali-nya ketenteraman politik di-antara Indonesia dan Malaysia, bilangan pendudok² yang berulang alek di-antara Sarawak dan Kalimantan telah meningkat. Dengan itu lebeh kurang 1,429 kejadian malaria telah dapat di-ketahui hingga pada hujong bulan September di-bandingkan dengan 1,302 dalam seluroh tahun 1967. Dari itu, Ranchangan Membasmi itu telah di-pinda untok menyesuaikan masaalah ini.

*Batok Kering—*

Ranchangan Kebangsaan Batok Kering telah di-lancharkan dalam tahun 1961 dan telah berjalan dengan pesat-nya dalam tahun 1965. Kemajuan yang tetap dan banyak, telah di-dapati di-dalam tiga jurusan ia-itu; (i) Ranchangan Latehan; (ii) Anjoran Suntik BCG, dan (iii) Anjoran Menchari Kes².

Sejak permulaan ranchangan ini lebeh daripada 2,000 ahli professional, teknik dan kakitangan² perubatan biasa telah di-lateh di-Pusat Kebangsaan Batok Kering dan semua-nya telah giat menjalankan ranchangan kawalan di-seluroh negara.

Di-dalam bidang anjoran menyuntik BCG, lebeh daripada 2 juta kanak² telah di-suntik dan 800,000 daripada-nya itu ada-lah kanak² yang baharu lahir. Semenjak ranchangan mengawal ini di-laksanakan dengan penoh-nya, tiga tahun dahulu, bilangan kanak² yang di-kelolakan ada-lah 400,000 orang pukul rata. Dalam tahun 1968 angka itu berjumlah kurang sadikit daripada sa-tengah juta dan di-anggarkan akan bertambah di-tahun² hadapan. Tujuan Anjoran Suntikan BCG ini ada-lah hendak menchapai sa-kurang²-nya 75% daripada pendudok² negara ini.

Pekerjaan yang di-lakukan kapada kanak² yang baharu lahir telah beransor² meningkat daripada 40% jumlah peranakan dalam tahun 1965 hingga hampir kapada 60% dalam tahun 1968 dan dengan kemajuan yang beransor dan penambahan Ranchangan Kesihatan Luar Bandar, dan di-samping

bertambah² kelahiran anak² yang di-kelolakan oleh bidan² terlateh, maka kerja ini akan meliputi angka sa-tinggi 75% dalam tahun 1970. Di-dalam satu kumpulan kanak² lain yang mustahak ia-itu kanak² sekolah rendah—suatu urusan yang khas dan bertujuan tepat selama 2 tahun yang lepas telah me-ninggikan bilangan kumpulan ini hingga ka-80% dalam tahun 1968.

Anjoran menchari kes² telah di-lancharkan di-sekitar negara dalam tahun 1963 dan memberi perkhidmatan penoh dalam tahun 1965. Sa-telah itu, 1,400 kes² batok kering, pukul rata, telah di-daftarkan dan di-rawati pada tiap² tahun. Di-antara-nya, hanya 11,000 menunjokkan kes² baharu dan yang lebeh-nya, ada-lah kes² yang telah ber-ulang atau kes² yang engkar yang telah menchari rawatan bersendirian, dengan sebab kemerosotan kesihatan mereka.

Dalam 1968, hanya separoh daripada kes² yang telah di-daftarkan, telah di-jumpaï sa-telah ada-nya chara² pemi-lehan yang terator di-seluroh tanah ayer; dalam anjoran menchari kes² dengan menggunakan bahagian² X-ray dada kechil beramai² (Mass Miniature Chest X-Ray), di-ikuti pula dengan pemereksaan kuman² di-ayer ludah pesakit² yang di-shakki. Yang separoh lagi itu, telah berikhtiar menchari rawatan sendirian. Dengan demikian, anjoran menchari kes² ini telah tidak menchapai matalamat yang di-kehen-daki, maka dengan itu ranchangan ini telah di-pinda untok menyesuaikan dengan menumpukan perhatian kapada mereka² yang di-jangka di-serang de-ngan penyakit itu.

Dukachita di-maalumkan ia-itu ke-banyakan bilangan orang² yang di-dapati berpenyakit sa-lepas X-ray telah tidak menghadziri diri untok pemerek-saan kuman² yang amat mustahak untok menentukan keputusan pemerek-saan batok kering ini. Tambahan pula orang² yang telah di-sahkan berpe-nyakit batok kering dan telah mulaï di-rawat telah tidak mengambil kesem-patan rawatan ini di-dalam masa yang di-tempohkan. Kejadian engkar di-dalam kedua² bahagian ini telah menjadikan satu²-nya halangan besar dalam kemajuan ranchangan ini. Angka ini meningkat tinggi sa-hingga 35% di-dalam sa-tengah² kawasan dan tidak kurang daripada 15% di-lain² tempat.

Kementerian saya sunggoh sedar akan kesulitan ini. Ini berkehendakkan tegasan yang istimewa dalam bidang Ranchangan Kebangsaan Batok Kering ia-itu dengan memberi pelajaran ka-pada orang² 'awam, untok menggalak-kan mereka mengambil bahagian yang chergas di-dalam-nya. Pelajaran ini akan memberi kesedaran akan bahaya-nya penyakit batok kering dan dengan itu membuka jalan kapada langkah² yang bijak dan betul yang akan di-turuti oleh mereka bagi kepentingan kesihatan mereka sendiri. Suatu anjoran pelajaran kesihatan yang chergas untok menyatukan kaum² supaya mengambil bahagian dalam ranchangan kawalan ini sedang di-laksanakan.

Walau pun semua perchubaan telah di-perhebatkan untok mengerat baha-gian² ranchangan ini supaya dapat menentukan ia-nya berjalan dengan lanchar; dengan chekap dan ekonomi, banyak lagi maseh hendak di-kerjakan: sunggoh pun kemajuan yang besar telah di-chapai dalam menghadapi batok kering di-perengkat kebangsaan. Satu kejayaan yang tertentu telah di-chapai dalam masa lapan tahun ran-changan kawalan ini di-jalankan. Keadaan menjangkit di-kalangan² kanak² telah tinggal separoh sahaja. Begitu juga kejadian penyakit itu pada umum-nya. Kes Tibi Meningitis atau Tibi Otak yang dahulu telah menjadi² dengan dahshat-nya sa-belum merdeka, sekarang ini jarang² di-dapati di-rumah² sakit. Juga bertambah kurang-nya di-dapati penyakit² tibi dada terutama sekali tibi tulang² dan sendi².

Pada keselurohan-nya Ranchangan Kebangsaan Batok Kering ini berjalan mengikut jadual dan semua tanda² menunjokkan ia-itu mutalamat Kera-jaan hendak menghapuskan penyakit batok kering sebagai suatu masaalah kesihatan akan berjaya dalam tahun 1975.

Ranchangan Mengawal Penyakit Ba-tok Kering di-Sarawak di-titek beratkan

di-atas suntikan BCG dan sa-hingga akhir bulan September, 74,500 kanak² di-bawah umor 18 tahun telah di-suntik berbanding dengan 29,000 dalam tahun 1967. Kesulitan mendapati pesakit² batok kering di-luar bandar dan untok mengawasi-nya ada-lah besar, dan chara²-nya sedang di-chadangkan untok memperbaiki hal kedua²-nya ia-itu menchari kes² dan mengawasi-nya.

*Penyakit Untut*—

Kawalan penyakit untut ini sedang ranchak di-jalankan oleh 9 pasokan bertugas di-negeri² Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, dan Johor. Ada-lah di-tegaskan ia-itu kerja-sama orang² 'awam, terutama sekali dalam mengambil kursus rawatan yang penoh sebagai suatu yang termustahak supaya penyakit ini berkurangan.

*Penyakit Puru*—

Kawalan Penyakit Puru pula telah maju dengan pesat-nya dan pasokan² ini sekarang sedang di-tarek balek dengan beransor² sementara kakitangan² Pusat Kesihatan Luar Bandar yang chukup dapat mengambil aleh pengawalan dan rawatan-nya.

*Demam Enteric (Tali Perut)*—

Kejadian demam enteric ini berkurangan. Dengan ada-nya Ranchangan Kesihatan sa-keliling di-luar bandar dan kedapatan bekalan ayer yang sempurna pada 'am-nya, kejadian penyakit ini boleh-lah di-harapkan akan berkurangan lagi.

*Penyakit Kerongkong*—

Dalam ranchangan menchegah penyakit kerongkong, lebeh kurang 160,000 kanak² telah di-beri suntikan yang pertama. Walau pun begitu, hanya 97,000 orang telah menyempurnakan chara² menchegah; sunggoh pun kakitangan² perubatan telah melawat rumah² mereka.

*Penyakit Kusta*—

Ranchangan Mengawal Kusta termasok melateh kakitangan perubatan dan ahli perubatan sa-umpama-nya ada-lah dalam perengkat permulaan. Perhatian yang tertentu akan di-beri untok mengetahui pada awal-nya chara² mengesah penyakit itu dan chara² mengikuti kes² itu. Pada akhir-nya ada-lah di-chadangkan supaya menyatukan perkhidmatan merawat kusta itu dengan perkhidmatan kesihatan dan perubatan 'am-nya. Penyelia satu Pusat Daftaran pesakit kusta telah pun di-mulakan.

*Penyakit Polio*—

Kejadian penyakit polio dalam tahun 1967 telah berkurangan, ia-itu hanya 0.42 daripada 100,000 pendudok daripada 1.17 dalam tahun 1966.

*Demam Chachar*—

Negeri ini telah bebas daripada penyakit demam chachar dalam tahun ini. Suntikan menchegah penyakit chachar di-sediakan di-semua Pusat² Kesihatan dan Kelinik² Kerajaan dan jumlah bilangan suntikan pertama di-lakukan dalam tahun 1967 ada-lah 221,616. Jumlah suntikan yang di-ulang ia-lah sebanyak 157,958.

*Maktab Kesihatan Umum*—

Maktab Kesihatan Umum telah di-buka dengan rasmi-nya dalam tahun 1967 dan telah mengadakan kursus² kapada Merinyu Kesihatan Umum dan Jururawat Kesihatan Umum. Dalam tahun 1968, kursus² untok Penolong Ma'mal Rendah dan pekerja² dalam Ranchangan Membasmi Malaria telah di-mulakan.

Satu Kursus Orientasi Basmi Malaria telah di-adakan dalam tahun itu yang di-hadziri oleh pegawai² kesihatan kanan daripada Kementerian ini, daripada Perbadanan² Tempatan yang terbesar dan daripada Fakulti Perubatan Universiti serta Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia (W.H.O.).

Untok menegaskan peri mustahak-nya kesihatan sekeliling suatu seminar yang di-hadziri oleh Pegawai² Daerah, Pegawai² Perubatan Kesihatan, Merinyu Kesihatan Umum dan Pengawas Kesihatan Umum telah di-adakan. Berbagai² perbinchangan yang berfaedah telah di-majukan.

Dalam tahun 1969, akan di-adakan pula satu kursus permulaan yang khas di-Maktab ini untok Merinyu Kesihatan Umum dalam perchubaan.

*Memperbaiki Rumah² Sakit*—

Memperbaiki rumah² sakit telah terus di-lakukan termasok kemudahan² bagi mengadakan wad² baharu, memperbaiki wad² yang sedia, menyambong atau membuat baharu jabatan² pesakit luar, bilek bedah, wad² bersalin, bekalan² kesihatan dan lain² lagi kemudahan yang berguna.

*Rawatan Perubatan*—

Semenjak kemerdekaan banyak kemajuan dan keluasan perkhidmatan perubatan di-Malaysia telah di-buat sama ada dalam bidang Rawatan Perubatan atau pun Perkhidmatan Penchegah. Ini telah pula di-lanjutkan kaluar² bandar. Jumlah kemasokan ka-rumah² sakit tempatan telah bertambah 4.14% daripada 432,954 dalam tahun 1966 kapada 450,862 dalam tahun 1967. Walau pun begitu, kehadziran pesakit² luar di-rumah² sakit telah kurang sebanyak 9.83% daripada 6,056,718 dalam 1966 kapada 5,461,471 dalam tahun 1967.

Ini ada-lah di-sebabkan ada-nya kemudahan² perubatan dan perkhidmatan kesihatan di-pusat² kesihatan di-luar bandar.

Dengan sebab berkehendakkan lebeh² lagi perkhidmatan mengubat dan menchegah, dan bilangan pendudok yang meningkat, ada-lah di-rasaï peri mustahak-nya di-luaskan dan di-majukan lagi kemudahan² perubatan dan kesihatan. Memperbaiki lagi rumah² sakit akan berjalan terus dengan pekerjaan² yang besar saperti berikut yang akan di-mulakan tidak berapa lama lagi:

(1) Jabatan baharu untok pesakit luar, Alor Star dan Klang.

(2) Wad² baharu di-Bukit Mertajam, Ipoh, Klang, Kuantan dan Pekan.

(3) Bahagian rawatan penyakit tenat (Intensive Care Unit) di-Pulau Pinang, Melaka dan Johore Bahru.

(4) Bahagian Sakit Buah Pinggang (haemodialysis) di-Kuala Lumpur.

Dengan mengadakan tambahan tempat tidur, banyak kemajuan telah didapati sebagai menghadapi masaalah sesak di-kebanyakan rumah² sakit daerah. Rumah Sakit Umum di-Seremban yang ada 720 tempat tidur itu telah siap. Di-Ranchangan Pembenaan Pembaharuan Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, yang berikut telah pun siap di-bawah perengkat pertama dalam ranchangan itu:

(*a*) Satu Pusat Rawatan Penyakit Barah (Radiotherapy) untok menempatkan 95 pesakit.

(*b*) Wad Block Utara dengan 516 tempat tidur.

(*c*) Asrama Pelateh Jururawat untok 310 pelajar.

(*d*) Tempat menginap untok 40 orang ibu berdekatan dengan Wad Kanak².

(*e*) Loji elektrik dan Mekanik dan kawasan kerja.

Perengkat yang kedua dalam ranchangan ini telah bermula dan akan berlangsong terus sa-hingga 1971.

Dengan memperhebatkan latehan kakitangan² perubatan, kekurangan dalam bahagian ini beransor² puleh. Bilangan pegawai² Perubatan, Doktor² Gigi dan Ahli² Kimia Ubat maseh berkurangan. 10 orang Pegawai Perubatan dari Republik Arab Bersatu telah di-lantek dalam tahun 1968 dan sedang berkhidmat di-beberapa tempat di-negeri ini. Kebanyakan daripada 40 orang Pegawai Perubatan dari Korea yang telah tamat kontrek mereka dalam tahun 1969, telah di-lantek semula. Soal kekurangan Pegawai² Perubatan ini akan dapat di-atasi apabila Universiti Malaya dapat mengeluarkan sebanyak 60 orang dari kumpulan pertama dalam tahun 1969.

*Pergigian*—

Untok mengatasi kekurangan doktor² gigi dan ahli² kimia ubat di-negeri ini, satu Fakulti Pergigian dan Sekolah Kimia Ubat di-Universiti Malaya sedang di-pertimbangkan.

Pembinaan Kelinik² Gigi baharu akan di-mulaï dalam tahun 1969 untok Melaka, Kulim dan Kuala Trengganu

oleh kerana hendak memaju dan meluaskan kemudahan2 untok bandar2 ini.

Sekolah Latehan Pergigian di-Pulau Pinang menyediakan latehan untok jururawat2 pergigian dan juruteknik pergigian termasok pelateh2 dari Sarawak dan Sabab. Ada juga pelajar2 yang datang dari luar negeri dan negeri2 yang berjiran yang mengambil kursus2 itu di-sini.

Perkhidmatan Pergigian ada-lah di-utamakan untok kanak2 sekolah dan kehadziran bagi tahun 1957 dan 1967 ada-lah menunjokkan saperti berikut:

| | 1957 *Kehadziran* | 1967 *Kehadziran* |
|---|---|---|
| Kanak2 Sekolah | 276,841 | 706,656 |
| Lain2 orang ... | 213,926 | 462,952 |
| Jumlah ... | 490,767 | 1,169,608 |

*Pusat Penyelidekan Perubatan*—

Dalam tahun sudah Pusat Penyelidekan Perubatan ini telah membuktikan banyak kegiatan menyelidek. Banyak projek penyelidekan telah di-jalankan bersendirian dan juga bersama2 dengan bahagian penyelidekan yang lain saperti unit Tentera Amerika Sharikat dan Universiti California. Urusan2 ini ada menunjokkan kemungkinan terlibat-nya dalam projek kawasan2 dunia berthabit dengan pertubohan2 lain di-Asia Tenggara. Ini di-fikirkan mustahak kerana penyakit2 tidak mengetahuï batasan2 kebangsaan, dan kerjasama kawasan ada-lah perlu bagi mengawal penyakit dalam daerah ini.

Berhubong dengan Majlis Penyelidekan Perubatan United Kingdom, penyelidekan berkenaan dengan masaalah encephalitis atau pun penyakit (otak) telah di-mulakan di-Sarawak. Yayasan ini juga di-untokkan bagi Pusat Demam Selesema Kebangsaan dan Pertubohan Kesihatan Sa-dunia dan ia telah memainkan peranan yang chergas bagi mengasing dan mengesan demam selesema Hong Kong baharu2 ini di-negeri ini. Satu tambahan pembenaan baharu kerana Teknologi Ma'mal Perubatan hampir2 telah siap dan ini akan memberi tempat untok melateh kakitangan ma'mal. Kerja2 memper-baiki bangunan telah di-mulakan di-chawangan2 ma'mal di-Pulau Pinang dan Ipoh.

Bagi tahun 1969 di-bawah anjoran Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia satu kursus berkenaan dengan ilmu hayat vector dan mengawal-nya akan di-adakan dan peserta2 dari semua kawasan Pacific Barat di-jangka akan menghadziri-nya di-bawah SEAMES atau pun (Kementerian Pelajaran Tenggara Asia). Yayasan ini berharap hendak menyusun satu kursus membawa kapada Diploma dalam Applied Parasitologi dan Kaji Serangga dalam tahun 1969.

*Latehan*—

Latehan untok semua kakitangan Perubatan, Kesihatan, Pergigian dan lain2 telah di-jalankan dengan ranchak. Bilangan pelajar yang mengikuti bahagian M.B.B.S. sekarang ada-lah 312 berbanding dengan 290 dalam tahun 1967 dan 219 dalam tahun 1966. Ada lagi 15 penuntut2 mempelajari ilmu pergigian dan 9 bahagian kimia ubat di-Universiti Singapura.

Tambahan lagi, sa-jumlah 41 Pegawai Perubatan, 2 Doktor Gigi dan 1 Ahli Kimia Ubat telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1968 untok melanjutkan pelajaran-nya.

Latehan untok kakitangan perubatan biasa sedang mendapat kemajuan yang memuaskan. Walau pun bagitu, telah kehilangan pula lebeh daripada 200 Jururawat terlateh dan 100 Penolong Jururawat terlateh dalam masa dua tahun yang lalu di-sebabkan oleh pemberhentian dan kemasokan mereka ka-Rumah Sakit Universiti dan Badan Peranchang Keluarga Kebangsaan.

Untok mengatasi kekurangan kakitangan di-Rumah2 Sakit Otak, ada-lah di-chadangkan melateh lebeh banyak lagi jururawat di-United Kingdom di-bawah Ranchangan Colombo. Latehan Penolong Pembantu Rumah Sakit (Otak) ini akan di-selenggarakan di-sini sahaja.

Latehan lanjutan yang membawa kapada kelulusan2 tinggi bagi Pegawai2 Perubatan dan Doktor2 Gigi ada-lah

berjalan dengan baik sunggoh pun chara penerimaan dalam bahagian pakar penyakit dan otak maseh tidak memuaskan. Sa-jumlah 41 orang kaki-tangan biasa perubatan daripada bahagian pakar telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1968 dengan bantuan Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan pertubohan² lain.

Kursus latehan tempatan juga telah di-susun di-sini dalam tahun ini meliputi perkara² khas saperti kesihatan luar bandar, Pensharah Jururawat, membasmi malaria, pelajaran kesihatan dan peranchangan keluarga. Pegawai² Perubatan dan kakitangan perubatan yang lain telah menghadziri kursus ini. Dengan ada-nya kakitangan yang terlateh, kechekapan perkhidmatan, tidak shak lagi, akan meningkat lebeh tinggi.

*Perhubongan 'Awam—*

Selepas pelancharan "Gerakan Mesra" di-adakan dengan jaya-nya di-seluroh negeri dalam 1968, perhubongan 'awam dengan kakitangan rumah sakit telah menjadi lebeh baik, sa-bagaimana yang di-buktikan oleh kerana kurang-nya pengaduan yang di-beri.

Sunggoh pun bagitu, saya suka pula merayu kapada orang² ramai meminta kerjasama dan persefahaman mereka sambil mengingatkan bahawa kemudahan² yang lengkap dan kakitangan yang chukup maseh berkurangan di-satengah² rumah sakit.

*Bantuan Luar—*

Kementerian ini telah menerima pertolongan² yang berharga berupa pakar², kelengkapan² dan biasiswa daripada berbagai² pertubohan antarabangsa, ejen² dan badan² dari negeri² sahabat, dan saya suka mengambil peluang ini menyatakan penghargaan kerajaan dan terima kaseh-nya atas bantuan mereka.

*Perundingan Berubat—*

Kemajuan dalam perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ada-lah di-sebab dengan ta'at setia pegawai² dan kakitangan Kementerian ini; dengan kejayaan kerajaan menyediakan wang² yang di-kehendaki; dengan pertolongan daripada pertubohan² antarabangsa dan dengan kerjasama dan timbang rasa orang² ramai.

Tidak shak pula, ada lagi banyak perkara² yang hendak di-kerjakan oleh kerana tujuan kita yang tertentu, ia-lah hendak memaju, meluas dan mempertahankan kechekapan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian, bukan sahaja untok menghadapi kehendak² tuboh, fikiran dan otak pendudok², tetapi juga untok kebahagian sosial mereka. Walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya yakin, jika kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bahagi, daripada semua yang berkenaan, terutama sokongan yang tidak berbelah bahagi, daripada semua yang berkenaan, terutama sekali, daripada pegawai² dan kakitangan² Kementerian saya, maka tujuan yang sa-bagitu mustahak-nya untok kesihatan, kema'amoran bangsa dan negara akan dapat di-chapai.

Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah chukop. Meshuarat bersidang sa-mula.

*Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli² Yang Berhormat Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1969 telah sampai Kepala B. 27 dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi hari Isnin, 27hb Januari, 1969.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

# JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN²

# WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

(SUPPLEMENT)

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

### Pameran Perdagangan di-Jerman Barat

**295. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan (*a*) berapa banyak-kah wang yang telah di-belanjakan untok para perwakilan Malaysia yang menghadziri Pameran Perdagangan yang diadakan di-Jerman Barat dalam bulan September, 1968 yang lalu; (*b*) siapakah yang mewakili Malaysia dalam pameran tersebut dan (*c*) ada-kah benar bahawa wakil² Malaysia itu telah juga melawat beberapa negeri di-Eropah; jika benar, nyatakan:

(i) negeri² yang di-lawati; dan

(ii) siapa-kah yang membiayaï-nya.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun):** Malaysia tidak berbelanja apa² pun sewaktu mengambil bahagian dalam Pameran Impot Yang Keenam yang telah diadakan di-Berlin Barat mulaï daripada 7hb September hingga 6hb Oktober, 1968. Semua peserta² dari negara² yang sedang membangun telah di-beri bantuan wang sa-banyak M$15,000 yang bukan-lah pula berupa pemberian terus menerus. Walau bagaimana pun semua perbelanjaan² yang telah di-buat berkaitan dengan Pesta ini boleh di-kirakan ka-dalam wang pemberian tersebut. Pada 19hb Mach kami telah menerima satu pekeliling daripada Penganjor² menyatakan bahawa sharikat² prebet boleh menyertaï Pesta itu atas dasar persaorangan dengan membuat bayaran sa-banyak $2,025. Ini akan menghakkan sa-orang peserta persaorangan pergi ka-Berlin dengan Penerbangan Khas untok tempoh sa-lama dua minggu dan dalam tempoh mana hanya belanja tempat tinggal-nya sahaja akan di-tanggong. Sa-lain daripada itu ia dibenarkan suatu ruangan luas-nya 10 meter persegi dalam pameran itu. Pada 26hb Mach, suatu pekeliling telah dikirimkan kapada berbagai² Badan² Perniagaan dan Badan² Pembuat termasok juga kapada MARA tetapi tidak menerima sambutan.

Sa-lepas itu, Pengarah Pemeran tersebut datang ka-Kuala Lumpur dan dari perbinchangan² dengan-nya maka di-buat putusan hendak membiayaï sa-bahagian daripada perbelanjaan yang akan di-buat oleh mana² pehak dalam bahagian prebet yang tertarek hati mahu mengambil bahagian dalam pameran tersebut berdasarkan kapada sekim baharu. Oleh kerana hanya lima buah tempat² dudok sahaja yang terdapat bagi Penerbangan Khas untok Malaysia maka wang sa-jumlah $5,000 ia-itu $1,000 bagi tiap² sa-orang telah di-ketepikan untok membiayaï kelima² wakil itu. Persetujuan telah terchapai dengan Pengarah Pameran itu bahawa bantuan tersebut boleh di-kirakan kadalam pemberian wang sa-banyak M$15,000 pada seluroh-nya.

Sekim baharu ini telah di-bawa kapada perhatian Persekutuan Pembuat² Malaysia dan pada waktu yang sama Pengarah Pameran itu telah juga membuat suatu kenyataan akhbar. Daripada shor² yang telah di-buat oleh Persekutuan Pembuat² Malaysia lima buah sharikat² telah di-pileh untok mengambil bahagian dalam Pemeran tersebut. Untok menjawab soalan Ahli Yang Berhormat maka ini-lah di-nyatakan bahawa:

(*a*) Kelima² wakil bahagian prebet ini membayar perbelanjaan mereka masing².

(*b*) Wakil tunggal Malaysia ia-lah Pesurohjaya Perdagangan-nya di-Bonn yang menjadi Pengarah gerai Malaysia.

(*c*) Lain² negara yang telah di-lawati oleh kelima² wakil dari bahagian prebet itu telah di-kelolakan dan di-tanggong kesemua-nya oleh mereka sendiri.

Malaysia did not incur any expenditure whatsoever in taking part in the Sixth Import Exhibition held in West Berlin from 7th September to 6th October, 1968. All participants from developing countries were given a subsidy of M$15,000 which was not in the form of outright grant. However all expenses incurred in connection with the Fair could be charged to this subsidy. In March 19th we received a circular from the Organisers stating that it would be possible for private companies to participate in the Fair on an individual basis on payment of a sum of $2,025. This would entitle an individual participant to go to Berlin on a Chartered Flight for a period of two weeks during which time only his accommodation would be paid for. In addition he would be allowed a space of 10 sq. metres at the exhibition. On March 26th, a circular was sent to the various Chambers of Commerce and Chambers of Manufacturers as well as MARA but no response was received.

Subsequently, the Director of the Exhibition came to Kuala Lumpur and from discussions with him it was decided to subsidies part of the expenditure which would be incurred by any interested member of the private sector who wished to participate in the exhibition on the basis of the new scheme. Since only five seats were available on the Chartered Flight for Malaysia a sum of $5,000 i.e., $1,000 per person was set aside to subsidies the five representatives. It was agreed with the Director of the Exhibition that this subsidy could be charged to the overall grant of M$15,000.

This new scheme was brought to the attention of the Federation of Malaysian Manufacturers and at the same time the Director of the Exhibition had also made a press statement. From the recommendations made by the Federation of Malaysian Manufacturers five firms were selected to participate in the Exhibition. To answer the Honourable Member's question therefore:

(*a*) The five representatives of the private sector paid their own expenses.

(*b*) Malaysia's only representative was the Trade Commissioner in Bonn who was the Director of Malaysia's stand.

(*c*) The other countries visited by the five representatives of the private sector was organised and financed entirely by themselves.

**Sidang Getah Asli**

**296. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa buah negeri-kah yang telah di-jemput telah tidak hadzir ka-sidang getah asli yang di-adakan di-Malaysia dalam bulan September, 1968; dan nyatakan sebab² yang mereka berikan kerana tidak hadzir.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Persidangan mengenaï Kemajuan dan Penyelidekan Getah Asli, yang dianjorkan oleh Pusat Penyelidekan Getah Tanah Melayu bagi pehak Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu, telah di-langsongkan di-Kuala Lumpur daripada 29hb Ogos hingga 5hb September, 1968. Persidangan ini pada pokok-nya ia-lah satu persidangan scientists getah yang kenamaan untok membinchang segi² yang sa-luas²-nya tentang pengeluaran, memperoses dan pengilangan getah asli.

Lebeh daripada 5,000 surat jemputan telah di-edarkan kapada orang² persaorangan atas sifat peribadi-nya atau rasmi. 500 orang peserta dari 29 buah negeri, termasok Malaysia telah menghadhiri Persidangan itu dan 367 orang daripada mereka datang dari negeri² asing. Dengan demikian Persidangan itu merupakan tempat pertemuan penyelidek², ahli² teknoloji dan pengilang² dari merata dunia.

The Conference on Natural Rubber Research and Development, organised by the Rubber Research Institute of Malaya on behalf of the Malayan Rubber Fund Board, was held in Kuala Lumpur from 29th August to 5th September, 1968. This Conference was essentially a conference of distinguished

rubber scientists to discuss the broadest aspects of natural rubber production, processing and manufacture.

Over 5,000 invitations were issued to individuals either in their personal or official capacities. 500 participants from 29 countries, including Malaysia attended the Conference and 367 of them came from foreign countries. The Conference thus brought together research workers, technologists and manufacturers from all over the world.

### Lawatan ka-Taiwan

**297. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar bahawa Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah menghantar satu rombongan melawat Formosa (Taiwan) dalam bulan Oktober, 1968 yang lalu; dan jika benar, nyatakan:

(*a*) apa-kah tujuan lawatan itu;

(*b*) berapa banyak-kah wakil² rombongan itu dan apa nama² mereka;

(*c*) berapa lama-kah tujuan lawatan itu;

(*d*) berapa jumlah wang yang di-belanjakan.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tiada menghantar apa² rombongan ka-Formosa (Taiwan) dalam bulan Oktober, 1968.

The Ministry of Commerce and Industry did not send any delegation to Formosa (Taiwan) in October, 1968.

### Kilang²

**298. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan (*a*) hingga akhir tahun 1968 yang lalu berapa banyak-kah kilang² yang berdaftar di-Malaysia Barat; dan apa-kah jenis kilang² itu.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Lima ratus lapan belas buah kilang berjentera telah di-daftarkan pada Jabatan Jentera dalam tahun 1968. Kilang² ini terdiri daripada peleboran² kechil hingga kapada firma² pembuat barang² yang besar.

Five hundred and eighteen factories with machinery have been registered with the Machinery Department during the year 1968. These factories vary from small foundries to big manufacturing concerns.

### Kilang² Taraf Perintis

**299. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan (*a*) hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah kilang² yang bertaraf perintis di-negeri² Malaysia Barat, dan jumlah modal-nya; (*b*) berapa banyak daripada-nya di-punyaï oleh bumiputera dan berapa jumlah modal-nya.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:**

(*a*) Bilangan sharikat² taraf printis sa-bagaimana pada 31hb Disember, 1968 ... 142

Jumlah modal seruan $306.5 juta

(*b*) Dalam hampir² kesemua sharikat taraf perintis ada penyertaan modal daripada bumiputera dan penyertaan itu ada-lah berbedza² daripada 10% kapada 100% dari jumlah modal seruan.

(*a*) Number of pioneer companies as at 31st December, 1968 ... ... 142

Total called-up capital ... ... $306.5 million

(*b*) In almost all the pioneer companies there is capital participation by indigenous people and it varies from 10% to 100% of the total called-up capital.

### Barang² Pengguna

**300. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan dalam sepanjang 1968 berapa peratus-kah Malaysia mengimpotkan barang² pengguna (consumer's goods) berbanding dengan tahun 1967; dan berapa jumlah harga barang² tersebut bagi tahun 1968.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Dalam tahun 1967, impot Malaysia berjumlah $3,325.3 juta. $1,638.1 juta atau 49.3% daripada-nya ia-lah barang² pengguna *1. Dalam tempoh Januari-Oktober, 1968, impot Malaysia berjumlah $2,927.1 juta, $1,330.7 *2. atau 45.5% ia-lah barang² pengguna.

*1. Barang² pengguna ia-lah: (*a*) Makanan; (*b*) Minuman dan Tembakau; (*c*) Barang² Berkilang; dan (*d*) Pelbagai Barang² Berkilang.

*2. Semua perdagangan dalam negara di-antara Malaysia Timor dengan Malaysia Barat tidak di-masokkan.

In 1967, Malaysia's total imports amounted to $3,325.3 million of which $1,638.1 million or 49.3% were consumer's goods. *1. In the period January-October, 1968, Malaysia's total imports amounted to $2,927.1 million of which $1,330.7 or *2. 45.5% were consumer's goods.

*1. Consumer goods comprise: (*a*) Food; (*b*) Beverages and Tobacco; (*c*) Manufactured goods; and (*d*) Miscellaneous Manufactured Articles.

*2. All intra-regional trade between East and West Malaysia are excluded.

### Kasut

**301. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan dalam tahun 1968 berapa ribu pasang kasut yang kita impot dari luar negeri dan berapa-kah harga-nya berbanding dengan tahun 1967; dan apa-kah usaha kita bagi mengurangkan impot tersebut.

### Impot Kasut

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Dalam tahun 1967, Malaysia Barat *1 meng-impot 107,300 dozen pasang kasut. Dalam tempoh Januari-Oktober. 1968, Malaysia Barat mengimpot 74,900 dozen pasang kasut.

### Langkah² yang di-ambil untok Mengurangkan Impot

Untok mengurangkan impot kasut, Kerajaan Persekutuan telah menggalakkan penubohan perusahaan² kasut di-Malaysia.

PERINGATAN: *1. Angka² bagi Malaysia untok 1968 tidak ada.

### Imports of Footwear

In 1967, West Malaysia *1 imported 107,300 dozen pairs of footwear. In the period January-October, 1968, West Malaysia imported 74,900 dozen pairs of footwear.

### Steps Taken to Reduce Imports

To reduce the import of footwear, the Federal Government has been encouraging the establishment of footwear industries in Malaysia.

NOTE: *1. Figures for Malaysia for 1968 are not available.

### Kilang² Memasang Kereta

**302. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan (*a*) hingga akhir tahun 1968 berapa banyak-kah kilang² pema-sang kereta di-Malaysia Barat dan nyatakan jenis kereta² yang di-pasang oleh masing² kilang tersebut; dan (*b*) berapa banyak-kah kerja yang dapat mereka beri kapada buroh² tempatan.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:**

| | | |
|---|---|---|
| (*a*) | Bilangan kilang² memasang kereta di-Malaysia hingga akhir tahun 1968 ... ... ... | 6 |
| | Bilangan jenis² buatan kereta yang di-pasang di-enam buah kilang yang di-luluskan ... | 35 |
| (*b*) | Jumlah orang² yang bekerja di-dalam enam buah kilang itu ... | 1,678 |
| (*a*) | The number of car-assembly plants in Malaysia up to the end of 1968 ... ... | 6 |
| | Number of makes of cars assembled in the Six Approved assembly plants ... ... ... | 35 |
| (*b*) | Total number of people employed in the six assembly plants ... | 1,678 |

### Seminar Tenaga dan Ekonomi

**303. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Malaysia telah

mengambil bahagian dalam seminar Tenaga dan Ekonomi (Energy Policy and Energy Economy) yang di-adakan di-Berlin, dalam bulan Oktober, 1968; jika ia, nyatakan wakil² kita dan jumlah wang yang di-belanjakan kerana-nya.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Kerajaan Malaysia tidak mengambil bahagian di-dalam seminar mengenaï Dasar Tenaga dan Ekonomi Tenaga yang di-adakan di-Berlin dalam bulan Oktober, 1968.

The Malaysian Government did not participate in the seminar on Energy Policy and Energy Economy held in Berlin in October, 1968.

### Lawatan Menteri Kemajuan Perusahaan Queensland, Australia

**304. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar bahawa Menteri Kemajuan Perusahaan Queensland, Australia telah melawat Malaysia dan mengadakan rundingan dengan-nya dalam bulan Oktober, 1968; jika ia, nyatakan apa-kah hasil dari rundingan tersebut.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Menteri bagi Kemajuan Perusahaan di-Queensland, Australia telah berjumpa dengan saya dalam bulan Oktober, 1968. Kami bertukar² pandangan mengenaï kemajuan perusahaan, perkembangan perdagangan dan penggalakan pelanchongan.

The Minister for the Industrial Development in Queensland, Australia did call on me in October, 1968. We exchanged views on industrial development, expansion of trade and tourist promotion.

### Kompleks Pelanchongan

**305. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Commerce and Industry if he is aware that the Malaysia Marine Ltd which is building a Tourist Complex at the Blue Lagoon, Port Dickson, is confronted with the lack of electricity supply; if so, whether he will ask the N.E.B. to build another sub-station there as early as possible.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** The National Electricity Board has not received any request for electricity supply from Malaysia Marine Ltd, which is reported to be building a Tourist Complex at the Blue Lagoon, Port Dickson.

It is suggested that Malaysia Marine Ltd, should apply to the N.E.B. District Manager, Seremban, for a supply to the proposed Tourist Complex giving details of anticipated load requirements so that the N.E.B. could plan to extend its mains in order to give an adequate supply to that area.

### Kamunting Industrial Estate, Taiping

**306. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Commerce and Industry to state the number of industrialists who have taken up sites at the Kamunting Industrial Estate in Taiping, the capital involved and the number of people who have been employed there.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:**

| | |
|---|---|
| Number of sites taken up at the Kamunting Industrial Estate ... ... ... | 8 (49.4 acres) |
| Capital investment involved | $5.2 million |
| Number of people employed | 755 |

### Senawang Industrial Estate, Seremban

**307. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Commerce and Industry to state the number of industrialists who have taken up sites at the Senawang Industrial Estate in Seremban, the capital involved and the number of people who have been employed there.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:**

| | |
|---|---|
| Number of sites taken up at the Senawang Industrial Estate, Seremban ... ... | 4 (9 acres) |
| Capital investment involved | $385,000 |
| Number of people employed | *314 Nil |

NOTE: * Three factories have been completed. They could not go into production because electricity is not available yet. If the three factories go into production, they are expected to employ 314 people.

### Greenwood Housing Garden, Batu Caves

**308. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Commerce and Industry whether the Pengurus Lembaga Letrik Negara has received a letter dated 5th September, 1968, from Mr Lam Sang, Secretary of the Greenwood Housing

Garden, Batu Caves, if so, what action has the N.E.B. taken over that request for street lighting.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** The National Electricity Board has no request from Mr Lam Sang, Secretary of the Greenwood Housing Garden, Batu Caves, for provision of street lighting in the Housing Estate. However, the Board has received a letter from Mr V. P. Thuraisingam on 23rd October, 1967, requesting the Board to provide street lighting for this Housing Estate. Since the installation of street lights could only be carried out at the request of the Pegawai Daerah, a reply had already been given to Mr V. P. Thuraisingam by the N.E.B. asking him to refer his request to the Pegawai Daerah for appropriate action.

#### Lembaga Letrik Negara

**309. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah keputusan perundingan di-antara pehak yang berkuasa Lembaga Letrik Negara dengan Kesatuan Sa-kerja L.L.N. yang dilangsongkan atas permintaan Perdana Menteri dalam tahun 1968.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Pehak Lembaga telah memberi tawaran kapada Kesatuan Sa-kerja L.L.N. kenaikkan gaji yang sama kapada kakitangan² di-dalam Bahagian IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar (IMG) saperti yang telah di-persetujukan di-antara Kerajaan dan Kakitangan²-nya di-dalam Bahagian IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar.

## KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

#### Sharikat Kerjasama Pinjam Meminjam Pos dan Talikom

**310. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications in connection with the letter from the Post and Telecommunications Co-operative, Thrift and Loan Society published in the *Malay Mail* of 21st August, 1968, whether he would clarify the serious allegations made in order to allay public fears.

**Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan):** The position regarding the 224 covers alleged to have been posted, is that no such covers were found in any of the posting boxes of Kuala Lumpur General Post Office either at 6.15 a.m. on 25th July, 1968, when the boxes were first cleared or at any time after that and before 10 a.m. when the first delivery was effected to the Society. It is necessary for the department to have correct information of the time and place of posting of a postal article in order that satisfactory investigations can be made into all stages of its handling. As the complainant did not furnish the correct information required, it could not be established clearly how the covers in question, if really posted, were disposed of.

As regards the two registered articles, there was only one complaint of damage and delay in delivery to one item, which was explained by the fact that the cover used in this case was not sufficiently strong. The delay in delivery was attributable to the Society, because no one claimed the cover before the Society meeting was held, although a notification card was promptly sent.

#### Kertas² Undi

**311. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications if he has investigated the complaints over the disappearance of 224 covers containing ballot papers addressed to the Postal and Telecoms Co-operative Society. If so, what are the results of the investigation.

**Tun V. T. Sambanthan:** Please see answer to Question No. 310.

#### Pesawat Otomatik Talipon

**312. Tuan Sim Boon Liang** asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state whether the automatic exchange for telephones will be installed after the completion of the new Post Office Building at Dalat.

**Tun V. T. Sambanthan:** It is planned to install an automatic telephone exchange at Dalat on completion of the new Post Office Building. However, for technical reasons, it is necessary to co-ordinate the installation of this automatic telephone exchange equipment with that planned for Sibu. The building at Sibu to accommodate the telephone exchange equipment is now in the final stages of planning, and it is expected that the installation of the new Sibu Automatic Telephone Exchange will be completed in early 1971. Hence, the installation of the Dalat Automatic Telephone Exchange will also be completed in early 1971.

### Pondok Talipon

313. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications whether the Pengarah Talikom, Chawangan Selangor has received a letter dated 5th September, 1968, from Enche' Lan Sang, Secretary of the Greenwood Housing Garden, Batu Caves. If so, what action has been taken over this request for a telephone kiosk for the Greenwood Housing Garden.

**Tun V. T. Sambanthan:** No letter dated 5th September, 1968, was received from Enche' Lan Seng, Secretary of the Greenwood Housing Garden, Batu Caves. A letter dated 31st July, 1967, was however received from the Secretary of Central Development (Sdn.) Berhad, Enche' Teng Cheng. This letter gave brief details of a proposed housing project called Greenwood Park and requested for a few telephone lines for the project and also referred to the provision of public telephone kiosks.

Since then seven applicants have already been provided with telephone service in the area.

The Telecommunications Department had not provided a public telephone kiosk as it was not considered remunerative to do so. Now that the area is more developed, the Department will look into the question of the kiosk, and if considered justified, it will be provided.

## KEMENTERIAN KE'ADILAN

### Kes di-Mahkamah Ipoh

314. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Justice if he is aware that on 14th November, 1968 in Ipoh a case was mentioned in Court without the charge being disclosed. Is he also aware that this exceptional action taken by the Magistrate has caused great misgivings as justice must not only be done but be seen to be done as well. If so, has there been an investigation into the slip-up as promised by the Chief Justice of West Malaysia.

**Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** I am aware of the matter raised by the Hon'ble Member for Batu.

The Charge was one under the Minor Offences Ordinance arising over a trifling matter. The only irregularity, if it can be so described, was that the charge was not read out in open Court. This was done at the request of defendant's Counsel who informed the Court that his client was well aware of the charge and was pleading not guilty thereto. This was done with the best of intentions, the idea being not to exacerbate ill-feelings between the two parties. Subsequently an apology given and accepted had ended the matter amicably.

I have been informed by the Hon'ble Chief Justice that he had investigated into the matter and he is well satisfied that there has not been any miscarriage of justice as to arouse any public concern.

### Pegawai² Kehakiman

315. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Justice if he would organise bi-annually a conference of Judicial Officers like the one held recently.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** The conference of the Judicial and Legal Officers will be held as often as it is deemed expedient.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

### Sokan Olympic

316. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Culture, Youth and Sports

how much public funds have he spent on sending our sportsmen to the Olympic Games at Mexico City. Is the Deputy Prime Minister aware that our standards are far too low for our sportsmen to compete with sportsmen of world standards. If so, should we not forget about the Olympics but concentrate on the Asian and SEAP Games instead.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Tuan Senu bin Abdul Rahman):** Approximately $197,590 was spent in sending our sportsmen to the Olympic Games at Mexico City. The Government contributed $100,000 and the rest were donations received by the Olympic Council of Malaysia. The standard of our sportsmen are comparable to international standards. The Hockey Team which represented Malaysia was chosen by the International Hockey Federation to be one of the top sixteen teams *qualified* to take part in the Olympic Games at Mexico City, while the rest of the team were selected on standards set by their respective International Sports Federations. As the Hon'ble Member is aware, we have always and will continue to concentrate on the Asian and SEAP Games, but we shall still keep our sights on the Olympic Games.

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

### Sharikat² Kerjasama

**317. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives if he would tighten up control and supervision on urban thrift and loan co-operative societies and co-operative housing societies to prevent malpractices in these co-operative societies to protect the interests of members.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):** Satu Jawatan-kuasa mengandongi Pegawai² Kerajaan yang kanan, termasok sa-orang wakil daripada Jabatan Peguam Negara telah di-lantek untok memereksa dengan lebeh dalam lagi Ordinance Sharikat² Kerjasama dan Peratoran²-nya yang ada sekarang dengan tujuan membuat chadangan² dan shor² yang sesuai bagi meminda undang² tersebut supaya terjamin kawalan dan pengawasan yang lebeh ketat dan berkesan ka-atas Sharikat² Kerjasama termasok Sharikat² Jimat Chermat dan Pinjaman dan Sharikat² Perumahan dan dengan ini sebarang kechurangan dalam Sharikat² ini dapat di-elakkan.

**318. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives if he would launch a full-scale investigation into the affairs of the P. & T. Co-operative Thrift and Loan Society and making recommendations for its efficient administration.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Apart from the misunderstanding that has arisen as a result of the recent election of office bearers, the P. & T. Co-operative Thrift and Loan Society functions satisfactorily. This being a democratic organisation, the matter has to be ultimately resolved by the members themselves. The Registrar of Co-operative Societies has already given a ruling to the Society pertaining to this matter. It is therefore felt not necessary to institute an investigation of the nature suggested by the Honourable Member for Batu.

### Lembu untok Mangsa² Banjir

**319. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat ada memberi lembu kapada mangsa² banjir di-Malaysia Barat dalam tahun 1968; jika ya, nyatakan jumlah lembu yang di-beri di-tiap² negeri di-Malaysia Barat, dan khas-nya di-kawasan Bachok, Kelantan.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Dalam tahun 1968 Kerajaan Pusat telah memberikan lembu kapada mangsa² banjir di-Negeri Kelantan sahaja. Sa-banyak 6,232 ekor lembu berharga $847,417.75 telah di-bahagi²-kan. Sa-banyak 769 ekor daripada-nya di-bahagi²kan kapada mangsa² banjir di-kawasan Bachok, Kelantan.

The Central Government has given cattle in 1968 to flood victims in the State of Kelantan only. A total of

6,232 heads of cattle costing $847,417.75 was distributed of which 769 heads were distributed to flood victims in the Bachok area, Kelantan.

**320. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah dia sedar bahawa sa-orang ejen bernama Mohamad Amin bin Ya'akub dari Jalan Barat, Bandar Bachok enggan hadzir apabila di-panggil oleh pehak Jabatan Haiwan, Kelantan kerana tidak menjelaskan bayaran sa-bilangan ekor lembu yang di-beli-nya bagi pehak Kerajaan Pusat dalam tahun 1968; jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan ka-atas perkara itu.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Jabatan Haiwan Kelantan telah pun membeli sa-banyak 172 ekor lembu daripada Enche' Mohamad Amin bin Ya'akub dan pejabat ini telah pun membuat pembayaran harga² lembu dengan jelas kapada beliau saperti berikut di-bawah:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 85 | ekor | @ | $140 sa-ekor | $11,900 |
| | 37 | ekor | @ | $135 sa-ekor | $ 4,995 |
| | 25 | ekor | @ | $130 sa-ekor | $ 3,250 |
| | 17 | ekor | @ | $125 sa-ekor | $ 2,125 |
| | 7 | ekor | @ | $120 sa-ekor | $ 840 |
| | 1 | ekor | @ | $110 sa-ekor | $ 110 |
| Jumlah ... | 172 | ekor | | | $23,220 |

**321. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah lembu² yang di-beri kapada mangsa² banjir di-Kelantan pada tahun 1968 itu diberi sa-bagai hadiah atau sa-bagai pawah; jika sa-bagai pawah, apa-kah sharat²-nya.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Lembu² telah di-bahagi²kan kapada mangsa² banjir tanpa bersharat untok memulehkan mangsa² yang kehilangan lembu².

The cattle distributed to the flood victims were given in order to rehabilitate the victims who had lost their cattle. No conditions were attached.

**322. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kerajaan sedar bahawa perkara "lembu banjir" yang pada asal-nya di-beri dengan niat baik itu sudah menimbulkan berbagai "kesulitan" terutama di-kawasan Bachok, Kelantan; ia-itu saperti mana pertelingkahan yang berlaku di-Jabatan Haiwan, Negeri Kelantan; jika sedar, apa-kah dia langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kesulitan tersebut.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Kesulitan² memang berlaku dalam urusan² saperti ini. Jadi mesti-lah diingati bahawa pembahagian lembu² kapada lebeh daripada enam ribu keluarga telah melibatkan keperluan membuat banchi mangsa² banjir, membeli dan akhir-nya membahagikan lembu² dan ini telah di-kelolakan oleh kakitangan yang terhad bilangan-nya. Walau bagaimana pun kesulitan² ini telah dapat di-atasi dan pembahagian di-sempurnakan.

Difficulties are bound to occur in an undertaking of this nature. It must be borne in mind that the distribution of cattle to over six thousand families had involved in the necessary taking of census of the flood victims, the purchase and finally the distribution of cattle with a limited staff. However, these difficulties had been overcome and distribution has been completed.

**Sawah**

**323. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama berapa ekar tanah² sawah di-tiap² Negeri di-Malaysia Barat hingga akhir tahun 1968 dengan menyatakan:

(*a*) Jumlah hasil padi bagi tahun 1968 di-tiap² Negeri; dan

(*b*) Jumlah luas tanah yang baharu di-buka untok tanaman padi dalam tahun 1968 di-tiap² Negri.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** (*a*)

RENGKASAN KELUASAN DAN HASIL PADI 1968 MENGIKUT NEGERI[2]
SEMUA JENIS PADI

| Negeri[2] | Jumlah: Semua Jenis 1967/1968 | | | | | Padi Musim 1967/1968 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Luas di-tanam | | Hasil Beras | | | Luas di-tanam | | Hasil Beras | |
| | Ekar | % | Tan | % | | Ekar | % | Tan | % |
| Johor .. .. | 14,380 | 1.4 | 6,470 | 1.0 | .. | 10,310 | 1.3 | 4.360 | 0.8 |
| Kedah .. .. | 301,480 | 29.9 | 254,980 | 37.9 | .. | 281,710 | 34.9 | 243,230 | 44.3 |
| Kelantan .. .. | 143,670 | 14.3 | 42,380 | 6.3 | .. | 119,400 | 14.8 | 31,650 | 5.8 |
| Melaka .. .. | 32,380 | 3.2 | 17,110 | 2.5 | .. | 31,090 | 3.9 | 16,380 | 3.0 |
| Negeri Sembilan .. | 32,610 | 3.2 | 21,720 | 3.2 | .. | 27,700 | 3.4 | 17,970 | 3.3 |
| Pahang .. .. | 48,540 | 4.8 | 22,800 | 3.4 | .. | 39,930 | 4.9 | 19,480 | 3.6 |
| Pulau Pinang dan Saberang Prai .. | 73,320 | 7.3 | 59,710 | 8.9 | .. | 39,240 | 4.9 | 35,090 | 6.4 |
| Perak .. .. | 149,780 | 14.9 | 97,670 | 14.5 | .. | 102,910 | 12.8 | 69,110 | 12.6 |
| Perlis.. .. .. | 58,290 | 5.8 | 52,530 | 7.8 | .. | 49,610 | 6.1 | 45,170 | 8.2 |
| Selangor .. .. | 82,920 | 8.2 | 70,430 | 10.5 | .. | 48,060 | 6.0 | 44,150 | 8.0 |
| Trengganu .. .. | 70,370 | 7.0 | 26,880 | 4.0 | .. | 56,980 | 7.0 | 22,050 | 4.0 |
| JUMLAH TANAMAN PADI 1967/1968.. | 1,007,740 | 100.0 | 672,680 | 100.0 | .. | 806,940 | 100.0 | 548,640 | 100.0 |

| Negeri[2] | Padi Luar Musim 1967 | | | | | Padi Tugalan dan Padi Huma 1967/1968 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Luas di-tanam | | Hasil Beras | | | Luas di-tanam | | Hasil Beras | |
| | Ekar | % | Tan | % | | Ekar | % | Tan | % |
| Johor .. .. | 2,170 | 1.4 | 1,480 | 1.3 | .. | 1,900 | 4.3 | 630 | 5 |
| Kedah .. .. | 15,050 | 9.6 | 10,630 | 9.6 | .. | 4,720 | 10.8 | 1,120 | 8 |
| Kelantan .. .. | 9,790 | 6.2 | 5,850 | 5.3 | .. | 14,480 | 33.0 | 4,880 | 36 |
| Melaka .. .. | 1,290 | 0.8 | 730 | 0.7 | .. | — | — | — | — |
| Negeri Sembilan .. | 4,910 | 3.1 | 3,750 | 3.4 | .. | — | — | — | — |
| Pahang .. .. | 3,110 | 2.0 | 2,010 | 1.8 | .. | 5,500 | 12.6 | 1,310 | 10 |
| Pulau Pinang dan Saberang Prai .. | 34,080 | 21.7 | 24,620 | 22.3 | .. | — | — | — | — |
| Perak .. .. | 40,300 | 25.7 | 26,460 | 23.9 | .. | 6,570 | 15.0 | 2,100 | 16 |
| Perlis.. .. .. | 8,270 | 5.3 | 7,030 | 6.4 | .. | 410 | 0.9 | 330 | 2 |
| Selangor .. .. | 34,560 | 22.0 | 26,200 | 23.7 | .. | 300 | 0.7 | 80 | 1 |
| Trengganu .. .. | 3,420 | 2.2 | 1,830 | 1.6 | .. | 9,970 | 22.7 | 3,000 | 22 |
| JUMLAH TANAMAN PADI 1967/1968.. | 156,950 | 100.0 | 110,590 | 100.0 | .. | 43,850 | 100.0 | 13,450 | 100 |

1 tan beras = 615 gantang padi.

(*b*) Di-Malaysia Barat tidak ada kawasan baharu yang luas di-buka dalam tahun 1968 ini.

Walau bagaimana pun ada kawasan[2] padi yang tertinggal lama di-kerjakan sa-mula oleh sebab harga beras bertambah mahal.

Jika di-bandingkan luas kawasan yang di-tanam dalam tahun 1968 dengan tahun 1967, di-dapati ada kawasan bertambah di-beberapa negeri sabagaimana di-nyatakan di-bawah ini:

Negeri Kelantan ... 4,500 ekar
Negeri Pahang ... 5,900 ekar

**Ranchangan Muda**

**324. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta kapada Menteri Pertanian dan Sharikat[2] Kerjasama menyatakan dengan rengkas-nya kemajuan yang telah terchapai dalam pelaksanaan Ranchangan Pengayeran Muda hingga akhir tahun 1968.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Di-akhir tahun 1968, kerja[2] kemajuan pembenaan Projek Pengayeran Muda ada-lah menurut jadual-nya. Terowong Saiong boleh di-katakan hampir siap kechuali kerja[2] kechil di-bahagian salor-masok dan salor-keluar yang sedang

di-jalankan untok di-siapkan sepenoh-nya. Batu ketul timbun di-Empang Pedu telah siap dan atoran menyelaput aspal di-bahagian ulu dataran empang itu akan di-jalankan dalam bulan Januari, 1969. Empang Muda juga dalam perengkat pembenaan yang meningkat maju dan kerja² di-bahagian kolam ayer di-jangka akan siap dalam bulan Mei tahun 1969.

Kerja² kemajuan di-Sistem seliratan Taliayer ada-lah menurut jadual dan sama sahaja hebat-nya; menurut kadar kemajuan sekarang ini, ada-lah besar kemungkinan-nya bahawa kemudahan² pengayeran dapat di-lengkapkan dengan sechukup-nya bagi penanaman padi dua kali setahun dalam bulan Februari, tahun 1970 bagi kawasan bendang sa-luas 130,000 ekar letak-nya di-sebelah utara, separoh bahagian dari Kawasan Projek ini.

The progress of the construction of the physical works of the Muda Irrigation Project was according to schedule at the end of 1968. Saiong Tunnel had been substantially completed and only minor works were being carried out to the intake and the outfall to complete it fully. The rock-fill for Pedu Dam had been completed and arrangements were being made to lay the Asphalt membrane to the upstream fact of the dam in January 1969. Muda Dam was also in a stage of advanced construction and the reservoir works are expected to be completed in May, 1969.

The progress on the Internal Reticulation System has been equally impressive and on schedule and, at the present rate of progress, it should be possible to provide adequate irrigation facilities for the double-cropping with padi in February 1970 of 130,000 acres of bendang in the northern half of the Project Area.

### Sharikat² Kerjasama di-Sarawak

**325. Tuan Sim Boon Liang** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state:

(*a*) how much money did the Government spend on the development and maintenance of Co-operative Societies in Sarawak for 1966, 1967 and 1968;

(*b*) how many Co-operative Societies are there today in Sarawak;

(*c*) how many of these Societies are financially stable, and how many of them have failed and have had to be closed down in the years 1966, 1967 and 1968.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:**

(*a*) Kerajaan Malaysia telah membelanjakan untok penyenggaraan Jabatan Kemajuan Kerjasama, Sarawak yang bertanggong-jawab di-atas pengawalan dan perkembangan Sharikat² Kerjasama di-Sarawak saperti berikut:

1966 . $380,513
1967 ... 421,015
1968 ... 471,572 (peruntokan)

(*b*) Pada masa ini ada sa-banyak 229 buah Sharikat Kerjasama yang berdaftar di-Sarawak.

(*c*) Lebeh kurang 90% daripada bilangan Sharikat² yang berdaftar berada di-dalam keadaan yang baik dan maju. Bilangan Sharikat yang di-tutup ia-lah 9 buah dalam tahun 1966, 16 dalam tahun 1967 dan 26 buah dalam tahun 1968.

(*a*) The Malaysian Government spent on the maintenance of the Department of Co-operative Development, Sarawak, which is responsible for the supervision and promotion of Co-operative Societies in Sarawak, as follows:

1966 ... $380,513
1967 ... 421,015
1968 ... 471,572 (provision)

(*b*) To date there are 229 registered Co-operative Societies in Sarawak.

(*c*) About 90% of the registered Co-operative Societies are financially stable. The number of Societies liquidated was 9 in 1966, 16 in 1967 and 26 in 1968.

### Persatuan Nelayan²

**326. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan

Sharikat Kerjasama apa-kah hasil rundingan-nya dengan pehak Persatuan Nelayan[2] Pantai Barat dalam bulan September, 1968.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Tidak ada apa[2] perundingan di-adakan dengan pehak Persatuan Nelayan[2] Pantai Barat dalam bulan September, 1968.

### Pakar[2] Pertanian

**327. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sudah-kah Kerajaan berhubong dengan pehak Russia untok mendapatkan pakar[2] pertanian-nya datang ka-Malaysia bagi menolong Kerajaan dalam lapangan pertanian saperti yang pernah di-janjikan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam persidangan Dewan Ra'ayat dalam bulan Jun, 1968 dan sa-jauh mana-kah usaha ini sudah berjalan.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Kerajaan tiada menghubongi Russia untok mendapatkan pakar[2] pertanian oleh kerana permintaan hendak mendapatkan pakar[2] yang di-kehendaki oleh Kementerian ini telah pun di-majukan kapada Bangsa[2] Bersatu dan ranchangan[2] bantuan dua-pehak yang lain. Bagaimana pun, sa-bagaimana kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Malaysia akan meminta bantuan teknik dari mana[2] puncha yang boleh di-dapati-nya dan langkah[2] yang patut akan di-ambil apakala keperluan[2] itu timbul.

The Government has not approached Russia for agricultural experts since request for experts required by the Ministry have already been made to the United Nations and other bilateral aid programmes. However, as stated by the Deputy Prime Minister Malaysia will seek technical assistance from any source available to her and that appropriate steps will be taken when the needs arise.

### Nelayan[2]

**328. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama bagaimana-kah sambutan Kerajaan terhadap rayuan nelayan[2] Kuala Kangkong, Kedah yang telah di-buat dalam bulan September, 1968, meminta di-tambahkan lesen pukat tunda sa-banyak 100 lagi.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Satu ratus lesen pukat tunda telah di-luluskan kapada Persatuan Sharikat[2] Kerjasama Nelayan, Kuala Kedah, yang Sharikat Kuala Kangkong ia-lah salah satu ahli-nya. Lesen[2] tersebut di-keluarkan bagi bot[2] yang bukan dari Kedah tetapi mesti di-usahakan oleh ahli[2] Persatuan. Sa-hingga ini 21 lesen telah di-keluarkan bagi bot[2] dari Selangor dan Perak yang di-gunakan oleh berbagai[2] ahli Sharikat Persatuan. Mengenaï Sharikat Kuala Kangkong, 3 lesen telah di-keluarkan kapada sharikat ini, dan dua lesen lagi yang telah juga di-luluskan akan di-keluarkan apabila Sharikat tersebut sanggup menyempurnakan bayaran wang bertarohan yang di-kehendaki di-bawah Peratoran[2] Perikanan. Bagi membantu sharikat[2] untok mendapatkan lesen[2] pukat tunda, Kementerian telah mempersetujukan kapada wang[2] pertarohan itu di-bayar sa-chara beransor[2] sa-banyak sa-puloh peratus tiap[2] bulan selama 10 bulan.

**329. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama hingga akhir tahun 1968 berapa banyak-kah anggaran bilangan nelayan[2] di-tiap[2] Negeri di-Malaysia Barat; dan berapa-kah jumlah persatuan[2] mereka yang berdaftar.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Perangkaan bilangan nelayan[2] bagi tahun 1968 belum-lah lagi di-perolehi. Bilangan nelayan dalam tahun 1967 di-tiap[2] negeri di-Malaysia Barat ada-lah saperti berikut:

| | |
|---|---|
| Perlis ... ... ... | 2,141 |
| Kedah dan Langkawi ... | 5,146 |
| Penang dan P. Wellesley ... | 5,354 |
| Perak ... ... ... | 11,299 |
| Selangor ... ... ... | 6,573 |
| Negeri Sembilan ... ... | 424 |
| Melaka ... ... ... | 1,700 |
| Kelantan ... ... ... | 4,097 |
| Trengganu ... ... ... | 10,582 |
| Pahang ... ... ... | 2,529 |
| Johor ... ... ... | 12,308 |
| Jumlah ... | 62,153 |

Persatuan² nelayan yang berdaftar ada-lah terdiri kesemua-nya dari Sharikat Kerjasama Nelayan. Bilangan Sharikat² Kerjasama Nelayan yang di-daftar pada akhir 1968 ada-lah sa-bagai berikut:

| | |
|---|---|
| Perlis ... ... ... | 2 |
| Kedah ... ... ... | 14 |
| Penang ... ... ... | 7 |
| Perak ... ... ... | 9 |
| Selangor ... ... ... | 5 |
| Negeri Sembilan ... ... | 3 |
| Melaka ... ... ... | 2 |
| Johor ... ... ... | 5 |
| Pahang ... ... ... | 3 |
| Trengganu ... ... ... | 17 |
| Kelantan ... ... ... | 10 |
| Jumlah ... | 77 |

## FAMA

330. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-jauh mana-kah kejayaan yang telah di-chapai oleh FAMA dalam usaha-nya hendak mengawal pemasaran ikan di-Malaysia Barat; dan apa-kah langkah² Kerajaan bagi mengatasi pehak² yang menentang usaha FAMA itu.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Sa-bagaimana tuan sedia ma'alom, butir² mengenaï ranchangan pemasaran ikan yang di-chadangkan oleh FAMA telah pun di-terbitkan dalam *Warta* Kerajaan No. 4678 bertarikh 3hb Oktober, 1968. Berikutan dengan ke-hendak Act FAMA 1965 tempoh sa-bulan telah di-beri kapada sesiapa yang terlibat dalam ranchangan tersebut bagi mengemukakan bantahan² atau tegoran² mereka sechara bertulis kapada FAMA.

FAMA pada setakat ini telah me-nerima beberapa bantahan dan tego-ran daripada semua gulongan dalam perusahaan ikan mengenaï chadangan² yang di-masokkan ka-dalam rancha-ngan tersebut. Oleh yang demikian, FAMA telah menubohkan satu Jawa-tan-kuasa untok mengkaji dengan teliti tegoran² dan bantahan² yang telah di-kemukakan oleh nelayan², pen-jual² borong, penjual² runchit dan lain² dalam perusahaan ikan. Jawatan-kuasa ini akan membuat usul² untok meminda ranchangan tersebut jika perlu, mengikut tegoran² dan ban-tahan² yang telah di-kemukakan. Satu penyiasatan 'awam akan juga di-ada-kan di-berapa tempat dalam negeri ini untok memberi mereka² yang ingin mengemukakan bantahan² mengenaï ranchangan tersebut, peluang untok menerangkan bantahan² mereka dengan lebeh lanjut dan juga untok memberi FAMA peluang bagi menetapkan tegoran² dan bantahan² tersebut.

Saya perchaya tuan mungkin sedar betapa penting-nya bagi FAMA untok memikir sa-dalam²-nya mengenaï cha-dangan² yang telah di-kemukakan oleh perusahaan ikan sa-belum ranchangan tersebut di-laksanakan. Oleh yang demikian, keputusan dan usul² Jawa-tan-kuasa yang telah di-tubohkan oleh FAMA untok mengkaji tegoran² dan bantahan yang telah di-terima dan juga keputusan penyiasatan 'awam, sangat-lah berfaedah untok membolehkan Kementerian saya menaksirkan segala aspek² yang penting sa-belum ketetapan mengenaï ranchangan tersebut di-buat. Ada-lah mustahak bahawa ranchangan yang di-chadangkan oleh FAMA dapat menchapai tujuan²-nya ia-itu men-jaminkan pendapatan yang baik bagi nelayan², satu sistem pemasaran yang berkesan dan harga² ikan yang ber-patutan kapada pengguna².

As the Honourable Member would probably be aware, details of the fish marketing scheme proposed by FAMA appeared in the Government *Gazette* No. 4678 dated 3rd October, 1968. As required by the FAMA Act 1965 a period of one month was allowed for those affected by the scheme to submit written objections to FAMA.

FAMA has to date received a number of objections and comments from a wide cross-section of those in the fishing industry regarding the proposals incorporated in the scheme. Accordingly, FAMA has set up a Committee to study in detail the various objections and comments submitted by fishermen, wholesalers, retailers and others in the fish business

and to make recommendations on how best the scheme could be amended, if necessary, to take into account the comments and objections received. In addition, a public inquiry would be held in various parts of the country to give persons objecting to the scheme further opportunity to ascertain these views.

I am sure the Honourable Member would appreciate the need for FAMA to deliberate very carefully on the proposals put forward by those in the industry before implementing the scheme. For this reason, the deliberations of the Committee set up to study the comments received and also the findings of the public inquiry would be extremely useful in enabling my Ministry to make an objective assessment of all likely implications in implementing the scheme. It is most important that the scheme would achieve its basic objectives namely, of ensuring improved income for fishermen, a more efficient marketing system and fish at reasonable prices to the consumers.

**331. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa-kah hasil penyiasatan FAMA terhadap hutang² petani di-Malaysia Barat yang mula di-jalankan di-Jitra dan di-Alor Star, Kedah dalam tahun 1968.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Penyiasatan² mengenaï penyelidekan kredit pertanian di-Kawasan Ranchangan Perayeran Sungai Muda telah di-mulakan pada awal Ogos, 1968 dan tamat pada pertengahan November, 1968. Penyiasatan² ini di-lakukan di-Selatan Perlis, Kubang Pasu, Kota Star dan Yan, ia-itu kawasan² yang telah di-masokkan ka-dalam Ranchangan Perayeran tersebut. Kira² 3,100 orang terdiri dari petani², peniaga² padi, pembekal² baja dan alat² pertanian dan bahan² yang lain dan Sharikat² Kerjasama kredit luar bandar telah di-temuramah. Data yang di-kutip dari temuramah² itu akan di-proseskan dan di-susunkan sa-belum satu laporan mengenaï penyiasatan tersebut dapat di-sediakan. Kerja awal memproseskan data² tersebut telah di-mulakan.

Hasil² penyiasatan kredit pertanian ini tidak di-jangka akan di-perolehi sa-hingga Mach, 1969. Sunggoh pun bagitu, hasil² awal penyiasatan tersebut telah menunjokkan bahawa lebeh daripada 65% daripada petani² yang telah di-temuramah melaporkan yang mereka memerlukan kredit dan kira² 95% daripada keperluan kredit mereka itu di-adakan oleh pembeli² padi. Hasil² awal ini juga menunjokkan bahawa satu daripada sebab² penanam² padi menerima harga² yang rendah bagi padi mereka ia-lah perhubongan kredit yang ada sekarang ini di-antara mereka dan pembeli² padi.

The field investigations of the agricultural credit survey in the Muda Irrigation Project Area were commenced in early August 1968 and completed by mid-November 1968. They were conducted in Southern Perlis, Kubang Pasu, Kota Star and Yan, i.e., the areas covered by the Muda Irrigation Project. About 3,100 respondents comprising farmers, padi traders, and input suppliers and rural co-operative credit societies were interviewed. The data collected from these interviews have to be processed and tabulated before a report can be written. Preliminary work in processing the data has already begun.

The results of the survey are not expected to be known until about March 1969. However, the initial findings indicate that more than 65% of the farmers interviewed reported that they needed credit and that almost 95% of their credit requirements are provided by padi dealers. The findings also indicated that one of the reasons why farmers receive low prices for their padi is the credit ties that exist between the farmers and the padi buyers.

### Petani²

**332. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, hingga akhir tahun 1968 berapa banyak-kah anggaran bilangan petani² di-tiap² Negeri di-Malaysia Barat dan berapa-kah jumlah persatuan² mereka yang berdaftar.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Anggaran bilangan petani² mengikut Negeri tidak dapat di-beri.

Bilangan Persatuan² Peladang yang di-daftar di-bawah Act Persatuan Peladang ia-lah:

It is not possible to give an estimated number of farmers State by State.

The number of Farmers' Associations registered under the Farmers' Association Act are:

| Negeri State | Bilangan Number | | Jumlah Ahli² Total Membership |
|---|---|---|---|
| Perlis ... ... | 1 | ... | 378 |
| Kedah ... ... | 1 | ... | 215 |
| Penang ... ... | 1 | ... | 640 |
| Perak ... ... | 5 | ... | 3,459 |
| Selangor ... | 1 | ... | 295 |
| Negeri Sembilan | 1 | ... | 993 |
| Melaka ... ... | 1 | ... | 359 |
| Johor ... ... | 1 | ... | 476 |
| Pahang ... ... | 1 | ... | 820 |
| Trengganu ... | 1 | ... | 505 |
| Kelantan ... | 1 | ... | 379 |
| | 15 | ... | 8,519 |

**Perusahaan² Ternakan**

**333. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, dalam tahun 1968, berapa banyak-kah anggaran perusahaan ternakan di-tiap² negeri di-Malaysia Barat.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Banchian ternakan binatang² bagi tahun 1968 belum lagi selesai. Jumlah binatang² ternakan di-Malaysia Barat, mengikut negeri, bagi tahun 1967 adalah saperti berikut:

The livestock census for 1968 has not been completed. The livestock population in West Malaysia, by State in 1967 is as follows:

| Negeri (States) | Kerbau (Swamp Buffs.) | Kerbau (Murrah Buffs.) | Lembu Menggala dan Penarek (Agri. and Draught) | Lembu Susu (Milch Cattle) | Kambing (Goats) | Kambing Biri² (Sheep) | Babi (Pigs) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kedah .. .. .. .. | 80,921 | 58 | 40,292 | 8,525 | 70,019 | 1,554 | 23,184 |
| Perlis .. .. .. .. | 8,174 | 16 | 6,724 | 643 | 8,378 | 118 | 1,425 |
| Kelantan .. .. .. .. | 45,508 | — | 87,989 | — | 20,582 | 13,940 | 16,267 |
| Trengganu .. .. .. | 21,423 | 8 | 29,546 | 21 | 4,949 | 3,288 | 965 |
| Pulau Pinang/Province Wellesley | 5,985 | 96 | 4,616 | 6,985 | 15,628 | 78 | 122,977 |
| Perak .. .. .. .. | 16,145 | 868 | 8,453 | 24,480 | 49,166 | 1,806 | 132,261 |
| Selangor * .. .. .. | 648 | 1,430 | 6,864 | 8,857 | 20,926 | 118 | 101,443 |
| Pahang .. .. .. .. | 23,452 | 19 | 10,381 | 1,417 | 20,239 | 6,115 | 12,710 |
| Negeri Sembilan .. .. | 12,351 | 120 | 12,549 | 10,206 | 32,154 | 9,180 | 91,140 |
| Melaka .. .. .. .. | 17,416 | — | 4,441 | 1,144 | 19,924 | 255 | 23,565 |
| Johor .. .. .. .. | 3,183 | 27 | 8,223 | 3,330 | 45,804 | 367 | 74,777 |
| JUMLAH '67 .. | 235,206 | 2,642 | 220,078 | 65,608 | 307,769 | 36,819 | 600,714 |

* Angka² Tahun 1966.

**334. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives what steps has he taken to give a square deal to the rice farmers in this country? Is the Minister aware that at harvest time there are always complaints regarding the low price of padi being paid by FAMA?

**Tuan Haji Mohd. Ghazali Jawi:** Rice farmers in Malaysia are in fact the most fortunate when compared with rice farmers in other parts of the world. Besides enjoying the benefit of a 30% subsidy from Government in the fertilisers they purchase under the Padi Fertilisers Subsidy Scheme for which a sum of $9,930,000 have been provided in the 1st Malaysia Plan 1966-70, they are also given other forms of assistance and subsidies such as free padi seeds for undertaking double-cropping for the first time, a free seed service whereby they can exchange their own seeds with good seeds of recommended varieties, a free service in pests and diseases control and a free extension service whereby padi extension officers are in constant touch with padi farmers to provide the necessary advice. Furthermore, Government maintains a fleet of tractors and other mechanical equipments to assist in the training of padi farmers

in the field of mechanisation. There are 19 Agricultural Training Centres already established to provide such training whilst 4 Farm Mechanisation Training Centres for specialized training are due for completion shortly. As a result of all these efforts and services, rice production has over the last ten years risen significantly and imports have shown a downward trend despite population increase.

FAMA actually operates in the Tanjong Karang area only in the direct purchase of padi and nowhere else. In other places, padi is purchased by private dealers. The price of padi is determined by other factors and certainly not fixed by FAMA. Therefore to put the blame on FAMA for low price of padi is not fair. Before the existence of FAMA, farmers in Tanjong Karang in other areas were only paid $12-$13 per pikul for the padi but now most of them are able to get about $15-$16 per pikul.

## KEMENTERIAN BUROH

### Peratoran Keselamatan di-Kilang

**335. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Buroh:

(*a*) berapa bilangan aduan yang telah di-buat oleh pegawai² Kementerian dalam tahun 1968 terhadap kesalahan² melanggar peratoran keselamatan di-kilang²;

(*b*) nyatakan jumlah hukuman yang di-jatohkan kerana kesalahan itu.

**Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam):** Dalam tahun 1968 terdapat 2,536 kesalahan² melanggar peratoran keselamatan di-kilang² telah di-laporkan oleh Pemereksa² Jentera di-seluroh Malaysia Barat. Sebagaimana biasa tindakan yang telah di-ambil ia-lah mengeluarkan Pemberitahu Perentah Ketegahan kapada majikan² yang melanggar peratoran supaya membaiki chachat itu dalam tempoh yang ditetapkan. Ada-lah di-dapati majikan² yang berkenaan mematohi Perentah² tersebut dan oleh itu tiada penda'awaan telah di-buat.

Dalam keadaan yang demikian soalan (*b*) tiada berbangkit.

In 1968 there were 2,536 cases of contravention of safety regulations in factories reported by Inspectors of Machinery in West Malaysia. As usual, the action taken was to issue Notification of Prevention Order to the employers concerned to ameliorate the shortcomings within a stipulated period. It was found that the employers concerned conformed to the Order and as such no prosecution was carried out.

In that circumstances question (*b*) does not arise.

### Buroh² Luar Negeri

**336. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Buroh:

(*a*) sejak tertuboh-nya Malaysia, sudah berapa ramai-kah buroh² luar negeri di-bawa ka-negeri ini; dan

(*b*) nyatakan sebab²-nya.

**Tuan V. Manickavasagam:**

(*a*) Sa-banyak 8,560 buroh (7,489 Filipina dan 1,071 Indonesia) telah di-benar masok sejak tertuboh-nya Malaysia.

(*b*) Mereka ini berkhidmat diladang² kelapa sawit dan perusahaan kayu balak di-mana pekerja² warganegara Malaysia belum lagi suka bekerja ditempat tersebut.

(*a*) 8,560 labourers (7,489 Filipinoes and 1,071 Indonesians) have been allowed entry since the formation of Malaysia.

(*b*) These labourers worked in oil palm estates and timber industries where labourers who are Malaysian citizens have no desire yet to work in such places.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

### Projek² MARA

**337. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of National and Rural Development to state the number of MARA projects launched during 1968 and the capital cost incurred in respect of each project.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein):** The number of projects launched by MARA in 1968 and the capital cost incurred in respect of each project were as follows:

| | Projects | Capital Cost incurred |
|---|---|---|
| 1. | Institut Teknoloji MARA (Hostel) ... | $1,200,000 1st phase |
| 2. | Vocational Training School Melaka ... | 450,000 |
| 3. | Batek Trading Corporation ... ... | 300,000 |
| 4. | Tannery and Leatherware Factory ... | 945,000 |
| 5. | Tapioca Starch Processing (Kuantan)... | 406,000 |
| 6. | Modern Mechanised Bakery ... ... | 60,000 |
| 7. | Batek Roll Factory | 190,000 |
| 8. | Shirt Factory ... | 185,000 |
| 9. | Timber Depot ... | 400,000 |
| 10. | Kilang Kain ... | 800,000 |

**Projek² di-Negeri Sabah**

**338. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of National and Rural Development the reasons for delays in approving funds for development projects in the State of Sabah.

**Tun Haji Abdul Razak:** There has been no complaints particularly in 1968 about delays in approving funds for development projects in the State of Sabah such projects have already been included in the First Malaysia Plan. some delays were experienced in 1966, the first year of the Plan as efforts were being made to obtain external financing for those projects considered suitable for external assistance. These problems were resolved in 1967 while the procedures for the clearance of building plans and specifications as required by the Standards and Costs Sub-Committee have also been fully clarified by then thus enabling these projects to be approved and implemented early.

**Rumah² Ibadat**

**339. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) Di-bawah Perkara mana-kah dalam Perlembagaan Malaysia, Kerajaan di-beri hak membelanjakan wang ra'ayat bagi membantu mendirikan rumah² ibadat berhala shirik;

(*b*) langkah Kerajaan itu tidak-lah berlawanan dengan Perkara 3 Perlembagaan yang menetapkan "Islam" sa-bagai "Ugama Rasmi Negara" Malaysia ini.

**Tun Haji Abdul Razak:**

(*a*) Kuasa membelanjakan wang ra'ayat itu, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom, ia-lah datang-nya dari Parlimen ini sendiri. Kalau Ahli Yang Berhormat itu merojok kapada muka 280, Bekalan 22, Pechahan-kepala 4—Kumpulan Wang Perkhidmatan Masharakat dan Kebajikan di-bawah Anggaran Belanja Mengurus Tahun ini, Ahli Yang Berhormat akan ma'alom wang sa-banyak $12,000,000 ada di-sedia untok pembenaan rumah² ibadat dan juga lain² perkhidmatan kebajikan.

(*b*) Tidak, kerana sunggoh pun Ugama Islam menjadi Ugama Rasmi di-Negeri ini, ugama² yang lain ada-lah juga di-beri kebebasan.

**340. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat tidak mendirikan walau pun sa-buah rumah berhala shirik melalui saloran Jawatankuasa Kemajuan Negeri di-Negeri Kelantan; jika ya, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak:** Di-Negeri Kelantan, ini memang-lah benar kerana Kerajaan Negeri Kelantan tidak memberi kerjasama dan tidak mengikuti peratoran² yang di-tetapkan oleh Kementerian saya di-dalam hal pembenaan bangunan² ugama saperti mesjid, surau, sekolah ugama dan sa-bagai-nya.

**341. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan Negeri Kelantan pernah memulangkan balek wang yang di-beri oleh Kerajaan Pusat

untok mendiri atau membantu mendirikan rumah[2] berhala shirik; jika ya, nyatakan (*a*) bila, (*b*) berapa banyak jumlah wang yang di-beri, dan (*c*) alasan Kerajaan Negeri menolak pemberian itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Perkara ini tidak ada berlaku.

### Ranchangan Membuka Tanah di-Kelantan

**342. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) ada-kah benar bahawa Kerajaan Persekutuan tidak dapat membuat kemajuan terutama membuka tanah di-negeri Kelantan kerana sikap Parti dan Kerajaan PAS di-Kelantan itu enggan bekerjasama; jika ya, sebutkan nama projek[2] yang tergendala sebab sikap PAS saperti itu;

(*b*) berapa luas-kah tanah[2] kepunyaan Kerajaan Persekutuan di-negeri Kelantan pada masa ini sa-hingga Kerajaan Pusat tidak dapat membuat kemajuan di-atas tanah tersebut kerana keengganan Kerajaan PAS Negeri Kelantan bekerjasama; dan nyatakan di-mana tanah[2] itu berada.

**Tun Haji Abdul Razak:**

(*a*) Kerajaan Persekutuan belum ada membuka ranchangan[2] kemajuan tanah di-dalam Negeri Kelantan melaluï Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan oleh kerana Kerajaan Negeri Kelantan tidak bersedia menerima chara pentadbiran ranchangan dan pemilehan peserta[2] sa-bagaimana yang di-jalankan oleh L.K.T.P. di-negeri[2] lain di-mana pehak L.K.T.P. telah membuka ranchangan[2]-nya.

Sunggoh pun bagitu L.K.T.P. telah pun meminjamkan kapada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan wang sa-banyak $1,779,432.45 untok memajukan Ranchangan Tanah Ayer Lanas.

(*b*) Memandangkan kapada jawapan (*a*) di-atas, soal ini tidak-lah berbangkit.

### Tabong Persahabatan Malaysia—Algeria

**343. Tuan Haji Abu-Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa wang sa-banyak kira[2] $60,000 dari Tabong Persahabatan Malaysia—Algeria, telah di-hadiahkan kapada-nya untok di-berikan kapada Yayasan Pelajaran MARA; jika ya, ada-kah perbuatan itu layak dan patut; dan mengapa-kah derma orang ramai itu tidak di-belanjakan menurut tujuan asal-nya.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tabong Persahabatan Malaysia—Algeria adalah di-bawah kelolaan sa-buah Jawatan-kuasa Sukarela dan untok penjelasan selanjut-nya sila-lah berhubong dengan Jawatan-kuasa tersebut.

### Pengurus L.K.T.P.

**344. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa sa-orang pengurus dalam Ranchangan F.L.D.A., Kampong L.B.J., di-Negeri Sembilan telah di-tudoh dalam mahkamah atas kesalahan pechah amanah; jika ya, apa-kah amanah yang di-pechahkan-nya dan apa-kah keputusan mahkamah terhadap tudohan itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Perkara ini akan di-bichara dalam mahkamah dan oleh kerana ia-nya "subjudice" jawapan kapada soalan ini tidak dapat di-berikan sekarang.

**345. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam tahun 1967 dan tahun 1968, berapa ramai-kah pegawai[2] dalam F.L.D.A. telah di-tudoh di-mahkamah kerana melakukan perbuatan pechah amanah atau lain[2] kesalahan jenayah yang berkaitan dengan tugas mereka sa-bagai pegawai.

**Tun Haji Abdul Razak:** Dalam tahun 1967 dan 1968 hanya sa-orang pegawai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang telah di-tudoh di-mahkamah kerana melakukan perkara pechah amanah yang berkaitan dengan tugas[2]-nya sa-bagai pegawai.

**Gerai² MARA**

346. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam tahun 1968 berapa banyak-kah gerai² perniagaan yang di-dirikan oleh MARA di-tiap² Negeri di-Malaysia Barat dan nyatakan di-mana gerai² itu di-dirikan.

**Tun Haji Abdul Razak:** Dalam tahun 1968 MARA telah mendirikan bangunan² perniagaan di-tempat² berikut:

| Negeri | Tempat | Bilangan Gerai yang di-dirikan |
|---|---|---|
| Perlis .. | (1) Kuala Perlis | 12 pintu kedai |
| | (2) Kangar .. | 13 buah gerai |
| Perak .. | (3) Jalan Tebing, Kuala Kangsar | 20 buah gerai |
| | (4) Ranchangan Kemajuan Tanah, Ijok | 5 buah gerai |
| | (5) Jalan Ah Cheong, Telok Anson | 24 buah gerai |
| | (6) Perkhemahan Polis, Tanjong Rambutan | 6 pintu kedai 6 buah gerai makan dan sa-buah pasar |
| Selangor .. | (7) Ranchangan Kemajuan Tanah Gedangsa | 5 buah gerai |
| Negri Sembilan | (8) Ranchangan Kemajuan Tanah Labu Jaya | 5 buah gerai |
| Melaka .. | (9) Ranchangan Kemajuan Tanah Hutan Percha | 5 buah gerai |
| | (10) Bandar Alor Gajah | 4 pintu kedai |
| | (11) Jalan Hang Tuah, Bandar Melaka | 6 pintu kedai 6 buah gerai |
| | (12) Masjid Tanah | 4 pintu kedai |
| Johor .. | (13) Ranchangan Kemajuan Tanah Kulai | 5 buah gerai |
| Pahang .. | (14) Ranchangan Kemajuan Tanah Kampong Awah | 5 buah gerai |
| Trengganu.. | (15) Ranchangan Kemajuan Tanah Jerangau | 5 buah gerai |

**Balai Raya**

347. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa kebanyakan balai raya yang di-dirikan di-negeri Perlis dalam tahun 1968 telah tidak di-gunakan oleh manusia melainkan di-penohi dengan kambing² saperti yang di-nyatakan oleh Setia-usaha Kerajaan Negeri Perlis dan tersiar dalam *Straits Times,* keluaran 4hb Oktober, 1968; jika benar, apa-kah langkah yang di-ambil oleh Kerajaan Pusat untok memperbaiki keadaan yang aneh ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tudohan yang mengatakan bahawa balai² raya yang di-dirikan di-Negeri Perlis dalam tahun 1968 di-penohi oleh kambing² itu ada-lah tidak benar. Pertama-nya, Kerajaan tidak ada mendirikan sa-buah pun balai raya di-Negeri Perlis dalam tahun 1968. Kedua-nya, Setia-usaha Kerajaan Perlis tidak pernah mengatakan bahawa balai² raya yang di-dirikan itu tidak di-gunakan oleh manusia tetapi di-penohi dengan kambing². Apa yang beliau katakan ia-lah apabila beliau datang hendak menghadziri meshuarat Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, beliau dapati ahli²-nya tidak hadzir, balai tertutup dan beberapa ekor kambing sedang memakan rumput di-kawasan padang berhampiran dengan balai raya tersebut. Dalam erti-kata yang lain, Setia-usaha Kerajaan Perlis hanya menggunakan perkataan "kambing²" itu sa-bagai kiasan sahaja.

**Surau**

348. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa banyak surau yang di-dirikan oleh Kerajaan Pusat di-Negeri Perak dalam tahun 1968 di-beritakan tidak di-gunakan oleh orang ramai; jika ya, apa-kah langkah yang di-ambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki keadaan itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sangkaan ini tidak benar. Semua surau² yang telah di-bena bukan sahaja dalam tahun 1968 bahkan juga yang terdahulu daripada itu, ada-lah di-gunakan pada sa-tiap masa oleh orang² ramai.

**Projek² Pembangunan**

349. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar, menurut akhbar *Utusan Melayu* keluaran 8hb November, 1968, bahawa dia telah berkata di-Kota Bharu: "Ini bukan-lah kesalahan Kerajaan Perikatan kerana kebanyakan ranchangan² yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan untok kemajuan dan kebajikan ra'ayat Kelantan

telah mendapat tentangan dari Kerajaan PAS". Jika ya, terangkan:

(*a*) Jumlah projek² yang terhalang;

(*b*) Jenis² projek yang terhalang;

(*c*) Tarikh satu² projek itu di-tolak;

(*d*) Jumlah projek² yang tidak terhalang; dan

(*e*) Kedudokan Bachok dalam hal ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Pada tahun 1965, satu persetujuan "gentleman", ia-itu, tidak sechara bertulis, telah dichapai di-antara Menteri Besar Kelantan dengan saya sendiri sa-bagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang bertujuan untok membolehkan Kerajaan Pusat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi melaksanakan projek² pembangunan luar bandar di-dalam Negeri Kelantan yang di-perentah oleh PAS. Sebarang pelaksanaan, sunggoh pun Menteri Besar telah bersetuju dengan saya, telah di-halang oleh pehak² yang tertentu dan di-beberapa peringkat dikalangan Kerajaan PAS. Antara projek² yang di-halang itu termasok-lah projek² pembenaan masjid² dan ranchangan² lain. "Obstructions" atau halangan² dibuat sechara "subtle" atau lichin dengan membawakan masaalah² tapak masjid yang bertentangan dan chuba pula mengalehkan peruntokan² masjid tertentu kapada tempat² lain kerana muslihat² politik. Itu ada-lah perkara kechil tetapi projek yang besar sekali yang mendapat tentangan² hebat dari Kerajaan PAS ia-lah pelaksanaan ranchangan tanah di-bawah Ranchangan F.L.D.A. di-Negeri Kelantan. Kerajaan Pusat dan saya sendiri telah meminta kerjasama Kerajaan Kelantan untok membuka ranchangan² tanah yang bertujuan hendak menolong ra'ayat Negeri Kelantan yang mashor rajin bekerja, tetapi sangat dahagakan tanah dan kebanyakan mereka terpaksa berhijrah ka-Trengganu dan Pahang untok menchari tanah. Untok menolong ra'ayat Kelantan mendapatkan tanah di-Negeri Kelantan sendiri dan kerana saya tahu tanah² di-Kelantan itu banyak, saya telah meminta kerjasama Kerajaan Negeri dan Menteri Besar Kelantan untok membenarkan F.L.D.A. menjalankan Ranchangan² tanah bagi menolong ra'ayat di-Negeri Kelantan menurut chara² yang di-perbuat dengan Negeri² lain. Tetapi segala usaha² baik dan rundingan² pegawai² F.L.D.A. dengan Kerajaan PAS telah tidak mendapat sambutan. Ini sangat menyedehkan Kerajaan Pusat kerana kita tahu Kelantan maseh ada banyak lagi tanah yang subor tetapi Kerajaan PAS telah menolak permintaan F.L.D.A. itu.

Kedudokan Bachok sa-waktu dan sa-lepas perjanjian ini di-buat sama-lah juga dengan kedudokan daerah² lain.

**350. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar adakah benar, bahawa menurut akhbar *Utusan Melayu* keluaran 8hb November, 1968, dia telah berkata di-Kota Bharu "Kerajaan Perikatan mempunyaï banyak ranchangan² memajukan ra'ayat Kelantan dengan peruntokan wang yang besar tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana sikap pemimpin² PAS." Jika ya, terangkan:

(*a*) Nama pemimpin yang terlibat;

(*b*) Jumlah wang yang di-untokkan;

(*c*) Usaha Kerajaan menchari persafahaman dengan pemimpin² PAS yang di-katakan bersikap menghalang; dan

(*d*) Nama pemimpin² PAS yang bersetuju.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kerajaan Pusat yang di-tadbirkan oleh Parti Perikatan memang mempunyaï banyak ranchangan² ekonomi memperbaiki taraf hidup dan pendapatan ra'ayat di-Negeri Kelantan. Tetapi sayang sekali kerana tangan saya tidak bebas sampai untok menolong ra'ayat di-sana sechara langsong dan sechara yang lebeh berkesan oleh sebab ada halangan² dari Kerajaan Negeri di-bawah pimpinan PAS. Bagi mengelakkan Kelantan terus menerus mundor dan tidak langsong mendapat Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar dan Negara dan supaya Kelantan tidak bagitu "out-of-step" dengan Negeri² lain yang telah menerima berbagai² kemajuan dan pembangunan semenjak 11 tahun yang lalu, saya telah mengadap Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan Kelantan dan

telah mendapat ampuni perkenan Baginda untok melaksanakan Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar dalam Negeri Kelantan, khas-nya, berkenaan dengan pembenaan masjid², sekolah² ugama, surau² dan madrasah². D.Y.M.M. Al-Sultan telah ampuni perkenan supaya urusan² pembangunan dan pentadbiran pembenaan ranchangan ugama di-jalankan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Semenjak Majlis Ugama Islam dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bekerjasama pada tahun 1967, maka sudah berpuloh² rumah ibadat Islam—masjid², surau² hatta masjid² di-kepala² daerah di-Kelantan pun telah mendapat bantuan wang yang berjumlah hingga akhir tahun 1968 sa-banyak $2.5 juta.

Dalam masa itu pun ada anasir² jahat dalam Kerajaan PAS dan Parti PAS yang menda'awa bahawa projek² yang di-jalankan di-bawah persetujuan antara Majlis Ugama Islam dengan Kerajaan Pusat itu sa-bagai Ranchangan² Pembangunan Kerajaan Negeri. Tetapi ra'ayat Kelantan yang sekarang sudah 11 tahun di-bawah kegelapan yang di-bawa oleh Kerajaan PAS telah mula sedar dan mereka sekarang tahu bahawa ranchangan² pembenaan rumah² ibadat itu sebenarnya ada-lah dari perbelanjaan Kerajaan Pusat. Segala usaha Kerajaan PAS dan pemimpin² PAS untok mengabui mata ra'ayat Kelantan berkenaan dengan pembangunan Negara tidak berjaya lagi. Tidak payah-lah saya namakan semua pemimpin² saperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini, siapa²-kah penghalang² itu. Sepatut-nya, sa-bagai saorang pemimpin Parti PAS, ia patut-lah tahu dan kalau ia sudah tahu maka patut-lah ia menasihatkan pemimpin² itu supaya bersikap lebeh bertanggongjawab dan jangan chuba menghalang kerja² yang di-laksanakan untok faedah ra'ayat Kelantan. Saya memberi jaminan di-sini jika Perikatan menang tahun ini Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar dengan chara besar²an akan di-jalankan di-Kelantan dengan segera. Maka terpulang-lah kapada ra'ayat Kelantan untok memberi Perikatan keperchayaan mereka.

**Kilang² Roti**

**351. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah kilang roti yang di-bena oleh MARA di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dan berapa banyak-kah modal bagi tiap² satu kilang itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-hingga akhir tahun 1968 MARA telah membena hanya sa-buah saja kilang roti yang bertempat di-Kuala Lumpur. Kilang roti tersebut memakan belanja sa-banyak $80,000.

**Kilang Kain**

**352. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kerajaan akan menimbang semula keputusan-nya tidak akan mendirikan kilang kain di-Trengganu dan di-Kelantan.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kerajaan tidak ada chadangan untok mendirikan kilang kain.

**Penuntut² Bumiputra**

**353. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah MARA akan menghantar penuntut² Bumiputra untok belajar pelajaran kerjatangan (vocational) di-Negeri China Kominis; jika ya, bila.

**Tun Haji Abdul Razak:** MARA tidak ada chadangan untok menghantar Bumiputra mempelajari pelajaran kerjatangan (vocational) ka-Negeri China Kominis.

**Kilang Chenchalok**

**354. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah kilang chenchalok yang telah di-bena oleh MARA di-Negeri Melaka; dan

(*b*) ada-kah usaha itu akan di-perluaskan ka-Negeri Pahang dan Kedah; dan

(*c*) ada-kah MARA bersedia meng-adakan pertukaran hasil penge-luaran dengan pehak pengusaha² budu dari Kelantan.

**Tun Haji Abdul Razak:**

(*a*) Tiada.

(*b*) Tiada.

(*c*) Tiada.

**Lawatan Pengerusi MARA ka-Kelantan**

**355. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) sejak awal bulan Ogos, 1968 hingga akhir bulan Disember, 1968, berapa kali-kah Y.B. Enche' Ghafar Baba, Menteri Ta' Berjabatan, Pengerusi MARA telah membuat lawatan ka-Negeri Kelantan; dan nyatakan;

(*b*) lama masa bagi satu² lawatan;

(*c*) tempat yang di-lawati; dan

(*d*) sebab² lawatan itu.

**Tun Haji Abdul Razak:**

(*a*) Sejak awal bulan Ogos, 1968 hingga akhir bulan Disember, 1968 Y.B. Enche' Ghafar Baba, Menteri Ta' Berjabatan, Pe-ngerusi MARA telah membuat sa-banyak 4 lawatan ka-Negeri Kelantan.

(*b*) (i) Selama 4 hari—(28hb Ogos hingga 31hb Ogos, 1968).

(ii) Selama 2 hari—(26hb dan 27hb September, 1968).

(iii) Selama 4 hari—(1hb Okto-ber hingga 4hb Oktober, 1968).

(iv) Selama 3 hari—(13hb Nov-ember hingga 15hb Novem-ber, 1968).

(*c*) (i) Kubang Krian dan Melor, Kota Bharu, Machang, Tumpat, Garong, Lundang dan Merbau.

(ii) Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Kota Bharu.

(iii) Kota Bharu Ulu, Kota Bharu Utara.

(iv) Pasir Mas, Kota Bharu, Machang.

(*d*) (i) Lawatan ada-lah di-buat berkaitan dengan Pemba-ngunan Luar Bandar.

(ii) Lawatan ada-lah di-buat berkaitan dengan Pemba-ngunan Luar Bandar.

(iii) Lawatan di-buat berkaitan dengan Pembangunan Luar Bandar, FAMA dan MARA.

(iv) Lawatan ada-lah di-buat berkaitan dengan Pemba-ngunan Luar Bandar, dan MARA.

**Saham²**

**356. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah jumlah wang MARA yang telah di-gunakan untok membeli saham² dalam Malaysia;

(*b*) ada-kah saham² yang di-beli itu termasok juga saham² dari peru-sahaan arak atau jenis minuman keras yang haram dari segi Ugama Islam, jika ya, terangkan berapa banyak saham jenis ini dan berapa harga membeli-nya.

**Tun Haji Abdul Razak:**

(*a*) Hingga akhir tahun 1968, MARA telah membeli sa-banyak $7,962,057 saham²;

(*b*) Tiada.

**Kilang² Ubi Kayu**

**357. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) hingga akhir tahun 1968, sudah berapa buah-kah kilang² ubi kayu telah di-bena oleh Kerajaan menerusi MARA atau lain² per-badanan; dan

(*b*) di-mana kilang² tersebut telah di-bena.

**Tun Haji Abdul Razak:** Dalam tahun 1968 MARA tidak ada mendiri-kan kilang ubi kayu. Tetapi MARA telah mendaftarkan sa-buah sharikat ubi kayu dan kilang-nya di-jangka akan siap di-bena pada akhir tahun 1969 di-daerah Kuantan, Pahang.

**Pelateh²/Pekerja²**

**358. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah kesudahan ranchangan MARA menghantar pelateh²/pekerja² dari Malaysia ka-Indonesia untok mendapat latehan di-sana; dan berapa bilangan orang² yang telah di-hantar.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-hingga akhir tahun 1968 MARA belum lagi menghantar pelateh² atau pekerja² dari Malaysia ka-Indonesia untok mendapat latehan di-sana. Urusan sedang di-buat untok menghantar kumpulan pelateh² yang pertama dalam tahun 1969 ini.

**Timber Depôt, Jalan Chan Sow Lin**

**359. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah sharat² ambil aleh Timber Depôt Kerajaan di-Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur oleh MARA dalam bulan Julai yang lalu, dan nyatakan:

(*a*) berapa modal kilang itu;

(*b*) berapa jumlah harta kilang itu, dan

(*c*) sama ada 50 orang pekerja² yang di-ambil bekerja terdiri daripada orang² Melayu atau bukan Melayu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-lain daripada mengambil aleh keseluroihan Depot itu dalam keadaan yang ada pada masa itu, pembelian-nya tidak-lah di-kenakan apa² sharat.

(*a*) Kilang itu mempunyaï $1 million modal berdaftar dan yang di-bayar ia-lah $200,000.

(*b*) Nilaian harta² kilang itu ada-lah lebeh kurang $300,000.

(*c*) Lebeh daripada 90% pekerja² di-Depôt itu terdiri daripada orang² Melayu.

**Maktab²**

**360. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa beberapa buah maktab² kosong telah di-ambil aleh oleh MARA daripada Kementerian Pelajaran; jika benar, berapa bilangan yang telah di-ambil aleh hingga akhir tahun 1968 dan untok maksud apa-kah maktab² itu di-gunakan sekarang.

**Tun Haji Abdul Razak:** MARA belum pernah lagi mengambil aleh maktab kosong daripada Kementerian Pelajaran.

**Bazaar**

**361. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah kesudahan janji MARA hendak mendirikan sa-buah bazaar di-Slim River, Perak saperti yang di-nyatakan oleh Kementerian ini dalam bulan Ogos, yang lalu; jika bazaar itu sudah di-dirikan, berapa-kah jumlah belanja-nya dan jika belum ada-kah Kerajaan sedar bahawa kegagalan MARA hendak menunaikan janji telah menimbulkan kemarahan di-kalangan pendudok² tempatan di-situ.

**Tun Haji Abdul Razak:** Pembenaan bazaar di-Slim River belum lagi di-laksanakan di-sebabkan kesulitan mendapat tapak. Walau bagaimana pun MARA telah membuat permohonan bagi mendapatkan tanah tapak ranchangan ini dari Kerajaan Negeri Perak dan pelan bangunan telah pun di-rojokkan kapada pehak² yang berkenaan untok mendapat persetujuan. Kerja pembinaan di-jangka akan dapat di-mulakan tidak berapa lama lagi.

**Pakar Kulit**

**362. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar siapa-kah kedua² orang pakar kulit dari Yugoslavia dan dari Czechoslovakia yang sedang berkhidmat dengan MARA sekarang dan terangkan juga sharat² perkhidmatan mereka di-negeri ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kedua² orang pakar kulit yang sedang berkhidmat dengan MARA sekarang ini ia-lah dari Yugoslavia. Mereka itu ia-lah:

(i) Dr Ernest Gergely.

(ii) Enche' Xivko Antonic.

Kedua[2] mereka ini ada-lah di-perolehi daripada perkhidmatan Bangsa[2] Bersatu. Oleh itu gaji dan elaun mereka ada-lah di-bayar oleh Bangsa[2] Bersatu.

Buat permulaan-nya mereka akan berkhidmat selama dua tahun dengan kemungkinan perkhidmatan mereka di-lanjutkan sa-tahun lagi sesudah itu, jika perkhidmatan mereka di-perlukan.

### Pinjaman kapada Bumiputra[2]

**363. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak MARA di-tubohkan berapa jumlah wang yang di-pinjamkan-nya kapada Bumiputra[2] dan berapa peratus faedah yang di-kenakan ka-atas pinjaman[2] itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sejak 1hb Mach, 1966 hingga akhir November, 1968, MARA telah meminjamkan sa-banyak $14,170,191.85 kapada Bumiputra dan faedah yang di-kenakan untok pinjaman[2] yang di-keluarkan itu ada-lah saperti berikut:

(*a*) 7% sa-tahun untok pinjaman konterek;

(*b*) 6% sa-tahun untok lain[2] jenis pinjaman.

### Penyata Tahunan MARA, 1967

**364. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapa Penyata Tahunan MARA bagi 1967 belum di-siarkan lagi dan bila-kah penyata itu akan di-terbitkan untok tatapan orang ramai.

**Tun Haji Abdul Razak:** Penyata Tahunan MARA bagi 1967 ada-lah sedang di-sediakan dan akan di-keluarkan tidak berapa lama lagi untok tatapan orang ramai.

### Biasiswa[2] MARA

**365. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa bilangan biasiswa[2] yang di-anjor oleh MARA dalam tahun 1968 dengan menyatakan:

(*a*) Jumlah wang yang di-belanjakan;

(*b*) Jumlah pelajar[2] menurut jenis;

(*c*) Jenis kursus[2] yang di-ambil; dan

(*d*) Tempat[2] belajar.

**Tun Haji Abdul Razak:** Dalam tahun 1968, MARA telah menganjorkan sa-banyak 381 biasiswa.

(*a*) Jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh MARA ia-lah $2,039,882.

(*b*) Daripada jumlah 381 biasiswa, sa-banyak 299 telah di-keluarkan kapada pelajar[2] laki[2] dan 82 kapada pelajar[2] perempuan.

(*c*) Jenis Kursus yang di-ambil ia-lah saperti berikut:

| Kursus | Jumlah |
|---|---|
| Ekonomik ... ... ... | 94 |
| Arts ... ... ... ... | 28 |
| Sains ... ... ... ... | 52 |
| Pertanian ... ... ... | 40 |
| Kejuruteraan ... ... | 59 |
| Ilmu Kemasharakatan ... | 15 |
| Perpustakaan ... ... | 6 |
| Perubatan ... ... ... | 19 |
| Pengurusan Hotel ... ... | 3 |
| Chartered Accountancy ... | 6 |
| Business Administration ... | 13 |
| Architecture ... ... ... | 18 |
| Town and Regional Planning | 5 |
| Surveying ... ... ... | 10 |
| Handloom Technology ... | 1 |
| Audiology ... ... ... | 1 |
| Journalism ... ... ... | 1 |
| Commerce ... ... ... | 4 |
| Forestry ... ... ... | 1 |
| Furniture Design ... ... | 1 |
| Teacher Development Programme ... ... ... | 4 |
| Jumlah ... | 381 |

(*d*) Pelajar[2] tersebut sedang menuntut di-tempat[2] yang berikut:

| Tempat | Jumlah |
|---|---|
| University Malaya ... ... | 139 |
| Maktab Teknik ... ... | 39 |
| Maktab Pertanian ... ... | 34 |
| Jepun ... ... ... ... | 2 |
| India ... ... ... ... | 8 |
| United Kingdom ... ... | 43 |
| United States of America ... | 41 |
| Australia ... ... ... | 44 |
| New Zealand ... ... | 27 |
| Austria ... ... ... | 2 |
| United Arab Republic ... | 1 |
| Germany ... ... ... | 1 |
| Jumlah ... | 381 |

**Penuntut² di-Maktab MARA**

**366. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa bilangan penuntut² yang maseh belajar di-Maktab MARA hingga akhir tahun 1968 menurut:

(*a*) Jenis;

(*b*) Bangsa (jika ada penuntut² bukan Melayu di-antara mereka);

(*c*) Berapa bilangan penuntut dari Malaysia Barat; dan

(*d*) Berapa bilangan penuntut dari Malaysia Timor.

**Tun Haji Abdul Razak:** Pada akhir tahun 1968 sa-ramai 2,072 penuntut² sedang belajar di-Maktab MARA:

(*a*) Laki² 1,277 dan perempuan 1,795.

(*b*) Mereka semua-nya Bangsa Melayu.

(*c*) 2,025 orang daripada jumlah tersebut ada-lah dari Malaysia Barat.

(*d*) 47 daripada-nya ada-lah dari Malaysia Timor.

**Sharikat² Kenderaan**

**367. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa bilangan sharikat² kenderaan yang dipunyaï oleh MARA sa-hingga akhir tahun 1968 dengan menyatakan:

(*a*) Nama Sharikat² tersebut;

(*b*) Modal tiap² satu Sharikat;

(*c*) Jumlah bas yang di-punyaï oleh tiap² satu Sharikat; dan

(*d*) Jumlah batu bas² itu telah berjalan.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-hingga hari ini MARA mempunyaï 7 buah Sharikat Kenderaan:

(*a*)

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Sharikat Perkhidmatan Pengangkutan Perlis (Sdn.) Berhad ... ... | (Berkhidmat di-Perlis) |
| (ii) | Kenderaan Sri Kedah Berhad | (Berkhidmat di-Alor Star) |
| (iii) | Ikatan Setia Co., Ltd | (Berkhidmat di-Pekan dan Rompin) |
| (iv) | Sharikat Tanjong Keramat Temerloh Utara Omnibus Berhad ... | (Berkhidmat di-Temerloh) |
| (v) | Sharikat Perkhidmatan dan Perusahaan Jelai Berhad ... ... | (Berkhidmat di-Kuala Lipis) |
| (vi) | Kenderaan Sg. Manik Berhad ... ... ... | (Berkhidmat di-Telok Anson) |
| (vii) | Sharikat Kenderaan Melayu Kelantan ... | (Berkhidmat di-Kelantan) |

(*b*)

| | Authorised | | Paid up |
|---|---|---|---|
| (i) | $1,000,000 | ... | $228,895 |
| (ii) | 400,000 | ... | 250,000 |
| (iii) | 500,000 | ... | 328,920 |
| (iv) | 500,000 | ... | 101,353 |
| (v) | 200,000 | ... | 95,830 |
| (vi) | 160,000 | ... | 94,750 |
| (vii) | 5,000,000 | ... | 325,310 |
| | $7,760,000 | ... | $2,425,058 |

(*c*)

| | | |
|---|---|---|
| (i) | 16 | buah |
| (ii) | 24 | „ |
| (iii) | 21 | „ |
| (iv) | 11 | „ |
| (v) | 6 | „ |
| (vi) | 14 | „ |
| (vii) | 141 | „ |
| | 233 | buah |

(*d*)

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | 447,526 | batu | Jumlah batu berjalan (1968) |
| (ii) | 637,177 | „ | |
| (iii) | 823,345 | „ | |
| (iv) | 471,738 | „ | |
| (v) | 203,495 | „ | |
| (vi) | 439,016 | „ | |
| (vii) | 5,100,000 | „ | |
| | 8,122,297 | batu | |

**Perkhidmatan Bas MARA**

**368. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagaimanakah kedudokan perkhidmatan bas MARA di-Malaysia Timor sa-hingga akhir tahun 1968. dengan menyatakan:

(*a*) Jumlah bilangan bas yang ada; dan

(*b*) Jumlah batu bas² itu telah berjalan.

**Tun Haji Abdul Razak:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| (*a*) (i) | Kota Kinabalu/ Papar | 5 | buah bas (mula berkhidmat pada 15-10-68) |
| (ii) | Sipitang/Beaufort (Sabah) | 5 | buah bas |
| (iii) | Tawau/Semporna/ Kunak (Sabah) | 3 | „ |
| (iv) | Labuan (Sabah) | 5 | „ |
| (v) | Limbang (Sarawak) | 5 | „ |
| (vi) | Miri (Sarawak) | 6 | „ |
| (vii) | Bintulu (Sarawak) | 4 | „ |
| | | 33 | buah bas |

| | 1968 |
|---|---|
| (*b*) (i) | 40,645 batu |
| (ii) | 105,696 „ |
| (iii) | 37,980 „ |
| (iv) | 185,664 „ |
| (v) | 197,712 „ |
| (vi) | 192,034 „ |
| (vii) | 96,550 „ |
| | 856,281 batu |

**369. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam tahun 1968 berapa jumlah orang² yang mendapat kemudahan² bas MARA di-tiap² tempat di-bawah ini:

(*a*) Malaysia Barat;

(*b*) Sabah; dan

(*c*) Sarawak.

**Tun Haji Abdul Razak:**

| | Orang |
|---|---|
| (*a*) Malaysia Barat ... | 15,437,376 |
| (*b*) Sabah ... ... | 251,193 |
| (*c*) Sarawak ... ... | 241,018 |
| Jumlah ... | 15,902,587 |

**370. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa jumlah hasil yang telah di-perolehi oleh MARA dalam tahun 1967 dan 1968 menerusi perkhidmatan bas-nya.

**Tun Haji Abdul Razak:** Jumlah hasil yang telah di-perolehi oleh MARA menerusi perkhidmatan bas-nya ada-lah saperti berikut:

| Tahun | Hasil |
|---|---|
| 1967 ... ... ... ... | $3,087,000 |
| 1968 (Januari hingga September) | 2,799,992 |

**Ranchangan² Kechil Tanah**

**371. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga akhir tahun 1968 berapa banyak Ranchangan² Kechil Tanah (Minor Land Schemes) di-Malaysia Barat dan berapa jumlah keluarga² yang mendapat faedah daripada Ranchangan² tersebut.

**Tun Haji Abdul Razak:** Untok ma'aloman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Barat tidak mempunyaï Ranchangan² Kechil Tanah (Minor Land Schemes).

**Buku Bertajok "Islam"**

**372. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kerajaan sedar bahawa buku "Islam" yang di-terbitkan oleh Kementerian sabagai panduan kapada guru² ugama Pelajaran Dewasa perlukan di-baiki jalan bahasa-nya kerana amat sukar bagi orang² tua di-Kampong² hendak memahami sa-tengah² petekan² didalam-nya; jika sedar, ada-kah Kerajaan akan segera membaikki-nya dan berapa puloh ribu naskah yang telah di-chetak menurut chontoh lama itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Buku "Islam" tidak lagi di-terbitkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam bentok-nya yang lama. Sa-banyak 2,500 naskah sahaja telah di-chetak menurut bentok lama itu. Sa-bagai ganti-nya lima jenis buku saperti berikut ini telah di-terbitkan:

(i) Islam—Bahagian Akai'd;

(ii) Islam—Bahagian Ayat Quran;

(iii) Islam—Bahagian Ibadat;

(iv) Islam—Bahagian Akhlak;

(v) Islam—Bahagian Sejarah.

Buku² ini di-terbitkan bukan untok kegunaan pelajar² atau orang² tua dikampong² tetapi untok di-jadikan panduan oleh guru² kelas dewasa

Ugama mengikut keadaan tempat dan pelajar². Semenjak perubahan ini, tidak ada tegoran mengenaï buku² tersebut. Walau pun demikian Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyediakan panduan² tambahan bagi guru² dewasa Ugama dan buku Panduan Isi² Pelajaran perengkat rendah telah di-kirimkan kapada Yang di-Pertua Jabatan² Ugama Negeri untok mendapat persetujuan kegunaan-nya.

**Pakar² Asing**

**373. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa orang pakar² dari luar yang berkhidmat di-Malaysia di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-hingga akhir tahun 1968 dan nyatakan:

(*a*) Penganjor-nya;

(*b*) Nama pakar² tersebut;

(*c*) Bangsa² mereka.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-hingga akhir tahun 1968, ada 13 orang pakar² dari luar negeri yang berkhidmat di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) Mereka² itu ada-lah di-anjorkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

(*b*) *Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar—*

| | |
|---|---|
| (i) Tan Sri C. G. Ferguson | K. Lumpur |
| (ii) Enche' M. L. Barnett... | K. Lumpur |

*Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan—*

| | |
|---|---|
| (iii) Enche' E. Findley ... | K. Lumpur |
| (iv) Enche' M. E. Vickers | K. Lumpur |
| (v) Enche' J. W. L. Bevan | K. Lumpur |
| (vi) Enche' D. M. Gardiner | K. Lumpur |
| (vii) Enche' D. R. L. Massy Collier ... ... | K. Lumpur |

*Majlis Amanah Ra'ayat—*

| | |
|---|---|
| (viii) Enche' H. Tamazaki... | K. Trengganu |
| (ix) Enche' D. A. Jordon... | K. Lumpur |
| (x) Enche' W. M. Ramlow | K. Lumpur |
| (xi) Enche' E. Gergely ... | K. Lumpur |
| (xii) Enche' Z. Antonic ... | K. Lumpur |

*Perbadanan Pembangunan Negeri Trengganu—*

| | |
|---|---|
| (xiii) Enche' J. E. Loumaye | Trengganu |

(*c*) (i) Bangsa British
(ii) Bangsa America
(iii) Bangsa British
(iv) Bangsa British
(v) Bangsa British
(vi) Bangsa New Zealand
(vii) Bangsa British
(viii) Bangsa Jepun
(ix) Bangsa Australia
(x) Bangsa Amerika
(xi) Bangsa Yogoslavia
(xii) Bangsa Yogoslavia
(xiii) Bangsa Belgium.

**Guru² dan Penyelia Pelajaran Dewasa**

**374. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa bilangan guru² dan penyelia² pelajaran dewasa bagi tiap² Negeri di-Malaysia Barat sa-hingga akhir tahun 1968.

**Tun Haji Abdul Razak:** Jumlah guru² dan penyelia² pelajaran dewasa di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1968 ia-lah saperti berikut:

| Bil. | Negeri | Guru | | Penyelia |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Perlis ... ... | 221 | ... | 5 |
| 2. | Kedah ... ... | 734 | ... | 32 |
| 3. | Pulau Pinang ... | 248 | ... | 21 |
| 4. | Perak ... ... | 977 | ... | 51 |
| 5. | Selangor ... | 1,001 | ... | 40 |
| 6. | Negeri Sembilan | 328 | ... | 22 |
| 7. | Melaka ... ... | 278 | ... | 14 |
| 8. | Johor ... ... | 765 | ... | 43 |
| 9. | Pahang ... ... | 691 | ... | 28 |
| 10. | Trengganu ... | 573 | ... | 20 |
| 11. | Kelantan ... | 1,190 | ... | 52 |
| | Malaysia Barat ... | 7,006 | ... | 328 |

**Tanah di-Wakaf Baharu**

**375. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa milek orang² di-Wakaf

Baharu, Kelantan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok mendirikan keretapi di-situ telah di-masokkan pula kadalam ranchangan F.L.D.A.; jika tidak, ada-kah beliau akan menerangkan kedudokan yang sa-benar-nya atas hal itu untok menghapuskan perasaan tidak puas hati di-kalangan mereka[2] yang berkenaan tentang pembayarannya.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sa-lain daripada ranchangan Ayer Lanas Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak ada mempunyaï ranchangan didalam Negeri Kelantan. Oleh itu jawapan kapada soalan ini ia-lah tidak benar.

(L.K.T.P. tidak mengetahuï kedudokan perkara ini sa-benar-nya).

### Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

**376. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of National and Rural Development to give the figures of families resettled by the F.L.D.A. since its institution up to the end of 1968. Please give the figures separately for each State and also separately for each year thus:

| States | Year (Family Resettled) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 1957 | 1958 | 1959—1968 | Total |
| Perlis ... ... | | | | |
| Penang ... ... | | | | |
| Kedah ... ... | | | | |
| Perak ... ... | | | | |
| Kelantan ... ... | | | | |
| Trengganu ... | | | | |
| Pahang ... ... | | | | |
| Selangor ... ... | | | | |
| Negri Sembilan... | | | | |
| Malacca ... ... | | | | |
| Johore ... ... | | | | |

**Tun Haji Abdul Razak:** The total number of Malaysian families resettled by the Federal Land Development Authority since its institution up to 1968 is 15,657.

The F.L.D.A. does not maintain a record of the original states of these settlers but distribution of the settlers according to the states in which they have been resettled are as follows:

| States | Entry of Settler since 1957-1968 | | | | | | | | | | | | Total |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1957 | 1958 | 1959 | 1960 | 1961 | 1962 | 1963 | 1964 | 1965 | 1966 | 1967 | Nov. 1968 | |
| Trengganu .. .. | | 400 | | | | | | | 210 | 226 | 295 | 412 | 1,543 |
| Pahang* .. .. .. | | | | 391 | 405 | 266 | 394 | | 107 | 126 | 297 | 290 | 2,276 |
| Johor .. .. .. | | | | 473 | 185 | 40 | 951 | 711 | 582 | 609 | 316 | 1,169 | 5,036 |
| Negri Sembilan .. .. | | | | | 125 | 240 | 365 | | 119 | 121 | 628 | 545 | 2,143 |
| Malacca .. .. .. | | 100 | 205 | 291 | | 99 | 182 | | | | | | 877 |
| Selangor .. .. .. | | | | | | 117 | | 212 | | 120 | 134 | 419 | 1,002 |
| Perak .. .. .. | | | | | | 119 | 151 | 227 | 112 | 192 | | 692 | 1,493 |
| Kedah .. .. .. | | | 86 | 826 | | | | | 164 | 71 | | 140 | 1,287 |
| | | 500 | 291 | 1,981 | 715 | 881 | 2,043 | 1,150 | 1,294 | 1,465 | 1,670 | 3,667 | 15,657 |

Pahang *40% of the settlers in Pahang are from Kelantan, Penang and Perlis.

**377. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of National and Rural Development the average cost of developing one acre of land by the F.L.D.A.

**Tun Haji Abdul Razak:** The average cost of developing 1 acre of rubber land by the F.L.D.A. up to the 6th year of planting is $1,195.

The average cost of developing 1 acre of oil palm by the F.L.D.A. up to the 4th year of planting is $1,060.

### Kampong[2] Baru

**378. Tuan Chan Chong Wen** asks the Minister of National and Rural Development whether the Government intends to continue providing more funds to further improve the living conditions in new villages such as the provisions of more roads, better drainages and more schools; water and electricity supplies, etc.

**Tun Haji Abdul Razak:** Yes.

### Bekalan Ayer

**379. Tuan Sim Boon Liang** asks the Minister of National and Rural Development to state (*a*) whether Government has any plan to install pipe water supply for Dalat, Oya and Balingian in the 3rd Division where people are using river water for drinking and cooking which is dirty and a danger to health, (*b*) whether Government is aware that the river water will get salted several times in a year that it cannot be used for drinking and cooking.

**Tun Haji Abdul Razak:** As water supplies is a State matter, it is only appropriate that this question be raised in the Sarawak Council Negeri.

## JABATAN PERDANA MENTERI

### Pegawai² Kadet Kebajikan Masharakat

**380. Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister if he is aware that there is opposition to other junior Government servants from other Departments with $200 basic salary being appointed on $266 as Cadet Social Welfare Officers, if so, what steps has the Minister taken to resolve this opposition.

**Perdana Menteri:** I am not aware of any opposition to other junior Government servants from other Departments appointed as Cadet Social Welfare Officers. Appointments to posts of Cadet Social Welfare Officers are made by the Public Services Commission in accordance with the Scheme of Service laid out for Cadet Social Welfare Officers.

### Pekerjaan dan Pengganggoran

**381. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri berapa-kah kadar peluang kerja yang di-usahakan oleh Kerajaan berbanding dengan angka penganggoran yang telah di-taksirkan kira² sa-banyak 6% dari tenaga buroh di-dalam negeri ini.

**Perdana Menteri:** Tidak-lah dapat hendak di-berikan dengan tepat perimbangan antara perkembangan peluang² mendapat pekerjaan dengan penganggoran sa-hingga keputusan mu'tamad "Kajian Socio-Ekonomik Isi-Rumah Malaysia Barat" (Socio-Economic Survey of Households in West Malaysia) yang telah di-jalankan antara lewat tahun 1967 dengan awal tahun 1968 itu di-dapati. Ranchangan Malaysia Yang Pertama meranchangkan penghasilan lebeh kurang 380,000 perkerjaan dalam jangka masa lima tahun di-Malaysia Barat. Daripada bukit² yang terdapat pada pertengahan masa di-laksanakan Ranchangan, 1966-1968, boleh-lah di-ambil kesimpulan bahawa kurang sadikit daripada saparoh sasaran itu telah terchapai. Puncha² utama pekerjaan tersebut ialah pertanian, perkhidmatan dan bahagian² pembuat barang².

It is not possible to give a precise ratio between the expansion of employment opportunities and unemployment, until the final results of the "Socio-Economic Survey of Households in West Malaysia" conducted between late 1967 and early 1968 become available. The First Malaysia Plan projected the creation of some 380,000 jobs during the five-year period in West Malaysia. From evidence available for mid-way implementation of Plan, 1966-1968, it can be concluded that slightly less than half of this target has been achieved. The major sources of employment have been the agriculture, services and manufacturing sectors.

### Hak Istimewa Orang Melayu

**382. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri adakah Kerajaan menggalakkan Menteri² menggunakan perkataan² "Hak Istimewa Orang Melayu" di-dalam dan di-luar Parlimen sunggoh pun perkataan² itu tidak termaktub dalam Perlembagaan; jika ya, kenapa; dan jika tidak, apa-kah tindakan Kerajaan untok menchegah Menteri² daripada menggunakan perkataan² yang mengelirukan orang ramai sa-umpama itu.

**Perdana Menteri:** Sunggoh pun dalam Perlembagaan perkataan² yang di-gunakan ia-lah "kedudokan istimewa orang² Melayu" (special position of the Malays) dan bukan "hak istimewa orang² Melayu" (special rights of the Malays) tetapi tidak-lah menjadi salah bagi Menteri² menggunakan perkataan²

"hak istimewa" itu kerana oleh sebab "kedudokan istimewa" orang² Melayu di-negeri ini maka dapat-lah orang² Melayu hak istimewa saperti yang di-peruntokkan (provide) dalam Fasal 153 saperti mengadakan quota bagi orang² Melayu dalam jawatan² Kerajaan, lesen² permit, biasiswa, peluang latehan dan lain²-nya.

### Kedudokan Istimewa Orang Melayu

**383. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan bersedia meminda perkataan² "Kedudokan Istimewa" orang Melayu yang terkandong dalam perkara 153 Perlembagaan Malaysia kapada "Hak Istimewa" orang Melayu; jika bersedia, bila, dan jika tidak bersedia, kenapa.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak berchadang membuat pindaan tersebut kerana peruntokan yang ada dalam Perlembagaan mengenaï soal ini akan terus memberi perlindongan kapada orang² Melayu dan orang² native di-Negeri² Malaysia Timor.

### Hukum Shara'

**384. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sedar bahawa jawapan beliau mengenaï Hukum Shara' berkenaan dengan pembenaan berhala² shirik atau bantuan kapada berhala² shirik sa-bagaimana yang tertera dalam Jawapan Bertulis dalam *bulan November, 1967* berlawanan dengan firman Tuhan di-dalam Kitab Qur'an; jika sedar, ada-kah Kerajaan akan membentangkan perkara ini kapada Majlis Raja² untok mendapatkan sesuatu keputusan.

**Perdana Menteri:** Sa-bagaimana yang di-terangkan dalam jawapan saya itu, Kerajaan mengulangi pendapat-nya bahawa memberi bantuan kapada semua rumah ibadat yang memohon bantuan untok memperbaikki atau menyempurnakan tempat itu tidak bersalahan dengan Hukum Shara'.

### Majlis Ugama Pusat

**385. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Negeri Kedah tidak akan menyertaï langkah Kerajaan Pusat hendak menubohkan sa-buah Majlis Ugama Pusat; jika benar, apa-kah alasan²-nya.

**Perdana Menteri:** Penubohan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang telah di-persetujukan oleh Majlis Raja-Raja sedang di-uruskan. Setakat ini belum-lah di-ketahuï lagi negeri² mana yang menyokong atau tiada menyokong Majlis itu nanti. Ada-lah di-harapkan semua negeri² di-Malaysia Barat akan memberi sokongan dan kerjasama mereka kapada Majlis itu.

### Lawatan di-Raja

**386. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri:

(*a*) berapa-kah jumlah wang yang telah di-belanjakan untok menghantar sa-orang bomoh yang bernama Enche' Tahar bin Haji Kassim, ka-Malaysia Timor dalam masa Lawatan di-Raja ka-sana dalam tahun 1968 yang di-tugaskan supaya menahan hujan daripada turun di-bahagian negeri itu;

(*b*) ada-kah Kerajaan akan melanteknya sa-bagai "Bomoh Negara" dan menempatkan-nya di-Masjid Negara di-Kuala Lumpur;

(*c*) ada-kah Kerajaan akan mendapatkan khidmat "bomoh² handal" bagi tujuan mengelakkan kejadian banjir tiap² tahun di-dalam negeri ini.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Enche' Tahar bin Haji Kassim, sa-orang bomoh dari Negeri Sembilan, telah di-undang oleh Kerajaan Negeri Sabah untok bertugas di-Negeri itu sepanjang waktu Lawatan di-Raja ka-Sabah dalam bulan September, 1968. Ketetapan untok mendapatkan perkhidmatan Enche' Tahar bin Haji Kassim di-buat oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri, dan dengan yang demikian, semua perbelanjaan berhubong dengan pemergian Enche' Tahar ka-Sabah dan balek di-tanggong oleh Kerajaan Negeri tersebut.

(*b*) Tidak.

(*c*) Tidak.

**Undang² Anak Angkat**

**387. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sedar bahawa Undang² "Anak Angkat" yang membolehkan di-pinda "bin" sa-orang anak angkat itu kapada "bin" bukan ayah-nya yang sa-benar, berlawanan dengan Hukum Shara' Ugama Islam yang menjadi Ugama bagi Negara ini; jika sedar, ada-kah Kerajaan akan memansokhkan undang² tersebut; dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Undang² "Anak Angkat" yang di-sebut oleh Yang Berhormat itu mungkin Undang² "Anak Angkat" tahun 1952 (Bil. 41/52). Jika demikian, untok ma'aloman Yang Berhormat itu, undang² ini tidak meli-batkan orang² Islam.

**Quran**

**388. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri sa-jauh mana-kah kejayaan yang sudah di-chapai dalam usaha Kerajaan men-terjemahkan Kitab Suchi Quran dengan menyatakan:

(*a*) Jumlah Ulama yang di-tugas-kan;

(*b*) Tarikh mula terjemahan di-jalankan;

(*c*) Jumlah wang yang sudah di-belanjakan; dan

(*d*) Kerja yang sudah di-buat.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Mula²-nya kerja menterjemah tafsir Al-Quran telah di-seleng-garakan oleh satu Lembaga yang terdiri daripada 7 orang Pensha-rah Kolej Islam Malaya di-atas nama mereka sendiri. Nama ahli² Lembaga berkenaan ia-lah saperti berikut:

1. Tan Sri Dr Haji Abdul Jalil Hassan (Pengetua Kolej)
2. Ustaz H. Muhammad bin H. A. Bakar
3. Ustaz Hassan Salleh
4. Ustaz Sanusi bin Daing Minah
5. Ustaz Ali bin Haji Ahmad
6. Ustaz Abdul Kadir Ismail
7. Ustaz Ramli Ismail

Akan tetapi kemudian-nya, oleh kerana kesibokan kerja mereka itu sendiri, di-dapati perjalanan terjemahan tafsir Quran itu telah tergendala. Oleh itu usaha mereka itu telah di-berhentikan dan kerja ini telah di-sambong oleh 2 orang Pen-tafsir Quran yang di-lantek khas bagi maksud ini di-bawah penye-liaan Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Ibrahim yang pada masa itu menyandang jawatan Hafidz Quran di-Masjid Negara dan sekarang ia bertugas sa-bagai Mufti Kelantan. Sa-orang Pentafsir itu ia-lah Tuan Haji Faisal bin Haji Othman yang berkhidmat daripada 16hb October, 1967 hingga 3hb Mei, 1968, dan sa-orang lagi ia-lah Tuan Sheikh Abdullah Basmeih yang di-lantek daripada 12hb Februari, 1968, dan maseh da-lam perkhidmatan lagi.

(*b*) Kerja terjemahan ini di-jalankan mulai daripada bulan Mei, 1966.

(*c*) Jumlah wang yang telah di-belanjakan sa-hingga akhir tahun 1968 ia-lah sa-banyak $34,123.

(*d*) Sepuloh juzo' telah di-terjemah-kan dan penchetakan sa-banyak 500 naskhah telah sedia. 220 naskhah telah pun di-jual se-masa Pertandingan Membacha Al-Quran di-adakan di-Stadium Merdeka pada bulan Disember lalu. Penchetakan 4,500 naskhah lagi sedang di-jalankan.

**389. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri berapa banyak-kah kerugian Malaysia dari segi kewangan berikutan dengan pemisahan Singapura dari Malaysia.

**Perdana Menteri:** Malaysia tidak untong atau rugi wang dengan perpisahan Singapura.

### Pegawai² Dagang

**390. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Y.A.B. Perdana Menteri, "Hingga akhir tahun 1968, berapa banyak-kah lagi jawatan² tinggi di-negeri ini maseh di-pegang oleh pegawai² yang bukan anak negeri atau bukan warganegara dan bila-kah jawatan² tersebut akan di-penohi oleh warganegara sendiri".

**Perdana Menteri:** *Di-Malaysia Barat,* pada akhir tahun 1968 terdapat 124 orang pegawai² dagang yang maseh memegang jawatan² Kerajaan dalam Bahagian² I atau pun II. Pegawai ini ada-lah di-ambil sechara konterek bagi tempoh 1 hingga 3 tahun. Daripada bilangan ini, 104 orang (83.9%) ada-lah terdiri daripada pegawai² perubatan, dan baki-nya ada-lah terdiri daripada pegawai² teknikal, professional atau pun pegawai² yang mempunyai kemahiran dan kebolehan dalam sasuatu lapangan tertentu saperti Pembantu² Siaran, Perkhidmatan Luar Negeri Jabatan Radio Malaysia.

Tempoh konterek bagi 124 orang pegawai² yang tersebut di-atas akan tamat saperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pada pertengahan pertama tahun 1969 | 5 |
| Pada pertengahan kedua tahun 1969 ... | 19 |
| Pada pertengahan pertama tahun 1970 | 23 |
| Pada pertengahan kedua tahun 1970 ... | 43 |
| Pada pertengahan pertama tahun 1971 | 14 |
| Pada pertengahan kedua tahun 1971 ... | 20 |

Jawatan-kuasa Perwarganegaraan Juma'ah Menteri ada-lah sentiasa mengawasi dengan teliti-nya kedudokan ini dan bila terdapat pegawai² tempatan yang sesuai untok memenohi jawatan² yang di-pegang oleh pegawai² dagang itu, maka konterek pegawai² dagang tersebut tidak akan di-lanjutkan apabila tamat tempoh-nya.

*Di-Malaysia Timor,* kedudokan-nya mengikut rekod² dan laporan² yang di-terima ada-lah saperti berikut: Di-Sabah bilangan jawatan² tinggi (Bahagian I) yang maseh di-pegang oleh pegawai² bukan anak negeri/warganegara sa-hingga sekarang ini ada-lah saperti berikut:

| | Pegawai² Dagang Bangsa Eropah | Pegawai² Dagang Bangsa Asia | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 1. Jabatan Persekutuan | 32 | 18 | 50 |
| 2. Jabatan Negeri ... | 112 | 38 | 150 |

Pada keselurohan-nya, pegawai² Eropah di-Sabah akan berhenti sa-akhir²-nya pada 31hb Ogos, 1973 mengikut perjanjian² yang telah terikat. Perkhidmatan pegawai² tetap bangsa Asia akan berakhir apabila sahaja mereka meningkat umor bersara atau pun apabila sahaja anak² negeri atau warganegara² dapat di-perolehi.

Di-Sarawak, bilangan jawatan² tinggi (Bahagian I) yang maseh di-pegang oleh pegawai² bukan anak negeri/warganegara sa-hingga sekarang ini ada-lah saperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1. Jabatan Persekutuan ... ... | 88 |
| 2. Jabatan Negeri ... ... ... | 71 |

Pegawai² dagang dalam perjawatan tetap dan berpenchen di-Sarawak akan tamat perkhidmatan mereka pada 31hb Ogos, 1969. Pegawai² dalam konterek akan tamat perkhidmatan mereka apabila sahaja pegawai² anak² negeri atau warganegara dapat di-perolehi.

### Perbelanjaan Keraian

**391. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri sejak tertuboh-nya Malaysia berapa banyak wang ra'ayat yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan Pusat kerana mera'ikan minuman keras kapada tetamu² dari luar dan dalam negeri ini dan ada-kah Kerajaan akan merentikan perbuatan yang nyata berlawan dengan Hukum Shara' Islam itu.

**Perdana Menteri:** Jawapan berhubong dengan angka perbelanjaan kerana minuman keras tidak mungkin dapat di-beri kerana perbelanjaan ini tidak di-kira berasingan tetapi ada-lah termasok dalam perbelanjaan² jamuan pada kesemua-nya. Ada-lah dasar Kerajaan tidak menghidangkan (offer) minuman² keras kapada tetamu² yang berugama Islam.

### Lawatan Ka-Negara² Islam

**392. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri apakah hasil lawatan Rombongan yang di-ketuaï oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub ka-Negara² Islam dalam tahun 1968, bilakah suatu persidangan Negara² Islam akan di-adakan dan di-mana.

**Perdana Menteri:** Rombongan yang di-ketuaï oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub sabagaimana yang telah melawat empat belas buah Negara² Islam dan semuanya telah menyatakan sokongan mereka terhadap chadangan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri bagi mengadakan satu Persidangan Islam Antarabangsa untok membinchangkan perkara² yang bersangkutan dengan Ugama Islam. Yang Teramat Mulia Perdana Menteri telah menulis kapada ketua² negara atau Perdana² Menteri negeri² Islam (yang berjumlah dua puloh tiga buah negeri) menjemput mereka menghadziri Persidangan yang tersebut yang akan di-adakan di-Malaysia dan di-chadangkan bahawa Persidangan itu di-adakan dalam bulan April tahun 1969.

### Kereta Untok Tetamu²

**393. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri adakah benar bahawa sa-buah kereta telah di-beli oleh Jabatan Perdana Menteri untok kegunaan tetamu² dari luar negeri; dan jika ya, nyatakan jenis kereta itu dan harga-nya.

**Perdana Menteri:** Ya benar. Kereta ini telah di-beri untok kegunaan Orang² Kenamaan, terutama-nya semasa lawatan oleh Ketua² Negara asing.

Kereta yang berkenaan ia-lah jenis Mercedes-Benz 600 dan harga-nya ia-lah $51,992.

### Pengundi² di-Malaysia Barat

**394. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri pada masa ini (1968) berapa ramai-kah jumlah pengundi² di-Malaysia Barat; dan nyatakan jumlah pengundi Melayu berbanding dengan pengundi bukan Melayu

**Perdana Menteri:** Jumlah bilangan pengundi yang terakhir sekali bagi semua negeri dan kawasan² pilehanraya Parlimen boleh di-perolehi daripada Daftar Pengundi yang terakhir yang di-keluarkan oleh Surohanjaya Pilehanraya. Ahli Yang Berhormat akan mendapati pengundi yang terkandong di-dalam Daftar Pengundi itu tidak-lah di-bahagi²kan mengikut sa-suatu kaum (race).

### Bahasa Kebangsaan sa-bagai Sharat

**395. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Perdana Menteri:

(*a*) ada-kah benar bahawa sharat lulus Bahasa Kebangsaan di-kehendaki daripada sesiapa yang hendak berkhidmat dengan Kerajaan; dan

(*b*) berapa orang yang tidak lulus Bahasa Kebangsaan telah di-ambil bekerja oleh Kerajaan dalam tahun 1968.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Ada-lah benar bahawa di-bawah beberapa Sekim Perkhidmatan ada di-kenakan sharat lulus Bahasa Kebangsaan untok pengambilan ka-dalam perkhidmatan itu.

(*b*) Dalam tahun 1968 tidak sa-orang pun chalun yang tidak lulus Bahasa Kebangsaan di-ambil berkhidmat di-mana Sekim Perkhidmatan mensharatkan mereka mempunyaï kelulusan Bahasa Kebangsaan.

### Pengundi² di-Sarawak

**396. Tuan Sim Boon Liang** asks the Prime Minister to state, what percentage of the people in Sarawak who are eligible to vote in the coming general election, have been registered under the new national registration legislation.

**Perdana Menteri:** It is difficult to determine the percentage but according to the Registration of Electors that has been completed the number of electors is 333,172.

**397. Tuan Sim Boon Liang** asks the Prime Minister to state, in view of the frequent transfer of Government Officers from one District or Division to

another, whether they can be allowed to vote by means of postal voting during the coming general election in Sarawak if they are transferred from the constituencies in which they are registered as voters; and if so, whether their wives or other members of their families who have so registered can also be allowed to vote by similar means.

**Perdana Menteri:** Government Officers in Sarawak who move within the State on transfer are not allowed to vote by post. The same applies to their wives or other members of their families. According to the Election Commission the number involved is small. Government Officers serving outside the boundaries of the State of Sarawak are "absent voters" and are therefore given the facility to vote by post. This includes their wives also if they are living with their husbands outside the State.

### D.A.P.

**398. Tuan Chan Chong Wen** asks the Prime Minister that in view of his recent remarks in local newspapers regarding the Democratic Action Party being a foreign-orientated political party, would the Prime Minister be prepared to further elaborate his remarks.

**Perdana Menteri:** It is quite clear that the D.A.P. was organised by the P.A.P. at the time when Singapore was part of Malaysia. Today as a result of separation and the independence of Singapore a party with its former HQ. in Singapore is naturally foreign orientated. That is as far as I can elaborate.

### Kenyataan oleh sa-orang Menteri

**399. Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister if he would restrain Tan Sri Sardon bin Haji Jubir, Minister of Transport from making irresponsible and provocative statements like the one he made at the meeting of the Province Wellesley Central UMNO on 25th August, 1968, when he told Penang Traders: "I will have no objection as to where they choose to go, if they feel they cannot earn enough money in this country".

**Perdana Menteri:** Ministers are free within the limit of the responsibilities of their portfolio to make statements and speeches. But in this instance Tan Sri Sardon has already denied in the press the statement which he was alleged to have made and which was reported in the press.

### Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai2 Kerajaan

**400. Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister to give the names of the officers appointed by Government to administer the Government Officers' Co-operative Housing Society.

**Perdana Menteri:** The Malaysia Government Officers' Co-operative Housing Society has not been suspended and it is still responsible for the management of its affairs. The Committee of Officials which was appointed by the Government on the 6th of November, 1968 is not to administer the Society but specifically to undertake the completion of the unfinished schemes of the Society at Kampong Tunku and Kampong Jamil Rais (Diana Estate). In broad outline, this Committee is responsible for the overall financial and technical supervision of the operation.

The names of the Committee of Officials so appointed by Government are as follows:

| | |
|---|---|
| 1. Enche' Chong Hon Nyan, K.M.N., Deputy Permanent Secretary I, The Treasury ... | Chairman |
| 2. Enche' Abdullah bin Ayub, K.M.N., Deputy Permanent Secretary II, The Treasury | Member |
| 3. Enche' N. Jagatheesan, J.S.M., P.K.T., Deputy Secretary, Ministry of Local Government and Housing ... ... | Member |
| 4. Enche' Abdul Rashid bin Mohd. Yusof, A.M.N., Senior Assistant Commissioner, Department of Co-operative Development ... ... | Member |
| 5. Enche' Lawrence Chin Yun Howe, J.S.M., Assistant Director (Quantity Surveying), Public Works Department ... ... ... | Member |
| 6. Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, Principal Assistant Secretary (Finance), The Treasury ... ... ... | Secretary. |

The following were co-opted as Members of the Committee:

1. Dato' Mohd. Salleh bin Abbas ... ... Solicitor-General
2. Enche' Tahir bin Abdul Rahim ... General Manager, Selangor State Development Board.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### Pilehanraya Kechil di-Padang

**401. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pilehanraya kechil yang di-adakan di-Padang, Kedah daripada 5hb hingga 30hb November, 1968 berapa bilangan aduan telah di-buat kapada pehak Polis di-kawasan itu berhubong dengan kesalahan dan perbuatan jenayah saperti berikut:

(*a*) nombor[2] aduan dan tarikh-nya;

(*b*) nama orang yang membuat aduan;

(*c*) perkara yang di-adukan; dan

(*d*) keputusan Mahkamah ka-atas aduan itu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Apa yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah berupa salinan[2] Aduan Polis (Police Reports). Oleh kerana itu maka ada-lah beliau di-nasehatkan membuat permohonan kapada pehak Polis yang berkuasa mengeluarkan-nya dengan bayaran[2] yang tertentu, menurut peratoran 20 di-bawah Police Regulations, 1952.

### Kesatuan Sekerja United Malayan Estate

**402. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berikutan dengan pembatalan ka-atas pendaftaran Kesatuan Sekerja United Malayan Estet dan juga Kesatuan Sekerja Pineapple Industry di-Malaysia Barat, berapa ramai-kah kakitangan anggota dari tiap[2] kesatuan tersebut telah di-tangkap dan apa-kah hukuman yang di-kenakan ka-atas mereka.

**Tun Haji Abdul Razak:**

1. 89 orang ahli[2] Kesatuan Sekerja United Malayan Estet dan 21 orang ahli[2] Kesatuan Sekerja Perusahaan Nenas telah di-tangkap.

2. (*a*) Di-antara 89 orang ahli Kesatuan Sekerja United Malayan Estet yang di-tangkap, 5 di-tahan di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri dan 84 orang yang lain itu telah di-da'awa di-Mahkamah; di-antara mereka itu 20 orang di-kenakan denda sabanyak $20 atau hukuman penjara jika denda tidak di-bayar, 30 orang telah di-beri amaran dan di-bebaskan; dan 34 orang yang lain itu telah di-bebaskan; dan

(*b*) Di-antara 21 orang ahli Kesatuan Sekerja Perusahaan Nenas yang di-tangkap, 19 orang telah di-tahan di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri, dan 2 orang yang lain itu yang di-dapati warga-negara Singapura, telah di-tegah masok ka-Malaysia.

## KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

### Tanah Runtoh

**403. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Tanah dan Galian:

(*a*) dalam tahun 1968 berapa bilangan kejadian tanah-runtoh di-lombong[2] di-Malaysia Barat;

(*b*) berapa ramai buroh atau pekerja yang di-timpa kemalangan itu; dan

(*c*) apa-kah pertolongan Kerajaan kapada orang[2] tersebut.

**Menteri Tanah dan Galian (Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub):**

(*a*) 17 kemalangan;

(*b*) 16 kematian;

(*c*) Kerajaan Persekutuan tiada memberi apa[2] pertolongan kapada orang[2] itu.

### Bijeh

**404. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta kapada Menteri Tanah dan Galian menyatakan dalam tahun 1968

berapa banyak kekurangan perolehan bijeh di-Malaysia Barat, dan berapa anggaran kerugian yang di-alami sabagai akibat-nya.

**Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Pengeluaran bijeh di-Malaysia Barat bagi tahun 1968 tiada berkurangan di-banding dengan tahun 1967, dengan demikian tiada kerugian yang di-alami.

### Tanah Runtoh

**405. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Lands and Mines to give particulars of deaths caused through landsildes on mines month by month during 1968.

**Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:**

| 1968 | No. of Landslides | Fatalities |
|---|---|---|
| January | 1 | 1 |
| February | 2 | 4 |
| March | 1 | 2 |
| April | 2 | 1 |
| May | 1 | 1 |
| June | 1 | 1 |
| July | 3 | 3 |
| August | 3 | 2 |
| September | 1 | — |
| October | 1 | 1 |
| November | 1 | — |
| | 17 | 16 |

## KEMENTERIAN LUAR NEGERI

### Duta² Besar Malaysia di-Negara² Islam

**406. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa ramai-kah Duta² Besar Malaysia yang di-tempatkan di-negeri² Islam di-dunia ini dan berapa buah lagi-kah negeri² Islam yang belum membuat hubongan diplomatik dengan Malaysia; dan nyatakan sebab² kelewatan Malaysia membuat hubongan itu.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Ada tiga orang Duta Malaysia di-negera² Islam dan mereka pula di-tauliahkan mewakili Malaysia di-negara² Islam yang lain. Malaysia mempunyaï hubongan diplomatik dengan semua negara² Islam.

Malaysia mempunyaï Duta² di-Kahirah, Jeddah dan Djakarta. Perwakilan kita di-Kahirah bertauliah mewakili Malaysia di-Lebanon, Maghribi dan Sudan, dan Perwakilan kita di-Jeddah bertauliah mewakili Malaysia di-Kuwait dan Jordan. Perwakilan kita di-Colombo bertauliah mewakili Malaysia di-Republik Islam Kepulauan Maldive.

(*b*) Memandang kapada perkara diatas, soalan ini tidak timbul.

(*c*) Tidak.

(*a*) There are three Malaysian Ambassadors in the Muslim States, and they in turn are accredited to the other Muslim countries. Malaysia maintains diplomatic relations with all Muslim States.

Malaysia has Ambassadors at Cairo, Jeddah and Djakarta. Our mission in Cairo is accredited to Lebanon, Morocco and the Sudan, and Jeddah to Kuwait and Jordan. Our mission in Colombo is accredited to the Islamic Republic of the Maldive Islands.

(*b*) In view of the above, this question does not arise.

(*c*) No.

**407. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan akan melichinkan dan menambah bilangan kakitangan Kedutaan kita di-Kaherah supaya mereka dapat menguruskan dengan chekap hal² urusan dengan 100 lebeh Kedutaan² asing yang ada dalam negeri itu.

**Perdana Menteri:** Ada-lah menjadi harapan Kementerian ini untok memberi tiap² perwakilan pegawai² yang sa-chukup²-nya mengikut tanggongjawab dan kerja² yang di-kehendaki. Harapan yang baik ini, walau macham mana pun, terpaksa juga bergantong kapada berbagai² kesukaran² yang dihadapi mendapatkan pegawai² pertukaran dan ekonomi. Kedutaan kita di-Kaherah, bukan sahaja telah di-fikirkan mempunyaï pegawai² yang chukup dan maher ia-lah juga tidak kurang

banding-nya dengan perwakilan2 yang lain di-negeri2 yang mana jumlah pegawai2-nya ada serupa.

It is the intention of this Ministry to give every mission the fullest complement of staff compatible with its responsibilities and duties. While this would be ideal we have however to contend with problems of establishment, staff movement and economy.

Our Cairo Embassy is not only considered to be adequately and ably staffed at the moment but it also compares favourably with other missions in countries where the foreign representations is of similar strength.

### Persidangan Peringkat Menteri2 Luar

**408. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan berchadang hendak menganjorkan suatu persidangan peringkat Menteri2 Luar di-antara Negara2 Islam; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak berniat hendak mengadakan Persidangan sa-umpama itu pada masa ini. Perlu-nya Persidangan sa-umpama itu tidak timbul.

The Government has no intention to hold such a Conference at the moment. The need for such a Conference does not arise.

### Hubongan Diplomatik

**409. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri apa-kah kemajuan yang telah di-buat oleh Malaysia untok mengadakan hubongan diplomatik dengan Negara Republik Islam Mauritiaus.

**Perdana Menteri:** Oleh kerana tidak ada negeri yang bernama "Republik Islam Mauritiaus", agak-nya apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah Republik Islam Mauritania. Hingga sekarang tidak ada chadangan hendak menubohkan sabuah perwakilan Malaysia di-Mauritania oleh sebab kekurangan wang dan kakitangan2 yang terlateh.

Since there is no country as the "Islamic Republic of the Mauritius", it is presumed that the Honourable Member means the Islamic Republic of Mauritania". There has been no move to date to establish a Malaysian Mission in Mauritania due to the lack of funds and trained personnel.

**410. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri mengapa-kah Malaysia tidak membuat hubongan diplomatik dengan negara Kominis China memandangkan hal Malaysia telah pun berbuat demikian dengan negara Russia.

**Perdana Menteri:** Saya yakin Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa China Komunis tidak pernah melahirkan sa-barang hasrat yang tulin hendak mengadakan hubongan muhibbah dengan mana2 negeri. China, sebaleknya bertekad hendak menggulingkan kedaulatan lain2 negara, termasok Malaysia. Melainkan jika China Komunis bersedia membuang dasar-nya berkeras dan bertujuan mengembang itu, kami tidak sanggup menimbang kemungkinan mengadakan sa-barang perhubongan, walau pun longgar, dengan-nya.

Sa-balek-nya perhubongan kita dengan Russia ada-lah berasaskan kapada jaminan bahawa Russia sanggup menghormati kedaulatan dan keutohan Malaysia dan di-samping itu patoh kapada prinsip hidup bersama2 sa-chara aman damai.

I am sure the Honourable Member is aware that Communist China has never demonstrated any genuine desire to have friendly relation with any country. Instead China is bent on the move to subvert the sovereignty of other nations, including Malaysia. Unless Communist China is prepared to discard her aggressive and expansionist policy, we are not willing to explore the possibility of any remote relationship with her.

On the other hand our relationship with the Russians is based on the assurance that Russia is willing to respect the sovereignty and integrity of Malaysia and at the same time abides by the principle of peaceful co-existence.

**411. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri sama ada Kerajaan Malaysia telah membuat hubongan diplomatik dengan mana[2] negeri dalam tahun 1968, dan jika ada, nyatakan nama negeri[2] tersebut.

**Perdana Menteri:** Sa-buah kedutaan telah di-tubohkan di-Moscow dalam bulan Julai, 1968 dan sa-buah perwakilan tetap telah juga di-tubohkan di-Geneva. Ini-lah dua perwakilan yang bukan untok tahun 1968. Selain daripada ini, kita telah juga menubohkan hubongan diplomatik melaluï perangkapan tauliah dengan negeri[2] dan badan[2] yang berikut: Denmark, Maldives Kompolan Ekonomi Eropa.

An embassy was set up in Moscow in July 1968 and a permanent mission was also set up in Geneva. These are the new missions for the year. Besides these, however, we have also established formal diplomatic relations through concurrent accreditation with the following countries and bodies—Denmark, Maldives, European Economic Community.

**Ranchangan[2] Penerangan**

**412. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah beliau sedar bahawa gerakan[2] penerangan kita di-negeri[2] Timor Tengah ada-lah berkurangan dan apakah usaha[2] yang telah di-buat bagi mengatasi kepinchangan itu.

**Perdana Menteri:** Ranchangan penerangan kita di-negara[2] Timor Tengah ada-lah sama rapi-nya dengan ranchangan[2] penerangan kita di-bahagian[2] dunia yang lain yang ada Perwakilan Diplomatik Malaysia yang mewakili kita di-sana. Bagaimana pun, sa-bagaimana Ahli[2] Yang Berhormat sedia ma'alum, kita mempunyaï satu Perwakilan Diplomatik Malaysia sahaja di-Timor Tengah, ia-itu di-Kahirah. Hal ini pasti-lah menghadkan bidang kerja penerangan yang dapat di-jalankan dalam satu kawasan muka bumi yang luas saperti Timor Tengah.

Konsulat kita di-Jeddah pada masa ini tidak di-lengkapi dengan satu bahagian penerangan dan perkara hendak membuka satu bahagian sa-umpama itu di-sana sedang di-pertimbangan juga. Bagaimana pun, Konsulat itu membantu juga pada memberikan pengetahuan yang lebeh mendalam tentang Malaysia di-Arab Saudi dengan chara menyebarkan risalah[2] penerangan Malaysia di-dalam negeri itu.

Our information programme in the Middle East countries is as efficient as our information programmes in other parts of the world where we are represented by Malaysian Diplomatic Missions. However, as Honourable Members are aware we have only one Malaysian Diplomatic Mission in the Middle East, namely in Cairo. This necessarily limits the scope of information work that can be undertaken over a wide geographical area such as the Middle East from there.

Our Consulate in Jeddah is at present not equipped with an information section and consideration is being given to opening such a section there as well. However, the Consulate helps in bringing about a better understanding of Malaysia in Saudi Arabia by distributing Malaysian information bulletins in that country.

**Urusan Jema'ah Haji**

**413. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri (*a*) sejak tahun 1963 hingga termasok tahun 1968, berapa ramai-kah pegawai[2] yang bertugas di-atas kapal dan di-Negeri Arab Saudi kerana urusan jema'ah haji;

(*b*) Nyatakan tugas[2] yang di-suruh serta jumlah belanja yang di-kena bagi tiap[2] jenis tugas pada tiap[2] tahun.

**Perdana Menteri:** (*a*) (i) Sejak tahun 1963 hingga termasok tahun 1968 bilangan pegawai[2] yang bertugas di-atas Kapal Haji kerana urusan jema'ah haji ada-lah saperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1963 | ... | 6 Pegawai Kebajikan kehormat<br>2 Guru Agama kehormat |
| 1964 | ... | 6 Pegawai Kebajikan kehormat<br>3 Guru Agama kehormat |
| 1965 | ... | 6 Pegawai Kebajikan kehormat<br>3 Guru Agama kehormat |
| 1966 | ... | 8 Pegawai Kebajikan kehormat<br>4 Guru Agama kehormat |

1967 ... 8 Pegawai Kebajikan kehormat
4 Guru Agama kehormat

1968 ... 8 Pegawai Kebajikan kehormat
4 Guru Agama kehormat.

(ii) Sa-lain daripada kakitangan kapal yang biasa pehak Sharikat Kapal juga ada menyediakan 2 Pegawai Perubatan, 2 Pembantu Rumah Sakit, 1 Jururawat (nurse), 3 "Pursers" yang berbangsa Melayu dan beberapa tukang masak Melayu, pada tiap² satu pelayaran Kapal Haji.

(iii) Bilangan pegawai yang bertugas di-Negeri Arab Saudi sejak tahun 1963 ada-lah saperti berikut:

1963 ... 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
2 Pegawai Perubatan
5 Pembantu Rumah Sakit
2 Jururawat
5 Pelayan Rumah Sakit
15

1964 ... 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
2 Pegawai Perubatan
5 Pembantu Rumah Sakit
2 Jururawat
6 Pelayan Rumah Sakit
16

1965 ... 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
3 Pegawai Perubatan
10 Pembantu Rumah Sakit
4 Jerurawat
10 Pelayan Rumah Sakit
28

1966 .. 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
3 Pegawai Perubatan
10 Pembantu Rumah Sakit
4 Jururawat
10 Pelayan Rumah Sakit
28

1967 ... 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
3 Pegawai Perubatan
10 Pembantu Rumah Sakit
4 Jururawat
10 Pelayan Rumah Sakit
28

1968 ... 1 Pesurohjaya Urusan Haji (Pilgrimage Commissioner)
3 Pegawai Perubatan
9 Pembantu Rumah Sakit
5 Jururawat
10 Pelayan Rumah Sakit
28

Sa-lain daripada pegawai² yang tersebut dalam perenggan (iii) di-atas, Pegawai² dan kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di-Jeddah di-arah supaya memberi masa yang lebeh banyak kapada hal² urusan haji dimasa sa-panjang musim haji.

Dalam tahun² 1963, 1964 dan 1965 Pegawai² Penerangan (Information Officers) daripada Jabatan Penerangan telah di-arah untok bertugas (seconded) dengan Pegawai² Urusan Haji supaya dapat menyebarkan penerangan² mengenaï Malaysia. Tetapi sejak tahun 1966 sa-orang Atase Penerangan (Information Attache) sudah pun bertugas dengan Kedutaan Besar Malaysia di-Jeddah dan oleh sebab itu tidak perlu-lah Pegawai Penerangan dari Jabatan Penerangan di-arah untok bertugas dengan pehak Urusan Haji sa-bagaimana yang tersebut di-atas.

(*b*) (i) Tugas² Pegawai² yang tersebut di-atas ada-lah pada 'am-nya untok menguruskan hal² bersangkutan dengan kebajikan dan kepentingan (welfare and interests) jema'ah haji sa-masa pelayaran dan tinggal di-Tanah Suchi. Rombongan Perubatan bertanggong-jawab untok memberi kemudahan² berubat kapada jema'ah² haji dan menjaga kesihatan mereka.

(ii) Pegawai² Kebajikan Kehormat dan Guru² Agama Kehormat yang dipileh di-beri tiket² Klass 1 untok belayar.

(iii) Pesurohjaya Urusan Haji dan Rombongan Perubatan di-bayar Elaun² Saberang Laut (Overseas Allowances). Sejak tahun 1963 hingga tahun 1965 pembayaran-nya ada-lah saperti berikut:

| | *sa-bulan* |
|---|---|
| Pesurohjaya Urusan Haji ... | $150 |
| Pegawai Perubatan ... ... | 150 |
| Pembantu Rumah Sakit ... | 75 |
| Jururawat ... ... ... ... | 75 |
| Pelayan Rumah Sakit ... ... | 40 |

Sejak tahun 1965 sa-hingga masa ini pembayaran Elaun² Saberang Laut ada-lah saperti berikut:

| | *sa-bulan* |
|---|---|
| Pesurohjaya Urusan Haji ... | $300 |
| Pegawai Perubatan (Tingkatan tertinggi) (Superscale) ... ... | 500 |
| Pegawai Perubatan (Tingkatan Biasa—Timescale) ... ... | 400 |
| Pembantu Rumah Sakit dan Jururawat ... ... ... | 200 |
| Pelayan Rumah Sakit ... ... | 100 |

Gaji² dan Elaun Hidup (Cost of Living Allowances) Rombongan Per-ubatan di-bayar oleh Kementerian Kesihatan dan ada-lah saperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1963 ... | $47,370.41 |
| 1964 ... | 56,284.93 |
| 1965 ... | 64,222.05 |
| 1966 ... | 59,553.83 |
| 1967 ... | 48,004.56 |
| 1968 ... | Belum lagi di-ketahuī. |

Jumlah yang telah di-belanjakan untok gaji dan Elaun Hidup Pesuroh-jaya Urusan Haji, anggota² pegawai Pejabat Urusan Haji, sewa² untok pejabat dan rumah² rehat untok orang sakit (sick Bays) di-Negeri Arab Saudi, pembelian Obat² dan perkakas per-ubatan, belanja untok perjalanan dan menjaga kereta² (termasok ambulan² dan kereta klinik—mobile clinic) dan, perbelanjaan yang lain² daripada tahun 1963 ada-lah saperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1963 ... | $120,347.63 |
| 1964 ... | 142,689.11 |
| 1965 ... | 214,085.58 |
| 1966 ... | 225,030.49 |
| 1967 ... | 247,062.35 |
| 1968 ... | Belum lagi di-ketahuī. |

(*a*) (i) Since 1963 up to and including 1968, the number of officers on duty on Pilgrim Ships in connection with Pilgrimage to Mecca is as follows:

1963 ... 6 Honorary Welfare Officers
2 Honorary Religious Teachers.

1964 ... 6 Honorary Welfare Officers
3 Honorary Religious Teachers.

1965 ... 6 Honorary Welfare Officers
3 Honorary Religious Teachers.

1966 ... 8 Honorary Welfare Officers
4 Honorary Religious Teachers.

1967 ... 8 Honorary Welfare Officers
4 Honorary Religious Teachers.

1968 ... 8 Honorary Welfare Officers
4 Honorary Religious Teachers.

(ii) The Shipping Company other than the usual crew employs 2 doctors, 2 Hospital Assistants, 1 Nurse, 3 Malay Pursers and a number of Malay cooks for every sailing.

(iii) The number of officers on duty in Saudi Arabia since 1963 is as follows:

1963 ... 1 Pilgrimage Commissioner
2 Doctors
5 Hospital Assistants
2 Nurses
5 Hospital Attendants
15

1964 ... 1 Pilgrimage Commissioner
2 Doctors
5 Hospital Assistants
2 Nurses
6 Hospital Attendants
16

1965 ... 1 Pilgrimage Commissioner
3 Doctors
10 Hospital Assistants
4 Nurses
10 Hospital Attendants
28

1966 ... 1 Pilgrimage Commissioner
3 Doctors
10 Hospital Assistants
4 Nurses
10 Hospital Attendants
28

1967 ... 1 Pilgrimage Commissioner
3 Doctors
10 Hospital Assistants
4 Nurses
10 Hospital Attendants
28

1968 ... 1 Pilgrimage Commissioner
3 Doctors
9 Hospital Assistants
5 Nurses
10 Hospital Attendants
28

In addition to the officers stated at paragraph (iii) above, the staff of the Malaysian Embassy in Jeddah have been directed to devote most of their time to Pilgrimage matters during the Pilgrimage season.

In 1963, 1964 and 1965 Information Officers from the Information Department were seconded to the Pilgrimage staff to disseminate information about Malaysia. However, since 1966 the Embassy staff has been expanded to include an Information Attache and therefore no Information Officers had been seconded since then from the Information Department.

(*b*) (i) The duties of the Officers mentioned above are generally to look after the welfare and interests of our Pilgrims during the voyage and during their sojourn in the Holy Land. The Medical team provides medical facilities and attention to the Pilgrims.

(ii) The Honorary Welfare Officers and Religious Teachers on board ship are provided first class passages.

(iii) The Pilgrimage Commissioner and the Medical team are paid Overseas Allowances. Since 1963 up to 1965 the rate of Oversea Allowance payable was as follows:

| | *per month* |
|---|---|
| Pilgrimage Commissioner at | $150 |
| Medical Officer at | 150 |
| Hospital Assistant at | 75 |
| Nurse at ... | 75 |
| Hospital Attendant at | 40 |

However, since 1965 onwards the above rate of Oversea Allowance has been increased and is as follows:

| | *per month* |
|---|---|
| Pilgrimage Commissioner at ... | $300 |
| Medical Officer (Superscale) at | 500 |
| Medical Officer (Timescale) at... | 400 |
| Hospital Assistant and Nurse at | 200 |
| Hospital Attendant at ... | 100 |

The Salaries and Cost of Living Allowance of Medical team are paid by the Ministry of Health, and are as follows:

| | |
|---|---|
| 1963 | $47,370.41 |
| 1964 | 56,284.93 |
| 1965 | 64,222.05 |
| 1966 | 59,553.83 |
| 1967 | 48,004.56 |
| 1968 | Not yet known. |

The amount spent on Salaries and Cost of Living Allowance for the Pilgrimage Commissioner, staff of Pilgrimage Control Department, rentals for office accommodation and sick Bays in Saudi Arabia, purchase of medicines and medical apparatus, transport and travelling, maintenance of vehicles (including ambulances and mobile clinic), and other miscellaneous items as from 1963 is as follows:

| | |
|---|---|
| 1963 | $120,347.63 |
| 1964 | 142,689.11 |
| 1965 | 214,085.58 |
| 1966 | 225,030.49 |
| 1967 | 247,062.35 |
| 1968 | Not yet known |

**Pegawai² di-dalam Perkhidmatan Luar Negeri**

**414. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan Malaysia membuat apa² sharat yang menyatakan bahawa Duta² dan Pesurohjaya² Tinggi-nya atau pegawai² yang bertaraf diplomat tidak boleh berkahwin dengan orang² yang bukan warganegara Malaysia; nyatakan juga berapa banyak kakitangan kedutaan² kita di-luar negeri yang berkahwin dengan orang² bukan warganegara Malaysia.

**Perdana Menteri:** Pegawai² di-dalam Perkhidmatan Luar Negeri ada-lah terta'alok dengan peratoran² perkhidmatan ia-itu sa-siapa yang berchadang hendak berkahwin, hendak-lah memberitahu dan memohon kebenaran Menteri. Sa-belum permohonan seumpama itu di-luluskan, permohonan itu ada-lah di-siasat dengan teliti-nya bagi menentukan yang perkahwinan itu tidak akan merosakan atau menjadi bahaya kapada kerja²-nya. Dari semenjak bermula-nya perkhidmatan ini lapan (8) permohonan telah di-terima dan semuanya telah di-luluskan.

Officers in the Foreign Affairs Service are bound by service regulations which require anyone who intends to marry,

to notify and seek the permission of the Minister. Before such an application is approved, it has to be processed to ensure that the proposed union will not prejudice or be in any way inimical to the interests of the service. Since the inception of the service eight (8) applications have been received and all of them approved.

**415. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan berchadang hendak membuat sharat supaya pegawai² yang tertentu di-Kedutaan kita di-luar negeri mustahak mengetahuï bahasa negeri di-mana mereka di-tugaskan; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Di-bawah sharat² dan peratoran perkhidmatan bagi pegawai² Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri, pegawai² "boleh pada bila² masa di-kehendaki mempelajari bahasa² lain hingga setakat darjah yang di-kehendaki oleh Kerajaan". Ini ada-lah mengenaï pegawai² di-dalam kedua² Bahagian Perkhidmatan Dalam dan Luar. Memang di-sedari bahawa mengetahuï bahasa² asing ada-lah sangat mustahak untok perkhidmatan luar, dan kerana ini, elaun bahasa dan kelas² telah di-adakan baharu² ini. Walau macham mana pun kita tidak menjadikan paksaan kapada semua pegawai² untok mengetahuï bahasa di-negeri yang mereka berkhidmat.

Under the terms and conditions of the service for P.D.L.N. officers, officers "may at any time be required to study other languages up to a standard prescribed by Government." This applies to officers in both Home and Foreign sectors. It has all along been realised that a knowledge of foreign languages is very essential to the foreign service and for that purpose language allowances and classes have been approved recently. However, we have not made it compulsory for all officers to know the language of the country in which they are serving.

### Kerajaan Malaysia

**416. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah benar sejak Negara kita Merdeka dalam tahun 1957 Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri kita tidak pernah membuat lawatan rasmi ka-negeri Iraq dan ada-kah benar bahawa Kerajaan kita telah beberapa kali di-keritik oleh Kerajaan Iraq di-sebabkan hal ini.

**Perdana Menteri:** Kerajaan Malaysia tidak pernah di-keritik.

The Malaysian Government has not been criticised.

### Atachi² Tentera

**417. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa bilangan Kedutaan² kita di-luar negeri yang ada Atachi² Tentera dan mengapa-kah sa-tengah² Kedutaan itu tiada Atachi² tersebut.

**Perdana Menteri:** Hingga sekarang ini, Atachi² Tentera/Perkhidmatan telah di-tempatkan di-enam (6) tempat, ia-itu Canberra, Rangoon, Jakarta, Bangkok, London dan Saigon. Atachi² akan di-tempatkan di-perwakilan² kita yang lain² yang mana boleh.

At the moment, Military/Service Attaches' have been assigned to six (6) places, namely Canberra, Rangoon, Jakarta, Bangkok, London and Saigon. Attaches will be assigned to our other embassies wherever possible.

### Hadiah²/Chendera² Mata

**418. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa jumlah wang yang telah di-belanjakan dalam tahun 1968, kerana membeli hadiah² dan chendera² mata yang telah di-hadiahkan kapada tetamu² dari luar negeri atau kapada negara² yang di-lawati oleh pemimpin² Malaysia.

**Perdana Menteri:** Jumlah yang telah di-belanjakan ada-lah lebeh kurang $56,680.25.

The sums spent are approximately $56,680.25 cts.

### Gajah

**419. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah benar bahawa gajah yang di-hadiahkan oleh India kapada Malaysia

telah melakukan perangai jahat sa-masa pertunjokan MAHA dalam tahun 1968; dan ada-kah Kerajaan sedar bahawa gajah itu sa-masa di-India dahulu telah membunoh sa-kurang² -nya dua orang.

**Perdana Menteri:** Mengikut pendapat kita, Gajah yang di-hadiahkan oleh India itu maseh belum tiba lagi di-Malaysia. Juga tidak pula di-ketahuï dari mana-kah datang-nya berita gajah yang buas ini.

From what we gather the gift elephant from India has still to arrive in Malaysia. It is not known where this news of a rogue elephant originated from.

### Tan Sri Ghazali bin Shafie

**420. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan berchadang melantek Tan Sri Ghazali bin Shafie sa-bagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri memandang kapada pengalaman-nya yang luas dalam hal ehwal luar negeri.

**Perdana Menteri:** Saya ada-lah juga Menteri Luar Negeri dan Tan Sri Ghazali bin Shafie, sa-bagai Setia-usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri, memberi nasehat kapada saya.

I am also the Minister of Foreign Affairs and Tan Sri Ghazali bin Shafie in his capacity of Setia-usaha Tetap of Kementerian Luar Negeri advises me.

### Atachi Pelajaran

**421. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah sa-orang Atachi Pelajaran di-kedutaan Malaysia di-negeri Arab Saudi; dan jika tiada, bila-kah jawatan saperti itu akan di-adakan.

**Perdana Menteri:** Tidak ada Atachi Pelajaran di-Saudi Arabia. Walau macham mana pun, hal² penuntut² ada-lah di-uruskan juga oleh pegawai² di-Keduataan kita di-Jeddah. Jawatan Atachi Pelajaran untok Saudi Arabia akan di-adakan jika benar² di-rasaï perkhidmatan Atachi Pelajaran itu patut di-adakan.

There is no Education Attache in Saudi Arabia. However, as is the practice in all places where no such officer is assigned, student affairs are handled by our embassy officers. The creation of a post will be considered as and when a pressing need for such services is felt.

### Persidangan Negara² Islam

**422. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri berikutan dengan lawatan rombongan yang di-ketuaï oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Ya'kub ka-negara² Islam pada tahun lalu, apa-kah persiapan² yang sudah di-buat bagi menjayakan berlangsong-nya "Persidangan Negara² Islam" yang di-jangka akan di-adakan dalam bulan April, 1969 di-Malaysia; dan nyatakan negeri² yang telah di-jemput dan yang sudah menerima jemputan² tersebut.

**Perdana Menteri:** Lawatan Rombongan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Ya'kub ka-negara² Islam pada tahun lalu ada-lah memuaskan. Rombongan itu telah melawat ka-negara Afghanistan, Algeria, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Morocco, Pakistan, Saudi Arabia, Syria, Tunisia, Turkey dan Republik Arab Bersatu. Sa-telah mendapat titek persamaan dalam dasar² Persidangan surat² utusan telah di-hantar oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ka-semua negara² itu. Sa-lain daripada surat² utusan itu, surat² utusan serta jemputan telah di-hantar ka-negara Libya, Mauritania, Senegal, Somali, Republik Yemen, Guinea, Sudan, Maldive Islands, Ivory Coast dan Lebanon. Sa-bagai persediaan bagi Persidangan Antarabangsa itu satu Persidangan Antara Ulama² yang mewakili Kerajaan Negeri Malaysia, akan di-adakan pada bulan Februari ini untok mendapat fikiran dan pendirian tempatan. Setakat ini 4 buah negara, ia-itu Pakistan, Kuwait, Jordan dan Morocco dengan resmi-nya menyatakan persetujuan mereka terhadap chadangan mengadakan Persidangan itu di-Kuala Lumpur pada akhir bulan April tahun 1969.

Satu Jawatan-kuasa Pusat, di-dalam mana Yang Berhormat sendiri menjadi

sa-orang ahli (anggota) telah di-tubohkan dan sedang menjalankan tugas²-nya. Satu Seketariat yang di-ketuai oleh sa-orang pegawai kanan telah juga di-adakan untok menjalankan tugas²-nya di-bawah arahan Jawatan-kuasa Pusat itu. Tugas²-nya ia-lah menyelenggarakan "Kertas² Kerja" untok persidangan² di-tingkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

**Biasiswa Kerajaan New Zealand**

**423. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri:

(*a*) berapa banyak biasiswa yang telah di-tawarkan oleh Kerajaan New Zealand kapada Malaysia di-bawah ASPAC dalam tahun 1968; dan

(*b*) berapa-kah bilangan anak² bumiputra yang mendapat hadiah tersebut.

**Perdana Menteri:** Pada akhir tahun lalu, Kerajaan New Zealand telah menawarkan satu biasiswa kapada warganegara Malaysia untok mengikuti kursus dalam bidang sosial dan kebudayaan untok tahun 1969 di-bawah anjoran ASPAC.

Sa-orang bumiputra telah di-chalunkan untok di-pertimbangkan oleh pehak New Zealand untok kursus ini.

**Sikap Kerajaan Terhadap Kominis**

**424. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah benar bahawa Kerajaan sudah berubah sikap terhadap kominis dan faham kominis maka dengan demikian Malaysia telah membuat hubongan diplomatik dengan Russia, jika benar, nyatakan sa-jauh mana perubahan itu berlaku.

**Perdana Menteri:** Untok menganggap penubohan hubongan diplomatik dengan Soviet Union sa-bagai perubahan sikap Kerajaan terhadap Kominisma ada-lah satu anggapan yang ta' berdasar. Perubahan sikap membawa maksud bahawa Kerajaan pada satu masa dahulu ada-lah berseteru dengan Kominisma sa-chara terbuka. Ini bukan-lah perkara yang sa-benar. Apa yang di-musohi dan di-tentang oleh Kerajaan Malaysia ia-lah Kominisma tentera saperti di-praktikkan oleh beberapa negeri yang tidak perchaya kapada hidup bersama dan tidak menghormati keutohan, kedaulatan dan susunan dalam sa-sabuah negara. Sikap yang kemudian ini sama ada Kominis atau bukan, kita tidak akan melibatkan diri kita.

Dari itu penubohan hubongan dengan Soviet Union tidak menggambarkan apa² perubahan pada pehak Kerajaan. Ini chuma menggambarkan perhubongan dua buah negeri yang bersetuju menghormati kedaulatan dan susunan sosial dalam negeri masing². Penubohan hubongan diplomatik di-masa hadapan dengan negeri² lain, sama ada kominis atau pun bukan, ada-lah berdasarkan kapada sharat² yang tertera di-atas.

To consider the establishment of diplomatic relations with the Soviet Union as a change in the Government's attitude towards Communism is to miss the point completely. A change in attitude implies that there was a time when the Government was openly hostile to Communism. This has never been the case. What the Malaysian Government has been against and have fought against is militant Communism as practised by some States which do not believe in peaceful co-existence and do not respect the territorial integrity, sovereignty and the internal set up of nations. This latter type of posture whether it be Communism or otherwise, we shall have no truck with.

The establishment of relations with the Soviet Union therefore reflects no change in the part of the Government. It only reflects the coming together of two countries who have agreed to respect each other's sovereignty and internal social order. Establishments of diplomatic relations in the future with other countries, Communist or non-Communist will be dictated by the above-mentioned conditions.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Penggugoran Anak**

**425. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan mengemukakan Rang Undang² bagi "mengharuskan

penggugoran anak" di-negeri ini saperti mana yang di-buat oleh Kerajaan Republik Singapura dalam masa yang akhir² ini; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan):** Tiada. Kerajaan berpendapat ranchangan keluarga yang dijalankan di-negara kita ini pada masa ini menchukupi bagi mengurangkan kenaikkan angka ramai orang di-negera ini.

No. The Government is of the view that the Family Planning Programme currently implemented in the country is sufficient measure at this stage to restrict population growth.

### Pemindahan Mata

**426. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah Kerajaan akan menubohkan satu jawatan-kuasa peringkat Parlimen untok mengkaji dan memberi pendapat² mengenaï "pemindahan mata" yang maseh belum selesai itu. Jika ya, bila.

**Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan:** Kementerian Kesihatan sekarang ini menderaf satu rang undang² bagi "pemindahan mata" dan akan di-kemukakan kapada Dewan Ra'ayat apabila telah di-persetujuï oleh Jema'ah Menteri. Apabila rang undang² itu di-timbangkan di-Dewan Ra'ayat maka boleh-lah Dewan Ra'ayat menimbangkan sama ada satu jawatan-kuasa peringkat Parlimen patut di-tubohkan.

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### Lapangan Terbang Mukah

**427. Tuan Sim Boon Liang** asks the Minister of Transport to state whether he is aware of the inadequate facilities in the Mukah Air Field at present, if so, whether his Ministry would consider bringing the airfield up to the standard and requirement.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** There will only be four services each week to Mukah operated by MSA using the Norman Britten Islander Aircraft under the rural air services. In addition there will be occasional Charter flights. The facilities available at Mukah Air Field are adequate for this amount of traffic.

### Pelabohan

**428. Tuan Chan Chong Wen** asks the Minister of Transport to state if he considers it necessary to provide port facilities at Johore Bahru to facilitate export and import for the southern part of West Malaysia.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** The question of providing port facilities at Johore Bahru for coastal trade especially to cater for trade with Indonesia is now being examined.

## KEMENTERIAN KEWANGAN

### Barang² Rampasan

**429. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan dalam tahun 1968; berapa banyak barang² saperti yang berikut yang telah di-rampas oleh Kastam; ia-itu:

(*a*) Chandu;

(*b*) Ganja;

(*c*) Arak atau minuman keras;

(*d*) Beras;

(*e*) Babi;

(*f*) Lembu-kerbau; dan

(*g*) Daun tembakau; terangkan juga apa terjadi kapada barang² tersebut.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Pada tahun 1968 barang² yang telah di-rampas ia-lah:

| | |
|---|---|
| (*a*) Chandu mentah | 2,152 paun |
| (*b*) Ganja ... ... | 3,189 paun |
| (*c*) Arak atau minuman keras (samsu) | 2,415 gallon |
| (*d*) Beras ... ... | 803 pikul |
| (*e*) Babi ... ... | 90 ekor |
| (*f*) Lembu-kerbau ... | 13 ekor |
| (*g*) Daun² tembakau | 42,104 paun |

Tindakan yang berikut telah di-ambil:

(*a*) *Chandu Mentah* yang mengandongi morphine 8% ka-atas telah di-serahkan kapada Jabatan Kimia

supaya di-jadikan ubat²an.Chandu mentah yang mempunyaï morphine kurang daripada 8% telah di-musnahkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja.

(*b*) *Ganja*—Telah di-musnahkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja.

(*c*) *Arak atau minuman keras* (*samsu*)—Telah di-musnahkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja.

(*d*) *Beras*—Telah di-jual kapada pelesen² borong beras dengan tawaran 'am atau tender.

(*e*) *Babi*—Telah di-jual dengan chara lelong.

(*f*) *Lembu-Kerbau*—Telah di-jual dengan chara lelong.

(*g*) *Daun² Tembakau*—Daripada 42,104 paun tembakau yang telah di-rampas, kira² 4,000 paun telah di-musnahkan dan yang lain²-nya di-jual sa-chara tawaran 'am atau tender.

**430. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan dalam tahun 1968, berapa banyak tambakau (daun) yang telah di-rampas oleh Kastam dan di-bakar saperti mana 13,000 paun yang telah di-bakar di-Alor Star dalam bulan September yang lalu; dan apa-kah sebab²-nya Kerajaan tidak menjual atau memperoseskan daun itu untok mendapat hasil-nya.

**Tun Tan Siew Sin:** Dalam tahun 1968 Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja telah merampas sa-jumlah 42,104 paun daun² tembakau, dalam mana sa-banyak 25,751 paun telah di-musnahkan. Daun² tembakau yang telah di-musnahkan dalam tahun 1968 termasok 13,432 paun yang telah di-rampas di-Alor Star dalam tahun 1967. Daripada 25,751 paun tembakau yang di-musnahkan dalam tahun 1968 itu 21,430 paun ada-lah tembakau² yang di-rampas dalam tahun 1967.

Kadang-kala Kerajaan memusnahkan tembakau² itu kerana sebab² yang tidak dapat di-kawal. Sa-bahagian daripada tembakau yang di-musnahkan itu telah rosak di-sebabkan simpanan yang lama sementara menunggu pembicharaan kes² yang berkenaan, sementara yang lain-nya telah basah atau rosak sa-masa rampasan² di-lakukan oleh pehak Kastam. Juga sa-bahagian daripada tembakau² itu di-musnahkan apabila harga tawaran terlalu rendah, sebab sa-kira-nya Kerajaan melepaskan tembakau² itu ka-pasaran, ia hanya mendapat hasil yang sadikit, ini akan mengambil tempat tembakau yang sama banyak yang sa-patut-nya di-impot dan di-kenakan bayaran Chukai Kastam. Oleh sebab itu, kadang² dengan pemusnahan tembakau² rampasan itu, Kerajaan akan mendapat lebeh banyak hasil, kerana pengeluar² tembakau terpaksa mengimpot sa-jumlah tembakau² yang sama dan membayar Chukai Kastam ka-atas-nya.

**431. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan apa yang terjadi kapada kira² 400 gelen minyak petrol dan diesel yang di-katakan di-rampas di-Kepong, Selangor, kerana tidak di-bayar chukai-nya; dan terangkan juga berapa banyak minyak yang di-larikan dari chukai saperti itu yang dapat di-rampas di-Malaysia Barat dalam tahun 1968, sa-lain daripada yang di-rampas di-Kepong dalam bulan September yang lalu.

**Tun Tan Siew Sin:** Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja telah merampas sa-jumlah 427 gallon minyak petrol dan disel yang mana chukai² kastam tidak di-bayar, di-Kepong, Selangor, pada tahun 1968. Sa-lain daripada itu, sa-jumlah 25 gallon "lubricant" telah juga di-rampas di-Kepong. Daripada minyak yang di-rampas di-Kepong, 139 gallon minyak petrol telah di-jual dengan jalan pelelongan pada 21hb September, 1968, oleh kerana minyak tersebut mudah terbakar dan tidak dapat di-simpan dengan selamat-nya di-gudang². Penjualan 139 gallon minyak petrol ini telah menghasilkan sa-banyak $187.65. Yang lain² ia-itu minyak disel dan "lubricant" akan di-jual di-masa akan datang oleh sebab kes di-mahkamah mengenaï perkara tersebut hanya di-tamatkan pada 17hb Disember, 1968.

Sa-lain daripada minyak² petrol dan disel yang di-rampas di-Kepong, Selangor, Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja, dalam tahun 1968 telah juga merampas 151 gallon minyak yang mana chukai² kastam tidak di-bayar, di-Johor Bahru.

### Chukai

**432. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan berapa jumlah wang yang telah di-pungut dalam tahun 1968 oleh Kerajaan sa-bagai chukai ka-atas minuman keras; dengan menyatakan:

(*a*) Jenis² minuman keras; dan

(*b*) Jumlah hasil yang di-pungut bagi tiap² jenis minuman itu.

**Tun Tan Siew Sin:** Jumlah impot duti dan duti eksais atas minuman² keras yang di-pungut oleh Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja, Malaysia Barat daripada bulan Januari hingga November, 1968 ada-lah saperti berikut:

| | *juta* |
|---|---|
| Duti impot atas semua jenis minuman keras ... ... | $19·3 |
| Duti eksais atas samsu ... | 3.1 |
| Duti eksais atas beer dan stout ... ... ... | 22.5 |
| Jumlah ... | $44.9 |

Angka pungutan bagi bulan Disember, 1968 tidak dapat di-perolehi pada masa ini.

### Minuman Keras

**433. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan hingga akhir tahun 1968 berapa bilangan lesen² kedai minuman keras yang di-keluarkan oleh Kerajaan, dan berapa bilangan lesen² yang di-keluarkan kapada sharikat² pengeluar minuman keras dalam tahun 1968.

**Tun Tan Siew Sin:** Oleh kerana kesuntokan masa, dan juga oleh kerana keterangan² yang di-kehendaki biasanya di-perolehi pada awal tahun yang berikutan angka² mengenaï lesen² minuman keras yang di-keluarkan oleh Kerajaan bagi tahun 1968 belum lagi di-ketahuï. Pada tahun 1967, lesen² yang berikut telah di-keluarkan oleh Kerajaan:

| | |
|---|---|
| (*a*) Lesen² borong minuman keras ... ... ... | 365 |
| (*b*) Lesen² runchit minuman keras ... ... ... | 1,149 |
| (*c*) Lesen² Bar (Public House) | 609 |
| (*d*) Lesen² Brewery ... ... | 2 |

### Wang Palsu

**434. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan berapa kejadian² menchetak wang palsu yang dapat di-tangkap dalam tahun 1968 di-Malaysia Barat dan apa hukuman² yang telah di-kenakan ke-atas orang² yang terlibat.

**Tun Tan Siew Sin:** Satu tangkapan telah di-buat berhubong dengan menchetak wang palsu dalam tahun 1968. Kes itu akan di-bicharakan dalam Mahkamah.

### Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**435. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa pehak E.P.F. (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) telah di-desak supaya memberi pinjaman² kapada Kerajaan walau pun pehak-nya tidak bersedia berbuat demikian; jika ya, sama ada Kerajaan sudah mengambil langkah² bagi menchegah perbuatan yang tidak baik itu.

**Tun Tan Siew Sin:** Tudohan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah di-desak supaya memberi pinjaman² kapada Kerajaan walau pun pehak Kumpulan Wang tersebut tidak bersedia berbuat demikian ada-lah tidak benar sama sekali. Yang Berhormat patut-lah tahu ia-itu sekshen 4 (2) Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 telah menetapkan chara² bagaimana Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh menanam modal dengan wang-nya, dan ini termasok-lah penanaman modal di-dalam pinjaman Kerajaan. Oleh yang demikian sangat-lah tidak patut bagi Yang Berhormat membuat tudohan bahawa terdapat perhubongan yang

tidak sehat antara Kerajaan dan Kumpulan Wang tersebut.

**Surat**

**436. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Finance if he has received a letter dated 4th December, 1968 from the Federation of Hawkers' and Petty Traders' Association, West Malaysia. If so, what action has he taken on that letter.

**Tun Tan Siew Sin:** I have not received the letter referred to by the Honourable Member and therefore the question does not arise.

**Pinjaman[2]**

**437. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Finance the loans:

(*a*) domestic; and

(*b*) foreign which have been raised in 1968.

**Tun Tan Siew Sin:** The total amount of domestic loans raised in 1968 is about $526 million while the figure for foreign loans is about $91 million. The actual figures of amounts drawn are being finalised but it is not envisaged that they will vary significantly from the above.